



MERINTIS KAMPUS BARAKAH



Merintis Kampus Barakah

Hak cipta terpelihara © 2017 Universiti Sains Islam Malaysia. Tiada mana-mana bahagian terbitan ini boleh diterbitkan, disimpan dalam sistem yang boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam apa-apa bentuk dengan apa-apa cara, sama ada elektronik, mekanikal, salinan foto, rakaman atau sebarang sistem simpanan tanpa izin bertulis pihak penerbitan terlebih dahulu.

PENERBIT

Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK)
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: +6067986002/6001, Faks: +067988162

PENCETAK

Rekative Media
No. 9A, Jalan Bunga Raya 2,
Taman Bunga Raya,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900, Sepang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-8706 1381/ Faks: +603-8706 3281

REKA BENTUK

Pusat Komunikasi Strategik (StraComm), USIM

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MERINTIS KAMPUS BARAKAH

ISBN 978-967-440-409-3

1. Universiti Sains Islam Malaysia. 2. Education, Higher--Malaysia--Negeri Sembilan. 3. Universities and colleges--Malaysia--Negeri Sembilan.
 4. Strategic planning 2009-2025.
- 378.595

JAWATANKUASA PENERBITAN KHAS MERINTIS KAMPUS BARAKAH

Penasihat

Musa Ahmad
Muhammad Haizuan Rozali

Ketua Penyunting

Mohd Yahya Mohamed Ariffin

Timbalan Ketua Penyunting

Siti Suriani Othman

Penyunting

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali
Sofia Hayati Yusoff
Khairunneezam Mohd Noor
Fauziah Hassan

Penyumbang

Abdul Manan Ismail ♦ Abdul Rahim Abdul Rahman ♦ Abdul Samat Musa ♦ Ahmad Adib Jumhuri ♦ Asmaddy Haris ♦ Azlina Mokhtar ♦ Daim Saian ♦ Dzulkifli Abdul Razak ♦ Elina Mohd Husini ♦ Fadli Arabi ♦ Faszly Rahim ♦ Hariza Mohd Yusof ♦ Haslinda Ramli ♦ Hassan Basri Awang Mat Dahan ♦ Hendun Abd Rahman Shah ♦ Jasmin Jaimon ♦ Kamaluddin Nurdin Marjuni ♦ Kamarull Syamzari Kamaruddin ♦ Khatijah Othman ♦ Khairunneezam Mohd Noor ♦ Mahazan Abdul Mutualib@Taib ♦ Marina Munira Abdul Mutualib ♦ Masni Md. Hasim ♦ Md. Ishah Rahman ♦ Mohammad Aizuddin Abdul Aziz ♦ Mohd Asri Husain ♦ Mohd Dzulkhairi Mohd Rani ♦ Mohd Faizal Kasmani ♦ Mohd Radhi Ibrahim ♦ Mohd Shahrul Nizam Mohamed Shamsuddin ♦ Mohd Saifullah Zukapli ♦ Mohd Yahya Mohamed Ariffin ♦ Mohd Yusrizal Mohd Yunus ♦ Monaliza Laudang ♦ Muhamad Azhari Wahid ♦ Muhammad Haizuan Rozali ♦ Morshidi Sirat ♦ Muin Yahaya♦ Musa Ahmad ♦ Nasrul Hakim Ahmad ♦ Noornajihan Ja'afar ♦ Norakyairee Mohd Raus ♦ Norazlina Abu Zahar ♦ Norhayati Adam ♦ Norfadhilah Mohamad Ali ♦ Norita Md. Norwawi ♦ Roshada Hashim ♦ Rozana Kamdani ♦ Siti Ramna Khamaruddin ♦ Shezelena Madon ♦ Syahirah Salleh ♦ Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali ♦ Wan Norisma Wan Ismail ♦ Zulkifli Hasan ♦ Zulkiple Abd Ghani

Urus Setia

Mohd Faizal Kasmani
Mohd Asri Husain
Mohd Syafaat Sapari
Aslita Zainal

Perekा

Mohd Saiful Abdul Samad
Wahida Abas
Mohd Mua'limin Ab Jalil
Aizatul Shima Abd.Rahman



Selembat Kata

Alhamdulillah, Beta memanjatkan rasa bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, usaha penerbitan buku *Merintis Kampus Barakah* oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya direalisasikan.

Beta berbangga kerana USIM memainkan peranannya yang amat signifikan sebagai sebuah Universiti yang menjadikan integrasi ilmu naqli dan aqli sebagai asas dan keunikannya. Melaluinya, USIM duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan Universiti Awam yang lain untuk memajukan dan menaikkan imej pendidikan tinggi negara.

Keberadaannya di Negeri Sembilan secara langsung turut merancakkan agenda pusat pendidikan tinggi di negeri ini yang diterajui Kerajaan Negeri Sembilan. Peranan yang dilaksanakan oleh USIM ini amat Beta hargai dan berharap kerjasama antara Kerajaan Negeri Sembilan dan USIM akan terus dimantapkan demi generasi akan datang.

Penerbitan buku ini amat istimewa bagi Beta kerana ia dikupas melalui 17 tahun perjalanan Universiti ini, semenjak penubuhannya, yang menyentuh aspek integrasi ilmu naqli dan aqli. Melalui tema-tema yang diangkat, ia menunjukkan hasrat yang jelas untuk menjadikan USIM sebagai sebuah kampus yang barakah, kerana melalui paduan antara ilmu naqli dan aqli ini, diharapkan dapat membantu mewujudkan masyarakat madani.

Beta berharap warga USIM dapat bersama-sama membantu menjayakan matlamat Kampus Barakah ini dengan berkhidmat secara tulus dan ikhlas serta bertanggungjawab. Hal ini penting demi memastikan kelestarian ekosistem pendidikan tinggi yang berteraskan pendidikan Islam dapat dimartabatkan dengan sewajarnya.

Syabas dan tahniah kepada warga USIM atas penerbitan buku *Merintis Kampus Barakah* ini. Semoga buku ini menjadi rujukan penting kepada masyarakat untuk mengenali USIM dengan lebih dekat.

**DYMM TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUANKU AISHAH ROHANI BINTI ALMARHUM TENGKU BESAR MAHMUD**
Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Sekapur Sirih Seulas Pinang

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Integrasi Naqli dan Aqli



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah dan setinggi-tinggi syukur dipanjangkan ke hadratNya kerana USIM berjaya menerbitkan buku *Merintis Kampus Barakah* hasil nukilan bersama warga USIM sebagai panduan ke arah Kampus Barakah menjelang tahun 1457 H (2035 EM) .

"*Kampus USIM, Kampus Barakah*", kali pertama perkataan ini saya ungkapkan adalah dalam Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 1438 H (2017 EM) pada 28 Jamadil Awal yang lalu. USIM meletak sasaran supaya menjelang tahun 1457 H (2035 EM) nanti, indikator-indikator bagi menuju Kampus Barakah telah dilaksanakan. Justeru, penerbitan buku *Merintis Kampus Barakah* ini sedikit sebanyak akan menjadi buku panduan kepada warga USIM bagi merealisasikan hasrat untuk menjadi Kampus Barakah. Pengurusan Universiti serta warganya berasa bertuah kerana agenda Kampus Barakah ini mendapat sokongan yang padu daripada pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang turut turun padang dan berganding bahu untuk memajukan Universiti ini.

Islam sentiasa menyarankan agar umatnya mengangkat martabat serta memajukan organisasi dengan melaksanakan kerja dengan sempurna dan bersungguh-sungguh. Teringat saya kepada sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan *itqan* (baik, sempurna dan teliti)."

Akhir kalam, adalah diharapkan bahawa usaha murni melalui penerbitan buku ini mampu menjadi manfaat serta rujukan yang signifikan kepada warga USIM khususnya. Semoga USIM menjadi kampus yang berkualiti lagi cemerlang serta unggul, disegani, bertaraf dunia dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Amin!

PROFESOR DATO' DR MUSA AHMAD

Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

KANDUNGAN

11
PROLOG

21
PERKEMBANGAN FASA 1421-1428 H
(2000-2007 EM)

43
PERKEMBANGAN FASA 1429-1439 H
(2008-2017 EM)

79
PELAN STRATEGIK 1430-1446 H
(2009-2025 EM)

97
CABARAN MERINTIS KAMPUS
BARAKAH

119
EPILOG

SINGKATAN

AI	Kecerdasan Buatan	IP	<i>Intellectual Property</i>
ACREDA	<i>Asian Centre for Research on Drug Abuse</i>	IPB	Internet Pelbagai Benda
BHEP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	IPPTN	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi
BHP	<i>Basic Halal Programme</i>	IPTI	Negara
CTEF	<i>Commonwealth Tertiary Education Facility</i>	Berteraskan	Institusi Pendidikan Tinggi
CHA	Sijil Penganalisis Halal	Islam	
CHE	Sijil Eksekutif Halal	ISI	Institut Sains Islam
DisPl	Diploma Siswazah Pengajian Islam	i-CGPA	Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu
DIU	<i>Daffodil International University</i>	i-GSN	<i>Islamic Global School Network</i>
EM	Era Moden	JAHARI	<i>Japan Halal Product and Services Research Institute</i>
ERA	<i>Excellence in Research for Australia</i>	JAKSA	Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i
FDPI	Fakulti Da'wah dan Pengurusan Islam	JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	JPPF	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti
FEM	Fakulti Ekonomi dan Muamalat	KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
FKAB	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	KPI	<i>Key Performance Index</i>
FKP	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
FPBU	Fakulti Pengajian Bahasa Utama	KUIM	Kolej Universiti Islam Malaysia
FPg	Fakulti Pergigian	LI	Latihan Industri
FPI	Fakulti Pengajian Islam	MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
FPQS	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
FPSK	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	MOA	<i>Memorandum of Action</i>
FSK	Fakulti Syariah dan Kehakiman	MOOC	<i>Massive Open Online Courses</i>
FST	Fakulti Sains dan Teknologi	MOU	<i>Memorandum of Understanding</i>
FSU	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
GIINA	Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli	NESDA	Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan
GISO	<i>Global Islamic Student Outreach</i>	NGO	<i>Non-Governmental Organisation</i>
GOAL	<i>Global Open Access Learning</i>	ODL	Program Pascasiswazah Secara Atas Talian
GS-Muamalat	<i>Graduate School of Muamalat</i>	OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i>
H	Hijrah	OKU	Orang Kelainan Upaya
Haljob	<i>Halal Job Programme</i>	PAMM	Persatuan Autisme Muslim Malaysia
HOPE	<i>Hands on Programme of Entrepreneurship</i>	PERTIS	Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia
IAIN	Institut Agama Islam Negeri	PIINA	Pusat Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	PIJIM	Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat
IFWMI	Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam	PLHP	Program Latihan Halal Profesional
IIUC	<i>International Islamic University, Chittagong</i>	PPITM	Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat
INAQ	Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli	PPKI	Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

PPKS	Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa
PPPM(PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PTM	Pusat Teknologi Maklumat
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
RMK-8	Rancangan Malaysia Ke-8
RMK-9	Rancangan Malaysia Ke-9
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
SaF@USIM	Kelab Sahabat Faqeh
SAW	Selawat dan Salam ke Atasnya
SEIPTI	Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam
SIANA	Staf Integrasi Amal Naqli dan Aqli
SIC	Sirkit Antarabangsa Sepang
SJCU	<i>Sejong Cyber University</i>
SMU	Sistem Maklumat Universiti
STEM	<i>Science, Technology, Engineering & Mathematics</i>
STREAM	<i>Science, Technology, Religion, Ethics, Arts & Mathematics</i>
SWT	Maha Suci dan Maha Tinggi
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
UA	Universiti Awam
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UK	<i>United Kingdom</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Universiti Putra Malaysia
USAID	<i>United States Agency for International Development</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
SIG	<i>Special Interest Group</i>
SUKMAS	Sukan Antara Universiti
WOS	<i>Web of Science</i>
WL	<i>World Learning</i>
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat
YBhg	Yang Berbahagia
YBrs	Yang Berusaha
2u2i	Dua Tahun di Universiti dan Dua Tahun di Industri

IQRA'

Kalimah iqra' bermaksud bacalah, merupakan kalimah suci al-Quran. Kalimah iqra' merupakan kalimah pertama yang terangkum dalam wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW. Majoriti ulama Islam berpendapat kalimah ini menunjukkan ketinggian nilai ilmu dan kemuliaan amalan keilmuan dalam Islam. Konsep Iqra' yang diperkenalkan USIM membawa kepada penekanan rentas pelbagai disiplin ilmu (termasuk aqli dan naqli) dalam pengajaran dan pembelajaran, pendidikan dan penyelidikan, juga perkhidmatan kepada masyarakat dan ummah.

Prolog

Dalam sejarah penubuhan dan perkembangan institusi pendidikan, imej dan fungsi universiti dalam konteks pembangunan tamadun manusia sebelum era moden mudah untuk difahami. Dari sudut fungsi, universiti menjana dan menyebar ilmu, khususnya untuk mencari penyelesaian kepada permasalahan manusia sesama manusia, manusia dengan alam, dan manusia dengan Pencipta. Selain itu, universiti juga meneroka kemungkinan pada masa hadapan wujud hubungan dengan perkembangan tamadun itu sendiri. Dari sudut imej, universiti dilihat sebagai kritikal dalam perkembangan tradisi ilmu dan lazimnya diiktiraf sebagai berada di puncak suatu "sistem" pendidikan tinggi, tidak kira sistem yang paling asas mahupun yang paling canggih dalam era moden.

Hal ini k na universiti kerap berada di tengah-tengah pergolakan masyarakat dan ia bertindak sebagai pemimpin serta pencetus idea kepada penyelesaian dalam dialog ilmu yang berkaitan. Sebagai manifestasi imej universiti yang bersifat bebas, universiti tidak sentiasa patuh, malah ada kalanya mengambil pendekatan antagonistik terhadap tradisi yang tidak selaras dengan kaedah dan pendekatan penerokaan ilmu yang bebas dan saintifik. Ini semua telah berubah dalam era globalisasi khususnya apabila pendekatan neoliberalisme diangkat sebagai tonggak kepada kemajuan dan perkembangan global dan nasional.

“

Punca kepada imej dan peranan universiti semasa dan pada masa akan datang, terletak kepada peranan dan keberkesanan universiti dalam mengimbangi tuntutan pemerintah, kuasa pasaran, kepentingan individu dan pegangan kepada tradisi ilmu.

”

Masyarakat kini yang tidak kira apa tradisi ilmunya sedang berhadapan dengan proses transformasi yang dipacu ilmu pengetahuan. Proses ini membentuk pengalaman dan kesejahteraan masyarakat. Dari semasa ke semasa masyarakat perlu mengimbau kembali kesan baik dan buruk proses ini kepada kumpulan dan ahli kumpulan. Apakah imej dan peranan universiti dalam proses transformasi ini? Apakah universiti kekal berperanan sebagai pencetus idea atau sekadar bertindak sebagai pengemudi proses transformasi ke arah keberhasilan yang membawa kepada kesejahteraan? Jika keberhasilan institusi universiti diolah serta diukur berdasarkan kesan kepada insan, keinsanan dan ihsan, apakah universiti boleh mendabik dada dan berbangga dengan keberhasilan setakat ini? Namun, apakah ukuran keberhasilan universiti sudah tidak lagi berfokus kepada insan, tetapi lebih kepada isu imej di mata dunia yang ditentukan oleh institusi di luar universiti dan tiada kesan langsung kepada insan dalam mahupun di luar universiti? Apakah maksud di sebalik pernyataan yang imej dan fungsi universiti wajar selaras dengan matlamat kesejahteraan?

Dalam mencari jawapan kepada persoalan-persoalan ini, punca kepada imej dan peranan universiti semasa dan pada masa akan datang, terletak kepada peranan dan keberkesanan universiti dalam mengimbangi tuntutan pemerintah, kuasa pasaran, kepentingan individu dan pegangan kepada tradisi ilmu. Paling penting, dalam mengimbangi pelbagai pengaruh dan tuntutan, insan tetap merupakan sasaran utama universiti. Sistem, struktur atau organisasi yang terdapat dalam masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan pendidikan tinggi, adalah memboleh ubah untuk mencapai matlamat hakiki semata-mata.

Amat tepat sekali pengamatan Dr Ben Joengbloed seorang penyelidik kanan bersekutu di Belanda dalam bukunya *Universities as Hybrid Organizations: Trends, Drivers, and Challenges for the European University* tentang Universiti Awam (UA). Apabila UA berhadapan dengan tekanan berupa kewangan, ia berkecenderungan untuk mengambil langkah yang dianggap sebagai logikal, bertukar identiti lalu memperlihatkan ciri-ciri keusahawanan tidak berasaskan keuntungan. Hal ini kerana, apabila mengalami masalah kewangan, UA melihat kepada sektor swasta untuk mendapat suntikan sumber tambahan atau untuk menggantikan sumber tradisional, iaitu pemerintah. Walau bagaimanapun, UA yang beroperasi sebagai suatu entiti keusahawanan cuba mengelak daripada dilabel masyarakat kampus mahupun yang di luar kampus sebagai entiti yang mengutamakan keuntungan. Label seperti ini merosakkan imej UA dan menjadikan institusi ini berada pada tahap disfungsi dalam masyarakat. Namun, selaras dengan pendekatan neoliberal, pemerintah cenderung untuk menggesa UA agar berusaha untuk menjana sumber kewangan melalui pengkomersialan pengetahuan dan inovasi yang dihasilkan oleh universiti secara sendirian atau dengan rakan kongsi.

Menarik juga, sebagai tambahan kepada misi pengajaran dan penyelidikan, UA digesa pemerintah agar melaksanakan "misi ketiga" seperti yang ditekankan oleh Prof Philippe Laredo dari United Kingdom (UK) dalam penulisannya bertajuk *Toward a Third Mission for Universities*, iaitu menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat. Tuntutan-tuntutan ini mengubah imej dan fungsi universiti, khususnya UA, bukan sahaja di Malaysia malah di kebanyakan negara yang merasakan kos untuk pemerintah menyediakan pendidikan tinggi semakin membebankan. Tradisi ilmu pun turut berubah apabila prestasi UA dari sudut imej dan



fungsi dalam konteks pasaran tempatan dan global menjadi pertimbangan utama keberhasilan. Malah, tidak kira apa tradisi ilmu sesuatu universiti itu, ancaman kian meningkat selaras dengan kedudukan dan integrasi universiti ini dengan pasaran dan arena global.

Sehubungan dengan tradisi ilmu yang menjadi asas atau tonggak kepada sistem pendidikan Islam di Malaysia yang kemuncaknya ialah penubuhan universiti Islam, sistemnya bermula daripada sekolah pondok, madrasah dan kemudian universiti. Globalisasi, kuasa pasaran dan peranan imej atau status global, memulakan pembentukan semula sistem pendidikan ini selaras dengan pendidikan global. Jika diamati, bukan sahaja pada peringkat universiti di Malaysia, malah peringkat sekolah juga sudah mula membentuk semula sistem pendidikan mengikut ukuran pada peringkat global.

Dalam hal ini, adakah universiti di Malaysia masih berpegang kepada sistem pendidikan yang berteraskan falsafah masing-masing atau sudah mencampuradukkan sistem pendidikan tersebut secara sedar atau tidak sedar, atau terpaksa kerana

“

Dalam konteks universiti, organisasi hibrid adalah manifestasi beberapa penyesuaian universiti kepada perubahan di peringkat global dan tempatan.

”

pertimbangan kelangsungan hidup? Strategi kemandirian di sini diperlihatkan melalui pelbagai usaha untuk terus relevan, diiktiraf dan dirujuk oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa. Dalam situasi begini, UA tempatan mula memperlihatkan tiga bentuk wajah dan manifestasi: imej awam (dominan), imej swasta (berkaitan dengan penjanaan pendapatan untuk tujuan kelestarian kewangan), dan imej ihsan (peranan universiti berdasarkan idea dan peranan universiti dalam masyarakat). Pertindihan tiga imej atau peranan ini adalah realiti universiti semasa dan pada masa akan datang, khususnya UA di Malaysia. Tuntutan pemerintah, kuasa pasaran dan pentingnya ihsan dalam konteks keterlibatan universiti dengan masyarakat, adalah punca kepada fenomena kemunculan universiti hibrid.

Dalam bentuk generiknya, keadaan hibrid boleh didefinisikan sebagai gabungan ciri-ciri yang kontra dalam satu entiti, dan ini menjadikan garis pemisah tradisional di antara yang disifatkan sebagai ciri-ciri awam dengan swasta. Pendekatan ini membuatkan masyarakat menjadi kabur. Dalam konteks universiti, organisasi hibrid adalah manifestasi beberapa penyesuaian universiti kepada perubahan di peringkat global dan tempatan. Punca perubahan ini lazimnya berpunca dari luar, bukan dari dalam universiti. Lantas, tentang dapat dirasakan dalam universiti terhadap perubahan yang berkaitan dengan fenomena hibrid ini.

Menariknya fenomena hibrid ini adalah, ia tidak terhad kepada satu tradisi ilmu. Dalam konteks universiti berteraskan Islam, kesannya terasa khususnya dalam aspek penjanaan pendapatan dan perkhidmatan kepada masyarakat. Terdapat banyak pertimbangan dan perkiraan bagi universiti berteraskan Islam dalam hal-hal berkaitan penjanaan pendapatan dan penglibatan dalam pasaran khususnya dalam negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka. Sebagai sebuah institusi ilmu, universiti dan warganya wajar mempamerkan sifat intelek dan keilmuan dalam keterlibatan dengan masyarakat. Ini bukan mudah bagi universiti hibrid kerana desakan dan tekanan dari luar pasti akan menuntut perubahan dalaman universiti.

Berdepan dengan tuntutan yang telah dijelaskan sebelum ini, bermula dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM(PT)) yang dirangka berdasarkan pendekatan neoliberal, UA seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) perlu beroperasi sebagai sebuah organisasi hibrid. Pendekatan neoliberal menuntut agar pemerintah tidak terlalu dibebankan dengan kos untuk menyediakan



- Apakah sebenarnya objektif universiti awam hibrid?
- Sama ada prestij, endowmen, tahap kepuasan ahli akademik, atau kedudukan kewangan negara?
- Di manakah acuan Malaysia dalam perkembangan pendidikan tinggi dan universiti?
- Di manakah tradisi ilmu yang sedia ada di rantau ini sekian lama?
- Bolehkah tradisi ilmu berdasarkan Islam menjadi benteng kepada keruntuhan tradisi ilmu kerana pengaruh neoliberalisme?

pendidikan tinggi. Sebaliknya pemerintah, dan secara langsung UA, perlu mengeksplorasi peluang dalam pasaran bagi mengurangkan bebanan kos dalam menyediakan pendidikan tinggi. Malah, disarankan dalam PPPM(PT) agar UA meningkatkan keupayaan untuk menjana pendapatan sendiri melalui penglibatan dalam pasaran daripada aspek pengajaran, penyelidikan dan pengkomersialan.

Dengan ini, walaupun UA di Malaysia adalah entiti yang diperbadankan dan beroperasi sebagai badan berkanun awam, fungsinya sudah mula berubah. UA, jika diteliti dari sudut aktivitinya, sudah mula terlibat dengan aktiviti yang pertimbangan utamanya ialah pulangan kepada pelaburan, dan perubahan fungsi ini menuntut perubahan dalam sistem governan dan pengurusan UA. Dalam banyak perkara dalam PPPM(PT), aspek penjanaan kewangan untuk tujuan kelestarian kewangan dan mengurangkan pergantungan kepada pemerintah begitu menebal dalam pemikiran masyarakat universiti kini. Hal ini kerana, ia mengesan semua lapisan masyarakat universiti dan artikulasinya juga amat berkesan dalam kalangan para intelek universiti. Kolaborasi antara UA dengan bisnes dan korporat ditekankan dalam konteks perkembangan pendidikan tinggi semasa dan pada masa mendatang. Melalui kolaborasi ini, pemerintah mengharapkan kecekapan dan keberhasilan UA dapat dipertingkatkan. Sekali gus, beban kewangan kepada pemerintah boleh dikurangkan. Kolaborasi erat antara UA dengan

sektor swasta serta pengurangan pembiayaan pemerintah untuk pendidikan tinggi telah mengalah fokus UA kepada pasaran. Seperti yang diperjelaskan Joengbloed dalam konteks perkembangan pendidikan tinggi di Barat, keadaan ini menjadikan UA lebih terdedah kepada pengaruh pemegang taruh dan pelanggan dengan pelbagai tuntutan, harapan dan *Key Performance Index (KPI)*. Lantas, UA mengambil identiti baharu, giat beroperasi sebagai organisasi hibrid, dipacu dua paradigma iaitu peraturan pemerintah dan kuasa pasaran dalam masa yang sama. UA hibrid perlu menggabungkan dua mekanisme pemacu ini dan berusaha untuk mewujudkan keseimbangan dalam melaksanakan fungsi pengajaran, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat.

Dalam kes UA hibrid, pertimbangan dan perkiraan tidak semestinya boleh diterjemahkan dengan mudah kepada keuntungan, iaitu hasil tolak kos. Pertimbangan kelestarian kewangan dalam konteks UA hibrid ini perlu mengambil kira akses, ekuiti dan akauntabiliti kepada masyarakat. Justeru, apakah sebenarnya objektif UA hibrid? Sama ada prestij, endowmen, tahap kepuasan ahli akademik, atau kedudukan kewangan negara? Semua perkara yang dijelaskan berdasarkan pengalaman Barat sedang berlaku dalam konteks Malaysia. Maka, di manakah acuan Malaysia dalam perkembangan pendidikan tinggi dan universiti? Di manakah tradisi ilmu yang sedia ada di rantau ini sekian lama? Bolehkah tradisi ilmu berdasarkan Islam menjadi benteng kepada keruntuhan tradisi ilmu kerana pengaruh neoliberalisme?

Dalam konteks ancaman seperti yang telah dikupas sebelum ini serta dalam usaha mencari dan membezakan USIM dengan universiti lain, USIM perlu tertumpu dan mempamerkan maksud "I" (Islam) dalam USIM. Apakah yang dimaksudkan dengan "I" oleh USIM? Adakah "I" ini menggambarkan konsep dan falsafah Islam di USIM? Bagaimana hendak menghubungkan "I" dalam USIM ini dengan keadaan semasa dan senario pada masa akan datang?

Melihat ke hadapan dan dalam konteks prolog ini, strategi, program dan aktiviti yang memfokuskan "I" dalam USIM ini pendekatannya terbahagi kepada tujuh. Pertama, "I" merujuk kepada integrasi ilmu naqli dan aqli; kedua, 'I' merujuk kepada budaya Iqra'; ketiga, "I" merujuk kepada insan yang terbina daripada amalan integrasi ilmu naqli dan aqli, budaya Iqra' dan berpandukan qalbu; keempat, "I" merujuk kepada *internationalisation* (pengantarabangsaan); kelima, "I" merujuk kepada hubungan atau interaksi universiti pada peringkat antarabangsa dan tempatan; keenam, "I" merujuk kepada intervensi revolusi perindustrian keempat; dan ketujuh, "I" merujuk kepada impak terhadap ummah. Buku *Merintis Kampus Barakah* ini melakarkan secara langsung atau tidak langsung maksud "I" dalam USIM ini.

"I" merujuk kepada gabungan atau integrasi ilmu naqli dan aqli dengan hasrat untuk menjadi pusat rujukan ilmu naqli dan aqli yang unik pada peringkat global 1447 Hijrah (H) (2025 Era Moden (EM)). Oleh itu, USIM perlu menjelaskan ilmu naqli dan aqli yang ingin diperkenalkan, khususnya sebagai sesuatu yang akan menjadi syarat kepada pembangunan diri, masyarakat dan negara dengan kesedaran bahawa tindakan adalah berlandaskan hakikat akhirnya insan akan bertemu dengan Pencipta.

Menurut Yusuf al-Qardhawi, iqra' secara etimologi bererti membaca huruf-huruf yang tertulis di dalam buku manakala secara terminologi iqra' membawa erti yang lebih luas, iaitu melihat secara keseluruhan alam semesta. Iqra' bukan sekadar membaca tetapi iqra' mengandungi tiga pengertian utama. Pertama, iqra' bermaksud membaca ayat-ayat Allah SWT yang tertulis dalam al-Quran. Allah SWT menurunkan



- Apakah yang dimaksudkan dengan 'I' oleh USIM?
- Adakah 'I' ini menggambarkan konsep dan falsafah Islam di USIM?
- Bagaimana hendak menghubungkan 'I' dalam USIM ini dengan keadaan semasa dan senario pada masa akan datang?

al-Quran kepada Rasulullah SAW sebagai rahmat seluruh alam semesta seperti yang dinyatakan dalam surah al-Anbiya' ayat 107. Kedua, iqra' bererti membaca ayat-ayat Allah SWT yang tercipta dan terdapat di alam semesta yang merupakan anugerah Allah SWT untuk difahami oleh manusia demi meningkatkan ilmu pengetahuan. Ketiga, iqra' bermakna membaca ayat-ayat Allah SWT yang terdapat pada personaliti atau tingkah laku setiap insan.

"I" untuk insan yang terbina dari konsep dan amalan integrasi ilmu naqli dan aqli, amalan budaya iqra' dan berpandukan qalbu amat berbeza dengan individu sebagai modal insan berdasarkan konsep dan amalan dalam pendekatan ekonomi neoliberal. Dalam pendekatan neoliberal, individu adalah suatu bentuk modal atau alat yang dieksloitasi untuk tujuan pembangunan seterusnya. Dalam konteks neoliberal ini, individu adalah modal dan disamatarafkan dengan bangunan, wang dan lain-lain. Dalam konteks USIM, insan adalah kesudahan individu setelah menghayati dan mengamal tiga tradisi ilmu: integrasi naqli dan aqli, budaya iqra', dan pertimbangan berpandukan qalbu. Individu atau insan ini seterusnya menyumbang ilmu dan tenaga untuk kesejahteraan ummah. Dari sudut ini, insan adalah lebih tinggi martabatnya berbanding mesin, robot, bangunan, wang dan lain-lain.

"I" untuk *internationalisation* atau pengantarabangsaan ini sememangnya akan memberi manfaat kepada semua ahli dalam institusi apabila aktiviti ini diolah dan dilaksanakan selaras dengan tradisi ilmu di USIM. Namun, pengantarabangsaan tidak semestinya melibatkan pergerakan secara fizikal ke luar negara. Pergerakan idea melalui teknologi juga adalah suatu bentuk mobiliti tetapi tidak berbentuk fizikal. Pengantarabangsaan di kampus (*Internationalisation@Home*) juga tidak semestinya melibatkan pergerakan ke luar negara.

Ia bermaksud kurikulum yang dibina mengambil kira aspek antarabangsa atau aktiviti dalam kampus yang memperlihatkan aspek antarabangsa. Pengantarabangsaan wajar mengesan warga universiti dari aspek tahap kompetensi antara budaya dan agama yang tinggi.

"I" untuk interaksi atau hubungan yang terjalin antara USIM pada peringkat antarabangsa dan tempatan ini merupakan pendekatan yang baik untuk mengukuhkan "I" dalam USIM. Interaksi ini berfungsi untuk menjelaskan imej, peranan positif Islam dan keintelikualan Islam bukan sahaja di Malaysia, malah di luar negara.

"I" untuk intervensi revolusi perindustrian termasuk Revolusi Industri Ke-4, membawa kita kepada fokus pendidikan tinggi di Malaysia kini. Lakaran senario pada masa hadapan memperlihatkan persekitaran yang sedang membentuk, melibatkan peranan dan pengaruh penting dalam bentuk ganggu-gugat teknologi dan pelbagai arah aliran seperti Internet Pelbagai Benda (IPB), Robot dan Realiti Maya dan Kecerdasan Buatan (AI). Semua teknologi ini akan mempengaruhi gaya kehidupan dan cara kerja pada masa akan datang, yang amat berbeza dengan kesan revolusi perindustrian sebelum ini. Persoalan pokok dari sudut insan dan ihsan ialah bagaimana manusia dan kemanusiaan berupaya mengharungi gaya kehidupan baharu dalam era mesin pintar. Ringkasnya, semua pengaruh ini adalah punca utama kepada perubahan aktiviti sosial, ekonomi, politik, ideologi dan budaya sesebuah negara dan Malaysia tidak terkecuali.

“I” untuk impak kepada ummah sebenarnya adalah untuk mendidik ahlinya supaya dapat menjaga hubungan sesama manusia yang perlu ada dalam pembangunan Islam. USIM tidak hanya memfokuskan kepada pembangunan universiti sahaja, tetapi juga perlu membentuk ikatan hati antara universiti dengan masyarakat luar. Sebagai contoh, USIM perlu meningkatkan lagi pelaksanaan pembangunan wakaf kerana usaha ini sebenarnya memberi impak yang besar, terutama dari aspek pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam di negara ini.

Keseluruhannya, USIM perlu mempamerkan konsep, interpretasi dan terjemahan maksud “I” dalam Universiti untuk mengukuhkan program dan aktiviti yang dilaksanakan. Namun begitu, kita perlu tahu apakah kemungkinan halangan dan pencapaian USIM melalui pendekatan yang akan dilaksanakan ini? Dari segi halangan yang pertama, USIM perlu menjelaskan maksud “I” yang sebenar kepada setiap warganya supaya semuanya dapat difahami dan dipraktikkan; kedua, dari segi masa, “I” perlu masa untuk dibentuk, difahami dan dilaksanakan; ketiga, kerjasama daripada semua ahli diperlukan untuk menterjemahkan maksud “I” kerana pemikiran setiap ahli adalah berbeza;

dan keempat, komitmen pemimpin. Pemimpin memainkan peranan penting dan perlu komited dengan tanggungjawab memperkenalkan “I” ini kerana tunjang utama untuk merealisasikan matlamat dan hala tuju USIM ialah pihak pengurusan atasan atau pemimpin.


Seterusnya terdapat beberapa pertimbangan penting dalam konteks bergerak ke hadapan: yang pertama, USIM perlu memantapkan lagi imej sebagai Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Islam (IPTI) dengan melaksanakan sistem governan dan pengurusan berteraskan Islam sepenuhnya; kedua, USIM boleh dijadikan panduan dan rujukan bagi IPTI yang lain; dan ketiga, realisasi USIM untuk menjadi pusat rujukan global berlandaskan integrasi ilmu naqli dan aqli yang unik perlu melibatkan pengembangan konsep dan bukti amalan. Ini yang difahami sebagai acuan sendiri dalam pembangunan USIM merintis sebuah Kampus Barakah, acuan Malaysia untuk dunia dari sudut kemanusiaan!

Profesor Dato' Dr Morshidi Sirat Profesor Pelawat

5 Syaaban 1438 H – 25 Zulkaedah 1438 H
(18 Mei 2017 EM – 17 Ogos 2017 EM)

Morshidi Sirat pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Sebelum itu Morshidi berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Semasa bertugas di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang antara Mei 1981 hingga Februari 2011, Morshidi pernah berkhidmat sebagai Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan sebagai Pengarah, Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN). Sejak 2013, Morshidi adalah Pengarah Pengasas, *Commonwealth Tertiary Education Facility* (CTEF) yang berpejabat di IPPTN, USM. CTEF adalah sebuah entiti kolaborasi antara KPT Malaysia dan *Commonwealth Secretariat*, London. Kini, Morshidi giat menjalankan penyelidikan dan perundingan berkaitan dasar pendidikan tinggi di rantau ASEAN, Asia Timur dan Pasifik Selatan untuk World Bank, Asian Development Bank dan UNESCO Bangkok.



MERINTIS KAMPUS BARAKAH

Universiti Sains Islam Malaysia
Berilmu, Berdisiplin, Bertakwa

Konsep 7i dalam Merintis Kampus Barakah USIM

INAQ

Ilmu naqli ialah ilmu yang diperoleh daripada al-Quran dan al-Sunnah seperti akidah, tafsir dan hadis. Manakala ilmu aqli pula ialah ilmu yang bersumberkan olahan akal manusia seperti falsafah, pengurusan, sains fizik, kimia dan kejuruteraan. Kedua-dua bidang ilmu ini diintegrasikan berdasarkan paradigma tauhid iaitu pengiktirafan bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Mengetahui sebagai sumber ilmu dan amalan keilmuan keseluruhannya adalah suatu bentuk ibadat kepadaNya. Falsafah USIM yang mengangkat martabat integrasi ilmu naqli dan aqli ini adalah untuk mendukung kesemua ilmu tradisional dan moden demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Perkembangan Fasa 1421-1428 H (2000-2007 EM)

Tarikh keramat 27 Muharam 1417 H (14 Jun 1996 EM) membuka lembaran baharu kepada penubuhan sebuah UA ke-12, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang pada awalnya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Demi meningkatkan daya intelek yang menguasai ilmu Islam, penubuhan USIM dilihat sebagai memenuhi manifestasi kerajaan untuk melahirkan pemimpin berlandaskan Islam yang berwibawa dan mengembalikan ketokohan ilmuwan Islam yang semakin mencabar.



Yang Amat Mulia Tunku Ampuan Najihah
Binti Tunku Besar Burhanuddin

Tuanku Canselor Pertama

April 2002 - Disember 2011



Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar
Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Binti
Almarhum Tengku Besar Mahmud

Tuanku Canselor Kedua

Disember 2011 - Kini



Yang Amat Mulia Tunku Besar Sri
Menanti Tunku Ali Redhauddin
Ibni Tunku Muhriz

Pro Canselor

November 2012 - Kini

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



**YBhg Tan Sri Dato' Dr
Mohamed Yusof Noor**

Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Pertama
April 2000 - Mac 2012



**YBhg Prof Emeritus Tan Sri
Dato' Dr Haji Abdul Shukor Haji Husin**

Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Kedua
April 2012 - Mac 2016



**YBhg Prof Tan Sri Dato'
Dzulkifli Abdul Razak**

Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Ketiga
April 2016 - Kini

Naib Canselor Universiti



**YBhg Prof Emeritus Tan Sri Dato' Dr
Haji Abdul Shukor Haji Husin**

Rektor/Naib Canselor Pertama
Jun 2000 - November 2009



**YBhg Prof Dato' Dr
Muhamad Muda**

Naib Canselor Kedua
Disember 2009 - November 2012



**YBhg Prof Dato' Dr
Asma Ismail**

Naib Canselor Ketiga
Disember 2012 - Mei 2014



**YBhg Prof Dato' Dr
Musa Ahmad**

Naib Canselor Keempat
Ogos 2014 - Kini

Idea penubuhan USIM dicetuskan oleh YB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak (kini YAB Dato' Seri), Menteri Pendidikan pada ketika itu, dan disokong oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad (kini Tun) selaku Perdana Menteri. Ianya kemudian direalisasikan oleh YBhg Dato' Dr Abdul Shukor Haji Husin (kini Prof Emeritus Tan Sri) yang ketika itu merupakan Dekan Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan YBrs Prof Madya Dr Abdullah Mohamed Zin (kini Tan Sri Dato') pensyarah UKM, YB Datuk Dr Mohamed Yusof Noor (kini Tan Sri) yang ketika itu Exco Terengganu dan YB Tan Sri Datuk Dr Abdul Hamid Othman (Allahyarham), ketika itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pelaksanaan operasi awal USIM dibantu oleh Tuan Haji Addenan Abd Rahman sebagai Pendaftar, Puan Hajah Rohani Abu sebagai Bendahari, Encik Jasmin Jaimon sebagai Ketua Pustakawan dan Ir Daim Saian sebagai Pengarah Unit Pembangunan.

Penubuhan USIM membuka peluang kepada para pelajar lepasan sekolah aliran agama menyambung pengajian tanpa perlu ke Timur Tengah selain memenuhi hasrat kerajaan untuk mempunyai pusat pengajian Islam berikutan konflik di sesetengah negara Islam. Pada 6 Safar 1418 H (13 Jun 1997 EM), Jemaah Menteri bersetuju dengan penubuhan KUIM yang diwartakan pada 14 Zulkaedah 1418 H (13 Mac 1998 EM) dengan keunikan tersendiri melalui kurikulum yang menekankan paduan ilmu naqli dan aqli.

Universiti ini melalui penjenamaan semula dengan dianugerahkan status universiti penuh berkuatkuasa 13 Muharram 1428 H (1 Februari 2007 EM) dan dikenali sebagai USIM. Perasmian kampus tetap USIM diadakan dengan penuh gilang-gemilang pada 26 Zulkaedah 1429 H (25 November 2008 EM) oleh Perdana Menteri Malaysia kelima, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (kini Tun).

“

Paduan antara ilmu naqli dan aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

”



Berilmu . Berdisiplin . Bertakwa

FALSAFAH

Keunikan falsafah USIM terserah apabila dua bidang ilmu digabung bagi melahirkan insan cemerlang yang bertakwa. Ilmu naqli ialah ilmu yang diperoleh daripada al-Quran dan al-Sunnah seperti akidah, tafsir dan hadis. Manakala ilmu aqli pula ialah ilmu yang bersumberkan olahan akal manusia seperti falsafah, pengurusan, sains fizik, kimia dan kejuruteraan. Falsafah ini dilihat mampu melahirkan masyarakat yang berilmu, beradab dan bertakwa. Proses pelaksanaan falsafah Universiti ini dicerminkan melalui moto USIM iaitu Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa.

Keputusan USIM untuk memilih paduan ilmu naqli dan aqli sebagai falsafah Universiti memberi harapan dan semangat kepada generasi baharu Muslim untuk membongkar serta memanfaatkan kembali khazanah intelektual Islam dan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kepada kegemilangan tamadun Islam. Usaha ini memberi peluang yang lestari kepada generasi akan datang untuk membina tamadun terbaik berdasarkan kefahaman dan pelaksanaan Islam secara komprehensif dan sepadu. Ini disokong pula dengan penggunaan kitab-kitab turath yang ternama sebagai satu lagi asas keunikan pendidikan USIM. Semua penuntut didedahkan kepada sumber-sumber tersebut sebagai tambahan kepada ilmu kontemporari.

Kitab turath atau kitab lama sinonim dengan panggilan kitab kuning dalam kalangan generasi pondok. Kewujudannya di USIM bukan semata-mata menonjolkan keunikan dan hala tujunya yang berbeza berbanding dengan universiti-universiti yang lain. Sebenarnya ia mempunyai hasrat yang besar dan wawasan yang unggul iaitu menjadi sebuah universiti berteraskan pengajian Islam dan melahirkan generasi ulama yang bukan sekadar didedahkan kepada subjek-subjek agama. Menghubungkan penuntut dengan sumber utama (turath) merupakan agenda penting yang perlu dibudayakan. Ini usaha membentuk peribadi ulama. Misalnya, ulama perlu mempunyai hubungan ilmu dengan generasi sebelumnya (*sandad*) dalam memastikan kelestarian ilmu yang sahih. Selain itu, ulama juga perlu membawa bendera keamanan (*rahmah*).

WAWASAN

Wawasan yang berfokus kepada kecemerlangan ilmu ini merupakan asas kepada kegemilangan insan yang dimartabatkan untuk mengenal Allah SWT. Seterusnya, atas asas tersebut disiplin ilmu lain turut diterapkan seperti perubatan, pergigian dan kejuruteraan. Objektif kepada semua ilmu tersebut ialah untuk mencapai keredaan Allah SWT melalui kesejahteraan insani.

Naqli

Ilmu yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah seperti akidah, tafsir dan hadis

Aqli

Ilmu yang bersumberkan olahan akal manusia seperti falsafah, pengurusan, sains fizik, kimia dan kejuruteraan

Ilmu Naqli dan Aqli sebagai Asas Falsafah USIM

“

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

”

MISI

USIM mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap penyelesaian yang dikemukakan oleh agama Islam dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Sehubungan itu, usaha dan penyelidikan berterusan dilakukan bagi mengenal pasti penyelesaian yang dikemukakan dalam ajaran Islam terhadap pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam dan manusia seluruhnya.

“

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

”



Litar- Kedudukannya bersebelahan rehal melambangkan sains dan teknologi yang dibawa bersama dalam penyampaian ilmunya.



Kubah-Terletak di tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.



Rehal-Tulisan USIM diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Landasan atau pelantar itu melambangkan USIM sebagai wadah penyampai ilmu kepada pelajarnya.



Motif Arabes- Lima bentuk yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

LOGO

Empat komponen asas yang membentuk logo USIM ialah rehal, kubah, arabes dan litar. Tulisan USIM yang dijawikan membentuk sebuah rehal membawa maksud landasan atau pelantar sebagai lambang wadah penyampaian ilmu.

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo pula memberi simbol USIM sebagai institusi berdaulat. Manakala arabes yang mempunyai lima motif melambangkan rukun Islam. Lakaran litar yang terletak bersebelahan tulisan USIM bermaksud asas sains dan teknologi yang dibawa bersama dalam penyampaian ilmu.

Asasnya, logo ini menunjukkan USIM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama ciri-ciri Islam dalam penyampaian dan penerokaan ilmu. Logo ini menggambarkan kesungguhan USIM untuk menjadi kampus yang dilimpahi barakah dalam aspek ilmu dan takwa.

Maksud logo USIM

LAGU USIM TERUS MAJU

Malaysia maju di zaman merdeka
Umatnya bergerak berganding bahu
USIM menyahut harapan bangsa
Menjadi universiti termaju

Cabaran masa teras kegiatan
Penyelidikannya untuk dunia
Terus progresif membina insan
Berdisiplin mengamal nilai mulia

Benteng harapan untuk terus maju
Menjadi universiti terkini
Meredah halangan mencipta mutu
Mengharum negara seluruh bumi

USIM berjanji pada ibunda
Berjasa berbudi untuk semua
Siswanya adalah tunggak negara
Kan terus membela maruah kita

USIM TERUS MAJU

Lirik: Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor
Lagu: Haji Mahzan Manan XMN.

Tempo: Besemangat
A: 115 (dsm)

Malay lyrics:

Sia maju di zaman merdeka Umatnya bergerak berganding bahu
USIM menyahut harapan bangsa Menjadi universiti termaju
ahu a SIM menyahut ha ra pan bangsa Menja di Universiti terkini
a le rus progresif mem bi na insan Berdisiplin mengamal nilai mulia
Caba siplin mengamal nilai mu lia Benteng ha ra pan un
terus maju Menja di Uni versiti ter ki ni Mere dan ha langan
rapta mutu Mengha rum nega ra seluruh bumi U SIMberjanji pada i
ida Berja se berbudi untuk se mu a Siswa nya ada lai tung -
ik nega ra Konte rus membela maruah ki tu.

Skor Muzik Asal Lagu USIM

Lagu ini diperdengarkan buat julung-julung kali dalam Majlis Konvokesyen USIM yang pertama pada 1424 H (2003 EM). Bait-bait lirik yang cukup bermakna ini memberi maksud mendalam mengenai peranan USIM sebagai sebuah UA yang memikul amanah untuk memartabatkan ilmu di negara ini. Perenggan terakhir pada lagu tersebut menyerlahkan peranan dan tanggungjawab besar USIM untuk melahirkan siswazah pembela maruah bangsa dan negara di samping mengamalkan nilai-nilai murni sebagai sumbangan budi kepada masyarakat.

PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN AKADEMIK

PADUAN ILMU NAQLI DAN AQLI

Falsafah USIM sejak dari awal penubuhannya ialah “Paduan antara ilmu naqli dan aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu”.

Falsafah ini menjadi panduan kepada Universiti dalam menubuhkan fakulti, membangunkan program akademik, merangka aktiviti kokurikulum dan pembangunan pelajar serta menentukan hala tuju pembangunan Universiti.

Dalam konteks pembangunan kurikulum, USIM mengambil pendekatan mengintegrasikan ilmu naqli yang berteraskan pengajian Islam dan aqli yang bersumberkan ilmu kontemporari dalam program pengajian yang ditawarkan. Setiap kursus diberi ruang untuk mengaplikasikan integrasi naqli dan aqli. Dalam konteks ini, USIM terus memacu ke hadapan melalui pengenalan kaedah penaksiran pelaksanaan integrasi ilmu naqli dan aqli yang dibangunkan oleh Pusat Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA).

Dalam masa yang sama, penawaran kursus berorientasikan turath ini mampu membentuk warga kampus yang seimbang dalam merealisasikan hasrat USIM mengintegrasikan antara ilmu naqli dan aqli (*al-Muḥāfiẓah ‘ala al-Qadim al-Šāliḥ wa al-Akhḍh bi al-Jadid al-Aslah*) yang bermaksud memelihara perkara lama yang baik berserta mengambil perkara baharu yang lebih baik. Pembudayaan turath turut mampu merintis hasrat Kampus Barakah dengan amalan yang berpaksikan ilmu yang absah. Fokus USIM kepada pengajian turath ini mampu memberi impak yang besar di peringkat nasional mahupun antarabangsa melalui siswazah yang dihasilkan daripada acuan integrasi ilmu naqli dan aqli. Maka fakulti-fakulti awal ditubuhkan selaras dengan usaha dan matlamat ini.

PENUBUHAN FAKULTI-FAKULTI TERAWAL

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI) dan Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK) adalah tiga fakulti terawal ditubuhkan di USIM. Ketiga-tiga fakulti adalah teras utama bidang Pengajian Islam yang bermatlamat mengembalikan tradisi keilmuan Islam berdasarkan sumber utama keilmuan dan ketamadunannya iaitu al-Quran, sunah, akidah, syariah dan dakwah.


Penubuhan ketiga-tiga fakulti ini membantu menangani keperluan dan cabaran semasa masyarakat Islam, melahirkan bakat yang kukuh penghayatan nilai Islamnya dan mahir dalam bidang penghususan yang diceburi serta mampu berinteraksi dengan berkesan. Seterusnya, siswazah ini kelak mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara seperti yang tercatat pada objektif ketiga penubuhan Universiti.

Atas faktor keperluan perkembangan staf serta penuntut, USIM mula berpindah ke Kampus Pandan Indah pada 7 Zulkaedah 1422 H (21 Januari 2002 EM) dengan pertambahan fakulti iaitu Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Setelah hampir tiga tahun di kampus tersebut, USIM akhirnya berpindah ke kampus tetap di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada sesi akademik 2005/2006.

PERKEMBANGAN DAN PENJENAMAAN SEMULA FAKULTI

Dengan bertapaknya USIM di Nilai, ia memberi ruang fizikal untuk perkembangannya dalam meneruskan hasrat memartabatkan pendidikan Islam dengan pengertian yang luas dan membawa lulusan sekolah agama ke dalam arus perdana sistem pendidikan negara. Ia bagi membolehkan penuntut ini mengikuti pelbagai bidang pengajian profesional dan dalam masa yang sama berupaya melestarikan pengajian Islam yang menjadi latar belakang pendidikan mereka.

Sejajar dengan matlamat tersebut, USIM menubuhkan beberapa fakulti lain dengan penawaran pelbagai disiplin ilmu dan bidang profesional. Ia bermula dengan penubuhan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) pada 1422 H (2002 EM), Fakulti Sains dan Teknologi (FST) pada 1423 H (2003 EM), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) pada 1424 H (2004 EM), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) pada 1425 H (2005 EM), Fakulti Pergigian (FPg) pada 1426 H (2006 EM), dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) pada 1437 H (2016 EM). Semua program yang ditawarkan di kesemua fakulti adalah berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli dengan memberi penekanan kepada penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris.



FDPI bermula dengan hanya menawarkan Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam di peringkat Sarjana Muda. Pertambahan dua lagi penawaran program akademik iaitu Sarjana Muda Kaunseling dan Sarjana Muda Komunikasi memperluas skop pengajian di FDPI membuatkan nama fakulti ini diperbaharui kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Kepelbagaiannya bidang akademik di FKP diperkuuh lagi dengan penawaran dua program iaitu Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dan Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu.

FSK turut melalui proses penjenamaan semula dengan diberi nama Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) pada 1423 H (2003 EM), berdasarkan keunikan paduan sistem syariah dan undang-undang di Malaysia. Dengan penjenamaan ini, FSU menyerlahkan kemajuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta penyelidikan yang memenuhi keperluan semasa di lapangan perundangan.

FST yang ditubuhkan pada 1423 H (2003 EM) berusaha menghasilkan pakar dalam bidang-bidang kritikal dan intelektual Islam yang mampu menjana kepada kemajuan ilmu sains dan teknologi. Antara program yang ditawarkan di FST adalah Bioteknologi Makanan, Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, Sains Komputer dengan Pengkhususan Keselamatan dan Jaminan Maklumat, Matematik Kewangan, Fizik Gunaan dan Teknologi Kimia Industri. Di samping itu, dengan falsafah bahawa kesihatan adalah kekayaan, USIM turut menyumbang dalam penjagaan kesihatan ummah melalui penubuhan FPSK dan FPg.

Terkini, FKAB dibangunkan pada 1437 H (2016 EM) dengan matlamat mengembangkan pelbagai ilmu amali sains kejuruteraan dan seni bina Islam. Program Kejuruteraan Elektronik dan Program Seni Bina merupakan dua kursus yang menjadi tunjang dalam meluaskan pengetahuan dan kemahiran reka bentuk kreatif, imaginatif, etika kemanusiaan dan kebolehupayaan teknikal.

PENGGUNAAN BAHASA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN


Dalam mengharungi perkembangan P&P yang semakin mencabar, USIM mengaplikasikan tiga bahasa utama dalam urusan harian di kampus iaitu bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Untuk urusan pentadbiran, bahasa Melayu digunakan secara meluas manakala bahasa Inggeris dan bahasa Arab menjadi bahasa perantara bagi semua sesi P&P. Namun, hal ini terkecuali untuk kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang menggunakan bahasa Melayu sebagaimana yang diarahkan oleh KPT.

Antara faktor utama yang mendorong polisi penggunaan bahasa ini dilaksanakan adalah bagi membantu penuntut merasai suasana bahasa yang kondusif dan sesuai bagi disiplin ilmu tersebut. Misalnya, kursus-kursus pengajian Islam diajar menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan al-Sunnah. Objektif tertinggi dalam penggunaan bahasa Arab ialah apabila penuntut mampu memahami mesej-mesej daripada Allah SWT yang terdapat dalam al-Quran, di samping membantu membentuk sikap yang positif ketika mendengar al-Quran melalui pemahaman dan penghayatan yang mendalam. Penggunaan bahasa Arab (selain daripada penggunaan bahasa Inggeris) dalam P&P dapat menyediakan siswazah USIM yang berkemampuan untuk berkongsi ilmu dan berdakwah di peringkat antarabangsa.



KONVOKESYEN PERTAMA

Usaha melahirkan siswazah yang bertaraf antarabangsa diiktiraf dengan perlambangan konvokesyen sebagai majlis rasmi menandakan tamatnya proses pelajar menuntut ilmu di menara gading. 11 Jamadilakhir 1424 H (9 Ogos 2003 EM) merupakan tarikh bersejarah bagi USIM dengan berlangsungnya Konvokesyen sulung Universiti yang menyaksikan 236 siswazah sulung menerima ijazah masing-masing di Dewan Perdana Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Kuala Lumpur. Dalam majlis ini, istiadat Pemasyhuran Pelantikan Tuanku Canselor Pertama Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin dilangsungkan.





PEMBANGUNAN KAMPUS SEMENTARA

Perkembangan akademik dimajukan dengan lebih tersusun untuk memastikan pembangunan fizikal yang terancang. Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) yang ditubuhkan pada 1422 H (2001 EM) menguruskan kampus sementara Universiti di Institut Profesional Baitulmal, Kampung Pandan, Kuala Lumpur pada peringkat awal penubuhan institusi ini. Sebanyak 66 unit asrama disewa dari Institut tersebut bagi penginapan penuntut sulungnya seramai 255 orang ini.

Sesi akademik 2001/2002 menyaksikan pertambahan bilangan penuntut kepada 553 orang menyebabkan USIM perlu mencari ruang yang lebih besar untuk kemudahan P&P serta penginapan. Keseluruhan pentadbiran dan aktiviti P&P USIM berpindah ke Menara A dan Menara B, Pandan Indah bermula pada tahun 1422 H (2002 EM). Penginapan pelajar berpusat di Asrama Riviera 2 dan Riviera 3 di Cheras Baru.

Majlis Pecah Tanah Kampus Tetap USIM di Bandar Baru Nilai disempurnakan oleh Mantan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 Jamadilakhir 1423 H (22 Ogos 2002 EM) dan mula beroperasi pada Jamadilakhir 1426 H (Julai 2005 EM) di tapak kampus berkeluasan 188 hektar.



PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP

Pada 1422 H (2001 EM), Nilai dipilih sebagai lokasi kampus tetap USIM kerana kedudukan yang strategik terletak di tengah-tengah bandar utama iaitu Seremban, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Tambahan pula, Nilai terletak berhampiran dengan pelbagai kemudahan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Laluan Komuter, Sirkit Antarabangsa Sepang (SIC) dan mudah diakses dari utara dan selatan tanah air.

Dalam rangka merealisasikan pembinaan kampus tetap USIM, dua fasa menjadi landasan pembangunan iaitu Fasa 1 Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) (2001-2005) dan Fasa 2 Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) (2006-2010) dengan unjuran 10,000 penuntut. Pembangunan infrastruktur Universiti meliputi Pusat Islam, bangunan pentadbiran, bangunan perpustakaan, bangunan kemudahan pelajar, fakulti-fakulti, pusat kecemerlangan serta dewan-dewan kuliah.

KONSEP KAMPUS TETAP

Pada asasnya, konsep pembangunan kampus tetap USIM dibuat berdasarkan usaha membina sebuah pusat pengajian dan pendidikan yang unggul dan unik. Maka, USIM ditubuhkan dengan pendekatan kampus yang sistematis dari segi fizikal dan menekankan aspek rohani dalam kalangan warganya. Keterujaan menuju pembangunan seharusnya tidak melupakan Pencipta, malah menjadi wadah memperkuuh ketakwaan. Hubungan manusia dengan Pencipta ini menjadi landasan keperluan menuntut ilmu dalam meningkatkan kefahaman, keinsafan dan penghayatan sebenar dalam kehidupan.

USIM dibina atas landasan ini. Ia mencerminkan keunggulan pendidikan dan tamadun Islam yang berpaksikan syariat Allah SWT yang progresif, dinamik dan relevan kepada kehidupan. Malah, hubungan dengan alam sekitar dititikberatkan dengan elemen-elemen semula jadi seperti keadaan muka bumi, air, udara dan tumbuhan digabungkan dalam konteks mesra alam untuk mengekalkan kesinambungan alam sekitar. Aspek hubungan USIM dengan masyarakat luar diterjemahkan melalui konsep mesra masyarakat.

Elemen-elemen fizikal kampus tetap USIM dibina dalam lingkungan berhampiran supaya mudah dicapai selari dengan konsep kampung dan keharmonian masyarakat. Susun atur kampus bersandarkan arah kiblat bagi memudahkan orientasi sepanjang berada di kampus. Seni binanya pula mengambil kira seni bina tempatan, budaya masyarakat setempat dan seni bina Islam sejagat.

Dari aspek akademik, USIM menekankan pembelajaran bercirikan Islam yang sesuai merentas zaman. Oleh itu, sistem ini menepati kehendak zaman dari segi penggunaan teknologi terkini, dengan reka bentuk luaran yang kontemporari dan reka bentuk dalaman yang menonjolkan ciri kesenian Islam selari dengan sistem pembelajaran yang dibangunkan.

Dalam masa yang sama, pembangunan pelbagai dimensi menjadi asas perancangan pembangunan yang memberi penekanan kepada aspek kuantitatif dan kualitatif. Kedua-dua faktor ini diseimbangkan bagi menghasilkan sistem pembelajaran yang unik dan teratur. Konsep ini dibentuk bagi menghasilkan alam pembelajaran yang selesa dan berkualiti, di samping memastikan penuntut menikmati kemudahan terbaik ke arah melahirkan penuntut yang berilmu, berdisiplin dan bertakwa.

Pelan Induk Kampus Tetap USIM



KONSEP REKA BENTUK KAMPUS

Landasan konsep reka bentuk kampus dalam pembangunan ialah *ḥablu Min Allah wa ḥablu Min al-Nās*. Ia mengambil kira hubungan manusia dengan Pencipta, dalam konteks fizikal dan rohani. Aspek fizikal diterjemahkan menerusi penerapan seni bina Islam yang mengagungkan Pencipta, manakala aspek rohani diterapkan menerusi pembangunan kampus yang memberi ketenangan dan kedamaian serta meningkatkan ketakwaan penghuninya. Konsep hubungan manusia dengan manusia pula menekankan aspek mesra pengguna, termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas serta segenap lapisan masyarakat. Hubungan manusia dengan alam dan makhluk mengambil kira pembangunan mesra alam yang meminimumkan perubahan alam semula jadi serta konsep kampus hijau yang mementingkan persekitaran yang kondusif. Konsep ini secara langsung diterjemahkan selari dengan gagasan asal pembangunan kampus USIM yang mengambil kira falsafah integrasi ilmu naqli dan aqli yang membawa kepada konsep Kampus Barakah.

Intipati dalam konsep reka bentuk pelan induk universiti merangkumi projek pembangunan yang berpandukan arah kiblat. Konsep-konsep lain yang diaplikasikan termasuklah pembinaan berdasarkan binaan bangunan dan landskap istana dan pusat pemerintahan Alhambra di Sepanyol yang menampilkan keagungan seni bina Islam.

Manakala, Konsep Iqra' adalah selaras dengan proses pendidikan dan keilmuan yang diterjemahkan menerusi arca Iqra' yang dihiasi landskap menghijau terletak di hadapan pintu masuk utama Universiti.





Pembangunan ini berupaya meningkatkan infrastruktur lestari yang memberi impak visual, nilai estetika yang bercirikan Islam dan imej yang unik selain berfungsi sebagai kemudahan riadah bagi warga USIM.

Komponen landskap USIM dicirikan dengan elemen-elemen berikut, antaranya air sebagai sumber kehidupan, lata air

sebanyak enam tingkat sebagai interpretasi enam rukun Iman, ciri air yang menampilkan air sebagai elemen yang menenangkan dan lampu taman yang bercirikan moden dengan pencahayaan reflektif.

Dataran Canselori melengkapi reka bentuk bangunan Canselori USIM, manakala pandangan ke dataran ini dari pintu masuk utama Universiti memberi

perspektif meluas kepada bangunan utama ini. Malah, elemen yang lebih seni seperti tangga dan kekisi tangan turut menampilkan kemasan bermotifkan Islam dengan warna biru dan kelabu sebagai warna rasmi USIM.

Keunikan arca Iqra' dilihat sebagai mercu tanda USIM kerana reka bentuk titisan air ini menggambarkan ilmu manusia



yang sangat sedikit. Dalam titisan air tersebut tertera tulisan Iqra' yang membawa maksud "bacalah", mengambil wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Selain itu, simbolik kepada titisan air ini juga membawa maksud tawaduk dalam menuntut ilmu seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“

Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalaualah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanaku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanaku, walaupun Kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.

”

(Al-Kahfi: 109) Pendekatan

pembelajaran yang diambil USIM ini bukan sahaja menyuburkan proses mencari ilmu, malah mendokong dan menyemarakkan aktiviti P&P yang selari dengan perkembangan teknologi dan komunikasi maklumat.

PERKEMBANGAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI, KOMUNIKASI DAN MAKLUMAT

Selaras dengan misi penubuhan Unit Teknologi Maklumat di USIM, infrastruktur teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) menyokong segala aktiviti P&P dan menyediakan sistem penyampaian kepada bahagian pentadbiran USIM secara optimum dan kos efektif. Pada awal penubuhan, USIM memulakan operasi pentadbiran dengan meminjam dua unit komputer peribadi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan mendapat peruntukan sebanyak RM1 juta bagi tujuan penyediaan kemudahan ICT. Pada tahun yang sama, kerajaan membekalkan 65 unit komputer peribadi kepada USIM bagi menyokong operasi pentadbiran dan 35 unit komputer peribadi bagi tujuan P&P.

Dalam usaha menambah baik sistem pengurusan ICT, USIM memeterai Perjanjian Perkongsian Pintar dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 22 Syaaban 1425 H (6 Oktober 2004 EM). Perjanjian ini bertujuan membangunkan Sistem Maklumat Universiti (SMU) di USIM. Hasil daripada perjanjian ini, Unit Teknologi Maklumat memperkemas sistem penyampaian universiti dan membangunkan lapan sistem iaitu Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (*Al-Aliyah, Al-Uliyah*), Sistem Maklumat Pengurusan Staf (*Al-Munazzim*), Sistem Kewangan Universiti (*Al-Maalihah*), Sistem Pengurusan Penyelidikan (*Al-Bahthiyah*), Sistem Pengurusan Akademik (e-Akademik), Sistem Pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP) (*Al-Thullabiyah*), Sistem Portal (e-Wadi) yang berdasarkan pangkalan data Sybase dan sistem myAKRAB (*my Automated Kiosk Readable Accesible Biometric*).



Perkembangan infrastruktur ICT di USIM dari 1425 H (2005 EM) hingga 1427 H (2010 EM)


Bermula 1425 H (2005 EM), fasa pembangunan infrastruktur ICT dibangunkan selaras dengan Pelan Induk ICT Kampus Tetap yang dirancang dan diluluskan. Pada 1427 H (2007 EM), Unit Teknologi Maklumat dinaik taraf kepada PPITM. Pusat ini menguruskan pengurusan ilmu dan teknologi pengajaran seperti e-pembelajaran, pusat pengumpulan ilmu yang menyokong kepada teknologi P&P dan penyelidikan. Namun, pada 1431 H (2010 EM), USIM memberi penjenamaan baharu kepada PPITM dengan menukar nama kepada Pusat Teknologi Maklumat (PTM).

ICT USIM mula menunjukkan kematangan dalam pembangunan sistem aplikasi apabila mula memberanikan diri menyokong sistem utama yang diperoleh daripada perkongsian pintar yang dibangunkan secara dalaman dengan menggunakan teknologi berdasarkan web. Pada ketika itu, USIM menyahut cabaran pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang menggalakkan penggunaan sumber terbuka secara percuma bagi tujuan penjimatan dan ketidakbergantungan agensi kepada pihak pembekal.

Pihak ICT USIM melaksanakan beberapa inovasi dalam P&P daripada 1420-1436 H (2000-2015 EM). Antara perubahan yang dilaksanakan ialah mewujudkan makmal komputer, e-pembelajaran, persidangan video, perisian *Microsoft Office 365*, *Skype* untuk Perniagaan, *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan infrastruktur desktop secara maya.

PENGURUSAN KEWANGAN

Selain cabaran di peringkat pendidikan tinggi, cabaran lain dalam pengoperasian sesebuah universiti ialah pengurusan kewangan. Misalnya, dalam konteks USIM, fungsi utama Jabatan Bendahari di awal penubuhan ialah menguruskan belanja operasi Universiti yang baru ditubuhkan pada ketika itu. Antara cabaran yang dihadapi ialah pembayaran gaji staf yang didahulukan oleh YBhg Dato' Dr Abdul Shukor Haji Husin (pada ketika itu ialah Naib Canselor) dengan menggunakan wang beliau sendiri.



Perkembangan ICT yang diadaptasi dalam P&P dari 1420-1436 H (2000-2015 EM) menampilkan ciri-ciri teknologi maklumat yang sesuai mengikut peredaran dan kesesuaian zaman.

Namun, selepas mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang pertama, USIM menerima peruntukan sebanyak RM7.232 juta. Jabatan Bendahari semakin progresif apabila diberi tanggungjawab untuk menyediakan Bajet Pembangunan di bawah RMK-8 di mana RM609.3 juta dipohon dan ini memudahkan pengoperasian Universiti termasuk aspek pembinaan bakat.

PEMBANGUNAN BAKAT

Sebagai Pusat Pendidikan Islam terulung, USIM berusaha membekalkan tenaga kerja yang berkualiti, berbudaya cemerlang, berfikiran terbuka dan mampu berinteraksi menggunakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris dengan baik. Selain itu, USIM juga amat menitikberatkan setiap staf supaya memelihara dan menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Yang Maha Pencipta, agama, negara, organisasi dan sesama manusia. Latihan dibuat dalam bentuk program cuti belajar, cuti sabatikal, kursus dan latihan untuk staf akademik dan pentadbiran serta tazkirah.

Kumpulan staf terawal di USIM adalah seramai 11 orang yang memulakan perkhidmatan pada Syawal 1420 H (Januari 2000 EM).



s001
YBhg Dato' Dr Abdul
Shukor Haji Husin
(kini Prof Emeritus
Tan Sri)



s002
YBrs Prof Madya Dr
Abdullah Mohamed
Zin (kini Tan Sri Dato')



s003
Tn Haji Addenan Abd
Rahman



s004
Pn Hajah Rohani
Abu



s005
YBrs Dr Wan Fariza
Alyati Wan Zakaria



s006
En Mohamad
Fairuz Ismail



s007
Pn Azreen Fillzah
Ahmad Azizan



s008
Pn Fairuz Zeehan
Jalaluddin



s009
Pn Hermawati Mazuen
Bahari



s010
En Mohd Asri
Husain



s011
Pn Monaliza
Laudang



PEMBANGUNAN PELAJAR

Selain pembangunan bakat staf, aspek pembangunan pelajar juga mendapat perhatian serius daripada pengurusan Universiti. Justeru, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) diwujudkan di bawah Pejabat Timbalan Rektor (Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar) dan seramai 255 penuntut kumpulan pertama USIM didedahkan dengan pelbagai aktiviti kemahasiswaan berkaitan akademik seperti seminar, bengkel, dialog dan lawatan.

Selain aktiviti akademik, penuntut USIM juga diberi peluang terlibat dengan pelbagai program kokurikulum seperti sukan, kebudayaan dan debat. Dari segi sukan, di peringkat awal penubuhan, penuntut USIM turut menyertai Sukan Antara Universiti (SUKMAS) dan berjaya menyertai semua fasa.

Selari dengan moto Universiti, aspek disiplin, kepatuhan tatatertib dan undang-undang universiti turut diberi penekanan. Antara yang dilaksanakan oleh USIM pada ketika itu ialah mewajibkan pemakaian tali leher kepada semua penuntut lelaki untuk menjaga kekemasan penampilan penuntut lelaki. Manakala dalam aspek pembangunan sahsiah pelajar, pihak universiti menubuhkan Unit Kaunseling di bawah BHEP yang diwujudkan untuk merangsang, menyusun dan memantau pelbagai aspek pembangunan sahsiah diri, akademik dan kerjaya pelajar.



Dalam usaha USIM menyediakan latihan kepemimpinan dan berorganisasi kepada penuntutnya, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ditubuhkan pada Syaaban 1422 H (November 2001 EM). Selain MPP, Universiti turut menubuhkan Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i (JAKSA) dan melantik Pengetua serta Felo Penghuni bagi membantu pihak pengurusan menjaga kebijakan penuntut di kolej kediaman.

Program dan aktiviti yang melibatkan pembangunan pelajar serta staf secara keseluruhan ini, menjadi kekuatan USIM untuk menongkah arus merintis sebagai sebuah Kampus Barakah. Penubahannya membawa makna tersendiri, berusaha meneruskan legasi keunggulan Islam sebagai agama yang syumul dalam membentuk siswazah seimbang. Ini selari dengan pelbagai usaha yang dijalankan di pelbagai peringkat, pada fasa perkembangan berikutnya dari 1429 H (2008 EM) hingga 1439 H (2017 EM).

BARAKAH

Ia bermaksud “kebaikan yang bertambah banyak, berkembang, tetap dan berterusan” (*al-Ziyādah wa al-Namā’ wa al-Thubūt wa al-Istiqrār*). Barakah juga ditakrifkan sebagai “tetapnya kebaikan kurniaan Tuhan pada sesuatu perkara” (*thubūt al-Khayr al-Ilāhī fī al-Shay’i*). Umumnya, barakah merujuk kepada kebaikan, kesuburan, pertambahan, kelapangan, kebahagiaan dan ketinggian yang berkekalan dan berterusan daripada Allah SWT.

Perkembangan Fasa 1429-1439 H (2008-2017 EM)

USIM digambarkan menggapai realiti sebagai sebuah Kampus Barakah pada suatu hari nanti. Perkataan barakah bermaksud "kebaikan yang bertambah banyak, berkembang, tetap dan berterusan" (*al-Ziyādah wa al-Namā' wa la-Ṯhubūt wa al-Istiqrār*). Kalimah al-barakah disebut sebanyak 32 kali dalam al-Quran, di dalam 22 surah berbeza. Perkara-perkara yang dikaitkan dengan barakah di dalam al-Quran ialah Allah, manusia, al-Quran, tempat tertentu, masa tertentu, pohon yang tumbuh di tempat yang diberkati dan air yang suci. Barakah juga ditakrifkan sebagai "tetapnya kebaikan kurniaan Tuhan pada sesuatu perkara" (*Ṯhubūt al-Khayr al-Ilāhī fī al-Shay'i*). Umumnya, barakah merujuk kepada kebaikan, kesuburan, kebertambah, kelapangan, kebahagiaan dan ketinggian yang berkekalan dan berterusan daripada Allah SWT.

Firman Allah:

“

Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

”

(Surah al-A'raf: 96)

Maka, barakah akan membawa kepada kemakmuran, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian, kekuatan, keamanan, kemuliaan dan kepemimpinan kepada sesebuah bangsa yang memenuhi ciri keimanan dan ketakwaan kepadaNya. Dalam pandangan alam Islam, sebuah bangsa yang barakah adalah golongan terbaik diutuskan Allah SWT kepada umat manusia. Kehadiran mereka membawa rahmat kepada seluruh ummah dan manusia sejagat. Selari dengan itu, tempat yang barakah adalah penempatan terbaik untuk dihuni.

Dalam konteks ini, USIM dilihat merintis menjadi sebuah Kampus Barakah yang dihuni warga yang mempunyai nilai kendiri yang mengundang barakah melalui moto “Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa”. Barakah ilmu yang kita harapkan akan menjadikan kampus kita sebuah Kampus Barakah. Dengan adanya keberkatan, yang sedikit menjadi banyak; yang kurang menjadi cukup; keadaan menjadi bertambah baik, tanpa sebarang had dan ada kalanya tanpa dirasai dan diketahui sumber kedadangannya. Inilah konsep Kampus Barakah yang

KAMPUS USIM, KAMPUS BARAKAH



Kerangka Merintis Kampus Barakah

ditegaskan dalam Amanat Tahun Baharu 2017 oleh YBhg Prof Dato' Dr Musa Ahmad, Naib Canselor USIM. Firman Allah SWT:

“

Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka cukuplah Allah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

”

(Surah al-Talaq:2-3)

Selari dengan itu, warga USIM tidak kira penuntut atau staf, dilatih menjadi insan terbaik dalam kalangan yang terbaik, yang impaknya turut dirasai oleh orang lain. Rasulullah SAW dijadikan model yang mengaspirasikan kebaikan dan kerja bakti yang menjadi tradisi teras kegemilangan Islam. Asas kebaikan dan memudahkan urusan orang lain menjadi asas melimpahkan barakah dan membentuk kampus yang diberkati.

Dalam mendepani cabaran menggapai impian, pelbagai pendekatan diaplikasikan kepada warganya seperti konsep INAQ dan Kepemimpinan Berpandukan Qalbu yang rata-rata membawa kepada kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pandangan alam "Islam" ("I") yang dibawa oleh USIM dibincangkan dalam bab terdahulu memberi tujuh takrifan berikut: "Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli", "Iqra'", "Insan yang lahir daripada konsep naqli dan aqli, Iqra' dan qalbu", "Internationalisation" (Pengantarabangsaan), "Interaksi Universiti di peringkat antarabangsa dan tempatan",. "Intervensi terhadap Revolusi Perindustrian termasuk Revolusi Industri Ke-4" dan "Impak kepada ummah".

INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

Berpaksikan pandangan alam "Islam" di USIM, pelbagai rangka program dilaksanakan dalam melahirkan siswazah yang mencakupi elemen holistik, seimbang dan berkeusahawanan. Program akademik dirangka supaya menepati konsep integrasi ilmu naqli dan aqli di USIM secara sistematik dan aplikasinya diterjemahkan melalui penulisan buku integrasi ilmu oleh setiap fakulti.




Penerbitan Buku Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli USIM



Tiga Landasan Akademik dan Penyelidikan yang Utama USIM

Seperti yang pernah disebut, usaha mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dibuat menerusi program akademik Universiti yang menetapkan syarat peratusan elemen naqli sekurang-kurangnya sebanyak 30 peratus bagi kursus yang bersifat aqli, manakala 30 peratus elemen aqli bagi kursus bersifat naqli. Kaedah ini adalah bagi memastikan wujud kedua-dua elemen yang ingin dibawa, di samping memastikan proses pembentukan penuntut GIINA yang berkesan. Tiga landasan akademik dan penyelidikan yang utama iaitu Pengajian Islam, Quran dan Sunah, Sains Islam, Teknologi dan Kejuruteraan, Kesusasteraan Islam Sains Sosial serta Kemanusiaan dijadikan asas integrasi ilmu yang menjadi tuggak kurikulum di USIM.



Garis Masa Perancangan Ke Arah USIM Sebagai Pusat Rujukan Dunia Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

Usaha mengintegrasikan ilmu ini diteliti melalui kaedah yang tersusun dengan terbentuknya PIINA yang ditubuhkan pada Jamadilawal 1436 H (Februari 2015 EM). Kursus Pengenalan INAQ misalnya adalah kursus yang diadakan khas untuk memberi pemahaman mengenai INAQ kepada semua lapisan warga Universiti. Ini menunjukkan kesungguhan USIM untuk menjadi pusat rujukan serantau dan dunia menjelang 1447 H (2025 EM).

Selaras dengan itu, pada tahun yang sama, setiap fakulti mendayausahakan penerbitan buku aplikasi integrasi ilmu naqli dan aqli yang menampilkan pelaksanaannya dalam P&P dan penyelidikan. Ia merupakan dokumentasi sulung pengalaman USIM dari segi penghayatan, penerapan dan pembudayaan konsep ini. Aspek-aspek yang ditonjolkan dalam buku ini termasuklah dari segi P&P, penyelidikan, persidangan, penerbitan, pencapaian alumni dan melalui aktiviti libat sama komuniti serta pelbagai usaha pemindahan ilmu yang dijalankan oleh setiap fakulti.

Inisiatif ini juga melambangkan langkah ke arah memartabatkan sains Islam yang dilihat sebagai disiplin akademik yang baharu hasil daripada integrasi nilai-nilai Islam dan sains. Ia adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa ilmu dan sains terikat dengan nilai-nilai dan merupakan manifestasi serta hasil dari pandangan alam Islam. Tiada percanggahan antara wahyu dan sains, itulah asas yang dibawa Institut Sains Islam (ISI).

ISI perlu dilihat sebagai lambang usaha USIM untuk memulihkan dan memartabatkan kehebatan sains dan teknologi umat Islam. Pendekatan yang holistik dan rentas disiplin ke arah sains Islam bertujuan mengintegrasikan sains dengan pengajian Islam di bawah kerangka al-Quran dan al-Sunnah. Penyelidikan dan inovasi serta menjadi pusat rujukan dunia dalam bidang sains Islam dijadikan penggerak pembangunan ummah dan manusia sejagat.

Pengisian seperti Siri Syarahan Sains Islam dan Siri Tafsir Ayat-ayat Ketauhidan dalam Dunia Penciptaan mengarah pembentukan satu bidang akademik yang memajukan dan mengharmonikan ummah. Tajuk-tajuk lain yang dibincangkan pada 1438 H (2017 EM) ialah "Integrasi Agama dan Sains: Eksplorasi dari Kerangka Spiritual Islam", "Siwak dari Segi Sunah dan Sains" dan "Sains Tauhid: Hubungan antara Sains dan Agama".

Selain ceramah, ISI juga menggalakkan pengembaran penuntut USIM mengenali sains ke peringkat antarabangsa. Menerusi USIM GISo, pengembaran ke Wonosobo membawa tema "*Science Facts to Remember*" pada Zulhijah 1438 H (Ogos 2017 EM) dan "Kembara Korban dan Bakti Siswa" ke Pattani pada Muharam 1439 H (September 2017 EM).



Perkembangan terbaru, ISI turut menawarkan program ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam penghususan Sains Islam, merentas disiplin antara ilmu Islam, sains fizikal, sains sosial serta kemanusiaan. Perkembangan ini dilihat selaras dengan Konsep Iqra' yang mendasari USIM.

BIL. 396 KHAMIS, 31 Ogos 2017

VARSITI
BERITA
UniversitiMalaysia.my

pascasiswazah

USIM tawar pengkhususan sains Islam peringkat pascasiswazah

info

Program pascasiswazah dalam pengkhususan sains Islam di USIM

«Pelajar terabit perlu memenuhi keperluan kurus wajib disyurukas, iaitu Metodologi Penyelidikan, Analisis Data dan Falsafah Sains Islam sebagai syarat graduan

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sekjak awal penubuhan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dikenali sebagai penyelidik yang mampu mengintegrasikan ilmu saintifik dan agili.

Pengarah Institut Sains Islam (ISI) Prof Dr Norwita Md Norwawi, berkata satu daripada pemanfaatkan merealisasi harasit itu secara sistemik dalam kerangka pengajaran dan doktor falsafah (PhD) dalam pengkhususan sains Islam.

Beliau berkata, penawaran program berkenaan disasarkan kepada umum bagi membuka ruang baharu penyelidikan dalam sains semasa berkaitan sains dan teknologi.

Dewan alternatif
Selain itu, pemerintah jawatankuasa akademik kepada permasalahan sosial berdasarkan epistemologi Islam yang mencakupi kemanusiaan, sosial, kemanusiaan dan sains fizikal.

*Melalui program ini, USIM juga akan menjadi penggerak pembangunan hidau nesantian sains

Islam yang belum ditadbir secara berstruktur dan sistematis pada peringkat pascasiswazah di negara ini.

«Setakat ini, pen-

yanan program ini amat

berpententi bidaan tujuan

USIM,» katanya ketika dibuang.

Prof Norwita berkata,

tujuan ini selaras hasil

USIM melahirkan saintis

profesional yang mampu

membantu masyarakat

seolah membantu menyelesaikan permasalahan

umuman melalui sains

dan teknologi.

Beliau berkata, pengajian sains Islam ditawarkan

USIM itu increment

disiplin berturut-turut

al-Quran dan sunnah yang

diterjemahkan dengan

konteks ilmu sains fizikal,

sains sosial serta kemanu-

siaan.

Inovasi disini

“Ia boleh dianggap suatu bentuk pengajian Islamik

gunaan, justeru penyelidikan dan pelajarannya

tidak dilaksanakan dalam konteks merentasi disiplin.

Kajian memfokus pada

satu domain tertentu tidak

boleh dilaksanakan dalam

skop pengajian ini.

“Melalui kajian memfokus-

ruh merentasi pelbagai

bidaan dengan berteras-

kan ilmu saintifik dan ani-



Pengajian sains Islam ditawarkan USIM merentasi disiplin berturut-turut al-Quran dan sunnah yang diterjemahkan dengan konteks ilmu sains fizikal, sains sosial serta kemanusiayaan.



Prof Dr Norwita Md Norwawi

graduan program ini akan

berperpadu mengenalisa

maximal serta membentuk

hubung kait solusi bagi

isu semasa masyarakat,”

katanya.

Prof Norwita berkata,

program itu diharap

dapat menghasilkan

modul ilmuan berkualitas,

iazhah pascasiswazah wan-

manuji mempert

vasi dalam penye

dan pembanguna

khususnya dalam

ilmu Islam.”

“Pada penginggian itu

misi keperluan si

manusiad negara y

terliah serta mal

kedua-dua aspek i

maudi dan anil.”

Keratan Akhbar Tentang
Penawaran Kursus Sains Islam
di Peringkat Pascasiswazah
(Berita Harian, 31 Ogos 2017)

IQRA'

Kalimah iqra', yang bermaksud: bacalah, merupakan kalimah suci al-Quran. Kalimah iqra' merupakan kalimah pertama yang terangkum dalam wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW. Majoriti ahli tafsir berpendapat kalimah ini menunjukkan ketinggian nilai ilmu dan kemuliaan amalan keilmuan dalam Islam.

Budaya ilmu Islam yang dapat dilihat dalam catatan sejarah, iaitu semenjak zaman Baginda SAW sehingga ke hari ini, sebenarnya telah dibina berasaskan semangat dan falsafah kalimah iqra'. Iqra' dapat difahami sebagai membaca al-Quran yang merupakan sumber panduan kehidupan dunia dan akhirat. Iqra' juga dapat difahami sebagai membaca buku-buku pengetahuan lainnya,

seperti keagamaan, kemanusiaan, kejuruteraan dan perubatan. Pengetahuan-pengetahuan inilah yang membina kehidupan manusia dan menjadi pemangkin kepada pelbagai inovasi yang diperlukan oleh umat sejagat. Dengan itu, budaya ilmu Islam adalah budaya iqra' atau mudahnya, budaya membaca.

Dalam usaha memperkasa bidang pengajian Islam, USIM memperkemas konsep dan pelan tindakan dengan penubuhan I-IQRA' pada tahun 1434 H (2013 EM). Penubuhan konsortium I-IQRA' ini menjadi platform kepada aktiviti utama seperti program berbentuk akademik termasuk pertukaran staf dan penuntut, penyelidikan, penerbitan jurnal ilmiah peringkat antarabangsa serta penjanaan kewangan melalui wakaf, perundingan dan perkhidmatan.

Penubuhan I-IQRA' yang diilhamkan oleh YBhg Prof Dato' Dr Asma Ismail (Naib Canselor ketiga di USIM) pada 1433 H (2012 EM) bertujuan mewujudkan kerjasama erat dan percambahan idea antara universiti yang menawarkan program akademik dalam pengajian Islam. Selain itu, konsortium ini mampu mengangkat ilmu dalam sistem pengajian tinggi Islam ke arah yang lebih cerah pada masa hadapan selain mengeratkan lagi hubungan kolaborasi akademik, penyelidikan dan persidangan antara universiti dan negara anggota yang mampu meningkatkan kualiti serta kelestarian ummah. Ia secara tidak langsung membantu mewujudkan direktorij kepakaran ahli akademik dalam pelbagai disiplin ilmu yang berteraskan pengajian Islam.

Apa yang lebih penting ialah penubuhan I-IQRA' menjadi landasan memperkasakan perkongsian pintar dalam aktiviti penyelidikan berkonsepkan kelas global dalam kalangan universiti serantau dan negara *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC). Ini terbukti dengan penubuhan Seminar Serantau Institut Pengajian Tinggi Islam (SelPTI) yang diadakan secara dwi-tahunan dan dikoordinasi oleh Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand yang mengumpulkan sarjana dan cendekiawan dalam bidang akademik untuk membentangkan hasil penulisan, penyelidikan dan penerbitan yang mengangkat kecemerlangan institusi dan kehebatan bakat akademik.

USIM seterusnya memartabatkan falsafahnya sebagai sebuah universiti yang berteraskan pengajian Islam melalui pembudayaan membaca al-Quran yang menjadi teras utama dalam usaha untuk mendidik jiwa, menstabilkan emosi dan mengawal diri dalam kalangan para pemimpin, akademik dan siswazah. Namun, USIM melihat bahawa kepentingan membaca dan mendalaminya maksud al-Quran ini bukan sahaja dibataskan kepada golongan mereka yang normal, tetapi juga kepada golongan yang mengalami masalah penglihatan. Justeru, USIM membuat satu inovasi baharu dalam pengajian al-Quran dengan memperkenalkan pengajian Quran Braille pada 1433 H (2012 EM) untuk meraikan komuniti yang berkeperluan khas dalam masalah penglihatan.



Melalui pendekatan Terapi Qurani, wawasan al-Quran sebagai sumber pengetahuan, panduan dan perubatan dapat direalisasikan. Firman Allah SWT:

“

Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya, dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga.

”

(Surah al-Isra': 82)

Pendekatan sebegini bukan hanya membawa kepada kesedaran seseorang insan terhadap dirinya dan hubungannya dengan Allah SWT, tetapi juga membentuk peribadi yang luhur serta seimbang.

INSAN

Dalam melahirkan siswazah yang cekap dan seimbang di USIM, ia diterjemahkan melalui pembangunan Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) yang diperkenalkan oleh BHEP, USIM. Melalui model ini, penuntut digalakkan menyertai pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran insaniah, membentuk personaliti dan melengkapkan mereka dengan keperluan pengijazahan. Model GIINA ini mengandungi 21 kriteria dan dikategorikan kepada tiga elemen iaitu holistik, seimbang dan berkeusahawanan. Setiap kriteria dilengkapkan dengan definisi operasi sebagai piawaian dan jika ia dipenuhi, akan melayakkan penuntut untuk memperoleh markah dengan peratusan tertentu. Setelah tamat pengajian, markah terkumpul atau Skor GIINA akan digunakan untuk mengukur pencapaian keseluruhan siswazah.

Elemen holistik yang diperkenalkan dalam model ini meliputi elemen intelek, rohani, emosi dan jasmani yang membangunkan keperibadian penuntut tersebut. Holistik terdiri daripada 11 kriteria yang melibatkan penyertaan dalam aktiviti pembangunan kemahiran insaniah, pencapaian prestasi akademik tertentu dan kecergasan fizikal yang baik seperti yang ditunjukkan dalam heksagon merah. Seterusnya, elemen seimbang memberi maksud keperluan penuntut untuk mempamerkan keseimbangan antara tingkah laku dan pengetahuan supaya mampu menyumbang kepada ummah dan dunia. Elemen seimbang ini terdiri daripada lima kriteria meliputi komitmen dan tanggungjawab terhadap USIM, negara dan agama serta keupayaan untuk melaksanakan USIM GISO



MODEL GRADUAN INTEGRASI ILMU


NAQLI DAN AQLI USIM



Pelan Pembangunan
Pendidikan Malaysia
(Pendidikan Tinggi)
2015 - 2025

LONJAKAN PERTAMA

Melahirkan Graduan yang
Holistik, Seimbang dan
Berkeusahawanan



Model GIINA

seperti yang ditunjukkan dalam heksagon kuning. Akhir sekali, elemen berkeusahawanan dibangunkan dengan lima kriteria yang menumpukan kepada aktiviti keusahawanan dan inovasi. Elemen berkeusahawanan juga bertujuan menekankan pembentukan penuntut yang mandiri seperti ditunjukkan dalam heksagon biru. Kepentingan sikap mandiri ini diungkapkan oleh Za'ba:

“

Sifat kebergantungan pada diri sendiri perlu ada dalam masyarakat kerana ia akan membawa kepada kemajuan sesuatu bangsa. Mereka akan maju dan dihormati jika percaya pada kebolehan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri tanpa mengharapkan bantuan pihak lain. Kemajuan atau kemunduran sesuatu bangsa bergantung kepada rakyat itu sendiri.

”

Manakala dalam membangunkan para pemimpin dan akademik yang memenuhi aspirasi Islam untuk memimpin di sektor pengajian tinggi, USIM memperkenalkan satu inisiatif baharu iaitu Kepemimpinan Berpandukan Qalbu pada 1435 H (2014 EM). Inisiatif yang dicetuskan oleh YBhg Prof Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam (kini Pengerusi LPU USIM) bersama-sama satu pasukan di USIM ini memupuk dan membimbing bakat pentadbiran dan akademik, serta keupayaan kepemimpinan yang mampu mendukung bidang keutamaan negara dan cabaran dunia.

Hakikatnya, kepemimpinan berpandukan qalbu ini bertitik tolak daripada keputusan-keputusan yang celaru dan tidak berprinsip oleh pemimpin-pemimpin pada peringkat dunia seperti Skandal Enron (sebuah syarikat pengeluar tenaga di Amerika (AS)), krisis Gadaijanji Subprima (masalah kejatuhan nilai kewangan di AS), pencerobohan ketenteraan di Iraq, Yaman, Somalia dan Afghanistan. Justeru, dalam konteks ini, USIM terlibat secara langsung menerusi pelbagai penyelidikan dan program latihan yang ditawarkan.

Penelitian para ilmuwan kepemimpinan masa kini mendapati keputusan-keputusan yang celaru ini berpunca daripada kegagalan kepemimpinan akademik. Hal ini jika dilihat dengan teliti, merupakan penentu kepada kepemimpinan dalam pelbagai segi dan peringkat masyarakat antarabangsa. Dalam erti kata lain, pengajian tinggi melatih ramai pemimpin, sarjana dan pengamal, sehingga ada pemimpin-pemimpin ini menjadi pemimpin negara. Misalnya, di UK dan di AS, ramai pemimpin negara merupakan lulusan Universiti Oxford dan Universiti Harvard. Di Malaysia, majoriti pemimpin peringkat tertinggi negara merupakan lulusan universiti dan mendapat latihan kepemimpinan semasa mereka berada di menara gading.

Justeru, SIANA atau dikenali Staf Integrasi Amal Naqli dan Aqli dihasratkan dapat merealisasikan strategi Lautan Biru USIM pada masa yang sama Model Kepemimpinan Berpandukan Qalbu mampu melahirkan warga USIM yang berintegiriti serta mengamalkan prinsip wasatiyyah dalam tindakan berdasarkan konsep *Hablu Min Allah wa Hablu Min al-Nās*.

Dalam hal ini, pembinaan Model Kepemimpinan Berpandukan Qalbu adalah sangat tepat pada masanya. USIM dilihat amat mementingkan aspek qalbu dalam menjadikan USIM sebagai "Universiti Berhati Nurani". Ini bermakna paradigma kepemimpinan dan pembangunan bakat, sama ada daripada aspek akademik, penuntut, penyelidikan dan pentadbiran adalah berasaskan norma integriti, merendah diri serta personaliti kepemimpinan yang dinamik berpandukan qalbu. Program kepemimpinan yang diterapkan USIM ini bermatlamat untuk menghidupkan jiwa insan (qalbu) sebagai unsur penting yang meningkatkan roh dan martabat insan.




Impak dan manfaat daripada terhasilnya kepemimpinan berpandukan qalbu adalah melahirkan warga akademik, pentadbir dan siswazah yang terbaik. Kepemimpinan yang baik adalah berteraskan kepada prinsip adil, holistik dan seimbang dalam sebarang tindakan dan keputusan yang dibuat. Kepemimpinan berpandukan qalbu ini diusahakan untuk memaksimumkan keupayaan insan sebagai khalifah yang berupaya memimpin masyarakat. Ini selari dengan hadis Rasulullah SAW:

“

Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan diminta dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpin.

”

(Riwayat Muslim)



Model Kepemimpinan Berpandukan Qalbu

Oleh itu, Model Kepemimpinan Berpandukan Qalbu merupakan alternatif kepada pelbagai corak kepemimpinan yang dapat dilihat pada hari ini seperti autokratik, partisipasi, berkecuali dan liberal. Ianya adalah sebuah model kepemimpinan yang bersifat holistik dan menekankan keseimbangan antara aspek intelektual, rohani dan jasmani, selaras dengan pelbagai aktiviti pengantarabangsaan yang rancak dan ke arah melahirkan penuntut dan staf yang cekap dan berbakat.

INTERNATIONALISATION

USIM membuka peluang kepada penuntut dan staf bagi mengikuti pelbagai program pengantarabangsaan demi pengukuhan kurikulum serta kemandirian siswazah.

Jalinan Antarabangsa USIM Sejak 2010

Jordan
i. Sangkutan Industri


Nigeria
i. Latihan untuk VC

Maldives
i. USIM GISO (2)

India
i. Mobiliti Penuntut Antarabangsa ke Dalam Negara
ii. Mobiliti Penuntut ke Luar Negara
iii. Sangkutan Industri
iv. USIM GISO (2)

Sri Lanka
i. USIM GISO (3)

Bangladesh
i. Mobiliti Penuntut Antarabangsa ke Dalam Negara (2)




Kursus Latihan Industri (LI) di luar negara dimulakan pada 1431 H (2010 EM) yang melibatkan 149 penuntut sejak 1434 H (2013 EM) hingga 1438 H (2017 EM).


Lapan penuntut ke Australia diikuti dengan empat penuntut pada 1432 H (2011 EM) ke negara yang sama. Pada 1433 H (2012 EM), jumlah penuntut yang menjalani LI Luar Negara meningkat kepada 17 orang penuntut dan terus melonjak secara mendadak pada tahun-tahun berikutnya.

Aktiviti pengantarabangsaan di USIM diteruskan lagi dengan lebih aktif yang melibatkan kurikulum pada 1433 H (2012 EM). Sehingga kini, USIM berjaya melaksanakan pemindahan kredit ke lima negara dan di universiti-universiti berikut:

- *Suleyman Demirel University, Kazakhstan;*
- *University Prince of Songkhla, Pattani, Thailand;*
- Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei;
- Universitas Islam Indonesia;
- Universitas Jember Indonesia;
- Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia;
- Universitas Sultan Agung (UNISSULA), Indonesia;
- Universitas Islam Negeri Syarif Kasim, Riau, Indonesia; dan
- *University of Sharjah, United Arab Emirates.*



Senarai Fakulti yang Terlibat dalam Kursus Latihan Industri Luar Negara



Jalinan Kerjasama antara Fakulti di USIM dengan Lima Negara di Peringkat Antarabangsa


Tahun 1435 H (2014 EM) memperlihatkan USIM terus mengorak langkah dalam aktiviti pengantarabangsaan melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dan Memorandum Perjanjian (MOA).



Kerjasama dengan DIU misalnya menyaksikan 25 calon Ph.D dari Bangladesh sedang mengikuti pengajian di USIM seperti berikut:



BIL.
PENUNTUT



Program Latihan Kedoktoran kepada pensyarah dari IIUC dan DIU ini adalah program khusus dari USIM untuk membantu ke arah kecemerlangan kualiti tenaga pengajar di dua buah universiti ini dan juga sebagai salah satu agenda membantu ummah oleh USIM di peringkat antarabangsa.

Pengantarabangsaan terus diperkuuh sebagai agenda penting universiti dengan melibatkan aktiviti bersama pihak sekolah. Bermula 1436 H (2015 EM), Program-program *Islamic Global School Network Jamboree* (i-GSN Jamboree) dilaksanakan dengan penyertaan seramai 98 penuntut dari Indonesia dan Thailand. i-GSN adalah suatu rangkaian yang terdiri dari sekolah-sekolah dan kolej di luar negara yang pernah dilawati oleh pasukan promosi USIM atau yang pernah mengadakan lawatan ke USIM. Konsep i-GSN Jamboree ini adalah untuk memberi pendedahan secara holistik mencakupi pelbagai aspek iaitu akademik, kepemimpinan, sahsiah, rohani, sukan serta budaya. Ini membuka pelbagai peluang interaksi budaya, kepelbagaian bahasa, persefahaman latar belakang yang berbeza dan semangat ukhuwah dalam kalangan pelajar sekolah, penuntut universiti antarabangsa serta penuntut USIM. Program ini terus berkembang melalui kerjasama dengan sekolah pondok di Indonesia dan sekolah di Australia. Dari 1436 H (2015 EM) hingga 1438 H (2017 EM), terdapat empat program pengantarabangsaan yang telah diadakan, di mana melibatkan 329 penuntut dan 22 guru.

Program pengantarabangsaan semakin rancak pada 1427 H (2016 EM) dengan kehadiran penuntut-penuntut dari Jepun ke USIM untuk Program Musim Panas. Dalam tahun yang sama, 17 penuntut USIM turut dihantar ke Jepun untuk menghadiri program yang sama iaitu Program Musim Panas (*Summer Programme*) 2016 anjuran *Prefectural University of Hiroshima*.

Seiring dengan itu, pengantarabangsaan dan pengukuhan kurikulum akademik tidak dilupakan. Latihan turut dilaksanakan di peringkat antarabangsa untuk memantapkan kurikulum integrasi ilmu naqli dan aqli pada 1427 H (2016 EM) yang melibatkan 20 staf USIM di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Mataram, Indonesia (kini UIN).





Pada tahun yang sama, lawatan-lawatan kerja dan perbincangan di peringkat antarabangsa pula terus dilaksanakan sehingga ke Turki. Sayap pengantarabangsaan USIM dilebarkan dengan IUR yang berbentuk kerjasama penawaran program pengajian USIM di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di kampus Turki. Program Francais Akademik merupakan program pengajian dari UA (*franchisor*) kepada Institusi luar (*franchisee*) di mana pengendalian dan logistik adalah di bawah tanggungjawab Institusi tersebut. Manakala kawalan kualiti dan peperiksaan dijalankan oleh universiti yang menganugerahkan ijazah tersebut.



Kerjasama antarabangsa dengan Turki diperkuuh lagi melalui Program Pertukaran Mevlana yang memberi peluang kepada penuntut dan staf akademik USIM menimba pengalaman di beberapa universiti Turki dari 1427 H (2016 EM) hingga 1443 H (2021 EM). Dalam proses pertukaran antarabangsa ini, beberapa kredit pengajian diambil kira untuk kursus penuntut dan tidak perlu mengulang kursus berkenaan apabila pulang ke tanah air. Kerjasama ini adalah salah satu daripada agenda USIM 1444 H (2025 EM) yakni untuk menjadi universiti rujukan utama bagi integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat dunia. Ini juga adalah selaras dengan pelbagai aktiviti USIM di peringkat antarabangsa dalam membantu umat Islam sejagat mendapat akses kepada pendidikan tinggi Islam.

INTERAKSI UNIVERSITI DENGAN PELBAGAI SEKTOR DAN PERINGKAT

Interaksi bersifat akademik, mahu pun bukan akademik, antara USIM dengan pihak-pihak yang berkaitan di luar negara mahu pun di peringkat tempatan, mampu menjelaskan imej dan peranan positif Islam dan keintelektualan Islam. Perhubungan yang terbina di peringkat antarabangsa dan tempatan ini adalah melalui pelbagai platform.

USIM membina hubungan yang baik dengan masyarakat sejak sekian lama. Program-program yang dianjurkan selain daripada bertujuan untuk membina pembangunan Universiti, ia turut berpaksikan hasrat menyumbang kepada masyarakat. Misalnya, jaringan dan rangkaian Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dengan institusi agama, fatwa di peringkat tempatan dan antarabangsa juga semakin meluas. Institusi-institusi seperti Pusat Zakat Wilayah Persekutuan, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), JAKIM, Majlis Agama Islam, dan Jabatan Mufti Negeri juga turut menyumbang dalam kerjasama penganjuran seminar, muzakarah dan diskusi INFAD di pelbagai peringkat penganjuran.

Di peringkat antarabangsa, INFAD juga menjalin kerjasama yang erat dengan Institusi Fatwa di Timur Tengah seperti *Darul Ifta'*, Mesir, jua di peringkat serantau seperti Indonesia, Brunei dan lain-lain. Kerjasama ini turut dibuat dengan pelbagai institusi fatwa di Benua Eropah, Australia dan sebagainya. Pelantikan Sheikh Muhammad Muhammad `Awwamah pada 1436 H (2015 EM), seorang tokoh dan ulama besar dunia sebagai penyandang Kursi Felo Utama dalam Kajian Fatwa yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) juga merupakan antara program pengantarabangsaan.





Institut Pengurusan dan Penyelidikan Halal (IHRAM) pula tidak ketinggalan dalam memacu hubungan yang mantap dengan pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa dan tempatan. *United States Agency for International Development* (USAID) dan *World Learning* (WL), Pakistan misalnya, menjadi rakan kongsi peringkat antarabangsa dalam penganjuran program latihan *Halal Meat Production and Marketing* bagi berkongsi kepakaran dan kemahiran dalam bidang penyelenggaraan dan pemasaran daging halal. IHRAM turut melakar hubungan baik dengan *Sejong Cyber University* (SJCU) dalam penganjuran projek *Halal Food and Hospitality Training*. *Japan Halal Product and Services Research Institute* (JAHARI) menjalin kerjasama bermula pada 24 Rejab 1438 H (21 April 2017 EM) dalam aspek kerjasama penyelidikan, pembangunan produk Halal Biosensor, penghasilan produk gamifikasi dan sebagainya.

Begitu juga halnya dengan hubungan baik yang terjalin antara IHRAM dengan beberapa institusi kerajaan, institusi penyelidikan, institusi pendidikan dan NGO untuk meningkatkan perkongsian maklumat dan kepakaran berkaitan industri halal. Contohnya, kerjasama dengan pihak-pihak seperti Jabatan Standard Malaysia untuk penganjuran Seminar Standard Halal dan gabungan bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pembentukan Konsortium Institusi Halal Universiti Awam Malaysia.



Berbeza dengan interaksi yang dilaksanakan oleh INFAD dan IHRAM yang bersifat antarabangsa, projek yang dinamakan sebagai *KLiP Mata Pakar Bergerak (KLiP Mobile)* pula menyasarkan pembudayaan penjagaan mata yang baik dalam kalangan masyarakat. *KLiP Mobile* merupakan kerjasama strategik USIM dengan Kerajaan Negeri Sembilan yang mana pesakit warga emas dikenal pasti di peringkat awal melalui proses pemeriksaan oleh Klinik Pakar USIM di klinik-klinik berdekatan untuk dirujuk kepada pakar *KLiP Mobile* pada hari yang sama.

Kehadiran *KLiP Mobile* ke kawasan-kawasan terpilih luar bandar di Negeri Sembilan dapat dimanfaatkan oleh semua golongan terutamanya warga emas yang mempunyai kesukaran untuk mendapatkan rawatan di hospital kerana masalah logistik, kewangan dan pengangkutan. Berbeza

dengan kemudahan kesihatan statik seperti Klinik Pakar Mata di hospital, kemudahan klinik pakar yang datang ke tempat berhampiran kediaman mereka adalah satu bentuk kemudahan sosial yang disediakan kepada masyarakat.

Dalam masa yang sama, OKU menjadi salah satu fokus khidmat masyarakat yang dijana oleh USIM. Untuk memantapkan lagi usaha menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada golongan ini, USIM menjalinkan hubungan dengan beberapa pihak yang mempunyai aspirasi yang serupa. Ia bermula dengan kerjasama bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Persatuan Orang-Orang Cacat Islam Malaysia (PERTIS) bagi menghasilkan al-Quran dalam tulisan *braille* pada 19 Rabiulakhir 1433 H (12 Mac 2012 EM). Begitu juga, Memorandum Persefahaman bersama tiga NGO iaitu Yayasan FAQEH, Persatuan Orang Pekak Negeri



Sembilan (NESDA) dan Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) dalam membentuk kerjasama pendidikan dan pembudayaan al-Quran dalam kalangan OKU.

Di samping itu, Duta Jauhar yang merupakan program cetusan idea YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin (kini Datuk Seri), Menteri Besar Johor adalah program pembangunan sosioekonomi rakyat Johor melalui penglibatan penuntut universiti dari negeri Johor di seluruh negara. Inisiatif ini adalah pengiktirafan besar Kerajaan Negeri Johor kepada penuntut yang diyakini boleh bersama-sama menyumbangkan idea kreatif, inovatif dan sumber tenaga bagi menjayakan agenda pembangunan masyarakat dan negeri. Duta Jauhar Siri 1 pada 1435 H (2014 EM) berjaya melaksanakan 19 projek di 10 daerah negeri Johor dengan penglibatan seramai 285 penuntut dari 12 UA. Manakala Duta Jauhar Siri 2 pada 1436 H (2015



EM) pula mencatatkan penglibatan seramai 330 penuntut dari 15 UA dan empat US di Johor dengan pelaksanaan 22 projek. USIM melalui penuntut dan pensyarahnya yang dipanggil sebagai Duta Jauhar USIM turut terlibat dalam menjalankan hubungan dan interaksi bersama masyarakat Johor melalui pelbagai program kemasyarakatan dan pembugaran ekonomi seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Interaksi USIM dengan pelbagai sektor dan peringkat dimantapkan lagi dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Mizan pada 1437 H (2016 EM). Ia memfokuskan penyelidikan, persidangan dan penerbitan berteraskan Mizan atau keseimbangan yang terfokus kepada kampung dan masyarakatnya. Bengkel di peringkat setempat dilaksanakan seperti Bengkel Kajian Kepemimpinan Prestasi Masjid

dan Pembangunan Komuniti, Bengkel Kampung Mizan USIM-Bank Rakyat dan Bengkel Strata Skim Bantuan Kemiskinan Berasaskan Maqasid Syariah yang menjadi platform bagi para ilmuwan, pengamal media, sukarelawan, pengkaji bidang kemasyarakatan dan ketua komuniti masyarakat bertemu dan berbincang secara interaktif mengenai isu-isu berkaitan kelestarian kampung.

Selain itu, pusat ini turut menganjurkan beberapa persidangan peringkat nasional dan antarabangsa bagi mengupas isu-isu semasa berkaitan kampung. Misalnya, Persidangan Antarabangsa Inisiatif Kampung Mizan USIM-Bank Rakyat pada 22 hingga 24 Zulhijah 1437 H (23 hingga 25 September 2016 EM) yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor, USIM. Melalui persidangan ini, banyak hasil kajian mengenai kampung di Malaysia dan juga komuniti setempat di negara-negara lain di seluruh dunia dibentangkan, diperdebatkan dan membentuk resolusi berimpak tinggi. Usaha ini dapat memberikan impak positif kepada pemahaman masyarakat terhadap peri pentingnya menjaga kelestarian kampung sampai bila-bila.

Seterusnya, antara projek penyelidikan penting yang dilaksanakan oleh Pusat ini adalah Projek Kampung Mizan. Keutamaan merekod dan mendokumentasikan pengetahuan setempat yang terdapat di kampung-kampung adalah sangat tinggi dan perlukan tindakan segera oleh semua pihak. Impak positif pengetahuan setempat dari kampung dapat dilihat dalam nilai-nilai mulia melalui amalan penduduk kampung yang masih menjaga tradisi mereka sehingga ke hari ini. Antara kampung yang menjadi subjek penyelidikan ini adalah Kampung Bharu di Kuala Lumpur, Kampung Morten di Melaka dan kampung-kampung di Seri Menanti, Negeri Sembilan.



Pusat Penyelidikan Mizan juga memfokuskan hala tuju penyelidikan ke arah mempromosikan kawasan-kawasan kampung yang tidak menerima nikmat pembangunan dan peningkatan tahap pendidikan. Projek ini adalah contoh unggul kepada aspirasi Kerajaan Negeri Sembilan dalam membangunkan persekitaran pendidikan yang komprehensif pada peringkat komuniti. Oleh itu, dalam merintis Kampus Barakah, USIM mengambil mandat penting ini untuk meneroka dan melestarikan keseimbangan ekosistem alam untuk diwariskan kepada generasi akan datang yang tidak boleh lari daripada intervensi Revolusi Industri Ke-4.



INTERVENSI TERHADAP REVOLUSI PERINDUSTRIAN

Intervensi tersebut termasuk Revolusi Industri Ke-4 dilihat USIM sebagai ganggu-gugat yang memerlukan penilaian semula dalam memahami dan mendekatinya. Perkembangan Revolusi ini jika dilihat dari segi kronologi bermula dengan Revolusi Industri Pertama (1760-1830 EM) yang bergantung kepada kegunaan air dan wap untuk menggerakkan jentera yang tidak terdaya oleh kudrat manusia. Perkembangan teknologi seterusnya memperlihatkan kuasa elektrik mencetus Revolusi Industri

Ke-2 sekitar 1870-1914 EM dan membawa impak perkilangan dalam skala yang besar. Revolusi Industri Ke-3 pula membawa asas komputer sebagai alat utama mempercepat tugas manusia. Kemudian muncul pula Revolusi Industri Ke-4 yang menggunakan robot selaras dengan perkembangan AI dan kesepadan IPB yang merangka pelbagai peranti, perisian dan peralatan. Hari ini, istilah Revolusi Industri, diperkenalkan ahli sejarah terkenal, Arnold Toynbee (1889-1975 EM) merupakan fenomena yang sering disebut dan diperdebat oleh masyarakat.

Beberapa pendirian jelas USIM berkenaan Revolusi ini termasuklah keperluan memahaminya daripada naratif yang berbeza dan tidak hanya menyerah kepada naratif sedia ada, di samping mendekatinya dengan berbalik kepada perspektif berlandaskan Islam. Pendekatan memahami semula naratif ini juga perlu difahami dalam konteks yang lebih meluas iaitu Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju dan disegani dunia.

Apa pun bentuknya, revolusi kali ini dilihat antara yang paling kuat impaknya kepada kehidupan. Memandangkan permainan yang dipertaruhkan adalah Internet dan kuasa maklumat tanpa sempadan, ia nampaknya mempengaruhi kehidupan manusia lebih hebat daripada proses-proses revolusi yang pernah berlaku. Namun, memandangkan teknologi baharu dibuat oleh manusia untuk manusia, maka sepatutnya manusia mempunyai kemampuan untuk membentuk masa hadapannya sendiri.

MUKA SEPULUH

Mesin dari jentera boleh bergerak serta bekerja dengan sendiri apabila ia dimuatkan dengan program komputer tertentu bagi melakukan aktiviti terancang."

 Jika dahulunya wadah pertanian berubah kepada industri, kini wadah automasi pula kepada Internet Pelbagai Benda".

RI KACA MATA
Prof Tan Sri Dzulkifli
Abd Razak
Universiti Teknologi PETRONAS
Jalan Sultan Ahmad Shah 31750 Seremban,
Negeri Sembilan, Malaysia. Faks Akademik:
(609) 549 7000 ext. 2222

Mampukah kita insankan teknologi?

R esmian, Industri dan
diperdagangan dihukum se-
bagai kriminal. Akan tetapi
yearn (1989-1995), ad-
alah masa dimana kita
sebagian besar tidak ber-
menerima, atau bahkan
menolak, apa lagi memper-
baiki sistem pendidikan
kemajuan bersama-sama.
Kemudian ada tiga de-
kade berikutnya yang
terkenal dengan
perkembangan strategis
tertentu seperti Winau
dan Suryadarmo.

Dalam Winau (2002) ini
dikatakan bahwa silangan Cal-
ifornia berhasil. "Menurutnya
itu merupakan hasil program
pemerintah yang berhasil
diwujudkan dan beroperasi
dengan baik, yang bakti
dan kerja keras para peng-
elolaan teknologi dan teknologi
di daerah."

Dengan kata lain, tiga per-

besar kepada sistem pengangkutan milik pemerintah berasa pada meningkatnya aktivitas perkebunan.

Sebagaimana dulu ketika ini, untuk mendukung pertumbuhan dan taksiran ekspor yang meningkatkan kesejahteraan bangsa, tentu saja dibutuhkan sarana dan prasarana yang memadai. Untuk itu, dalam hal ini, kita tidak boleh menunda-nunda lagi untuk mewujudkan status bangsa manusia sebagai pengangkutan hasil bahan pokok dan komoditi lainnya dengan memenuhi standar teknologi dan mutu pendidikan teknik makroekonomi.

Ketika ini, Revolusi Industri Raya sedang berlangsung di seluruh dunia. Untuk mengikuti perkembangan dan kemajuan teknologi dunia, segera tanggapilah.

sebut dapat diambil. Walaupun itu benar, perbaikan-perbaikan tersebut tidak selalu memberi hasil yang sama. Misalnya, ada teknik berlatih yang baik dan benar, tetapi hasilnya belum tentu bagus. Jadi, kita tidak boleh terlalu percaya pada teknik berlatih yang kita gunakan. Selain itu, teknik berlatih yang kita gunakan juga tidak selalu cocok untuk semua orang. Misalnya, teknik berlatih yang baik untuk seorang pemula mungkin tidak cocok untuk seorang ahli. Untuk itu, kita perlu mencari teknik berlatih yang cocok dengan diri kita sendiri. Selain itu, teknik berlatih yang cocok untuk seorang pemula mungkin tidak cocok untuk seorang ahli. Untuk itu, kita perlu mencari teknik berlatih yang cocok dengan diri kita sendiri.

Keratan Akhbar *Berita Harian* pada Selasa, 18 Julai 2017
(Sumber: www.majalahsains.com)

Dalam mendekati Revolusi kali ini, beberapa elemen kemanusiaan tidak boleh dilupakan iaitu jasmani dan roh dalam menginsankan teknologi. Manusia perlu mempersiap siaga elemen-elemen ini dalam mengadaptasi teknologi dan melestarikan kewujudan sebagai manusia secara relevan. Justeru, menginsankan teknologi perlu menjadi agenda dalam manusia menghadapi teknologi itu sendiri.

Asasnya ialah memahami bahawa setiap revolusi mempunyai kebaikan dan keburukan dan kekurangan sesuatu revolusi itulah yang membawa kepada revolusi yang lain. Pendekatan ini melihat Revolusi Industri Ke-4 sebagai tidak wujud dalam bentuk yang utuh, tetapi sebenarnya adalah hanya satu proses perubahan sebagaimana proses-proses pembaharuan lain yang pernah berlaku dan mampu mengubah tamadun manusia.

Hakikatnya, al-Quran telah sedia membincangkan panduan tentang perubahan terutama perubahan yang membawa kepada kemaslahatan ummah. Surah al-Fatiha sendiri menyatakan keperluan untuk mempunyai strategi dalam perkara yang dirancang. Surah al-Baqarah ayat 164 pula menyuruh manusia menggunakan akal untuk memahami pergerakan alam semesta dan menginterpretasinya dalam dinamika kehidupan.

Ini selari dengan penekanan Islam yang mengiktiraf penciptaan baharu (Surah an-Nahl: 8, 16) serta ayat-ayat al-Quran lain yang meminta manusia memerhatikan ciptaan Allah dan berfikir (Surah al-Baqarah: 164, 261). Dalam hal ini, Islam menitikberatkan pengetahuan moden perlu dilihat sebagai alat ke arah mencapai kebenaran ke jalan Allah.

Maka, peranan Maqasid Syariah perlu diambil sebagai kerangka utama untuk memastikan kemanusiaan terus terpahat dalam jiwa insan mendepani Revolusi Industri Ke-4. Antara elemen yang boleh diaplikasikan ialah keseimbangan ekologi dan kepaduan sosial (*nasl*), kesamarataan pengetahuan ekonomi dan kekayaan semua (*māl*), pengetahuan untuk pembangunan manusia iaitu aset intelektual (*aql*) dan masyarakat dan individu yang berteraskan nilai (*nafs*) ke arah perubahan agama kendiri (*dīn*). Pendekatan ini dilihat sebagai kembali kepada “kebijaksanaan lampau” iaitu kembali kepada fitrah asal yakni agama yang dijunjung dalam mendepani cabaran.

Dalam masa yang sama, tiga konsep utama yang tidak boleh dipinggirkan dalam Islam adalah *Tawhīd*, *Fiqh* dan *Akhlāq* / *Taṣawwuf*. Ini memandangkan pemahaman manusia adalah terhad tanpa kesedaran tentang kewujudan Tuhan (*Tawhīd*). Dalam konteks ini, umat Islam perlu berupaya merefleksi bahawa teknologi, walaupun adalah hasil daripada intelek akal manusia, dicipta oleh Allah SWT. Kefahaman ini menjadikan manusia lebih rapat dengan Pencipta (*Taṣawwuf*) dan bersyukur dengan setiap penciptaan dan inovasi yang berlaku (*akhlāq*). Fiqh pula perlu dalam mendepani isu-isu yang muncul dan diperdebatkan kesan daripada perkembangan teknologi. Soal kemanusiaan seperti keprihatinan, keadilan, kesejagatian, kemesraan dan kesejahteraan dihadapi dengan ‘roh’ atau ‘hati nurani’ yang terpandu.

Semua itu tidak mustahil dicapai andainya peluang Revolusi Industri Ke-4 ini diambil sebagai platform memajukan diri ke arah kebaikan dan sedia menyempadani ilmu dengan integrasi ilmu naqli (ilmu al-Quran) kerana tidak semua ilmu perlu berubah. Ada ilmu yang kekal sifatnya dan itu sepatutnya dijadikan sempadan hidup. Apabila yang lain menuntut perubahan, pergerakan ke arah perubahan ini perlu dibuat dengan atas tertentu yang kuat lagi jelas.



5 Elemen Maqasid Syariah

Pengetahuan untuk Pembangunan Manusia iaitu Aset Intelektual (*aql*)

Keseimbangan Ekologi dan Kepaduan Sosial (*nasl*)

Masyarakat dan Individu yang Berteraskan Nilai (*nafs*)

Kesamarataan Pengetahuan Ekonomi dan Kekayaan Semua (*māl*)

Perubahan Agama Kendiri (*dīn*)

Lima Elemen yang Boleh Diaplakasikan dalam Mendepani Revolusi Industri Ke-4

CAN TEACHERS BE REPLACED?

Keratan Akhbar New Straits Times pada Ahad, 3 September 2017

THE Fourth Industrial Revolution affects all humans, especially those in productivity. However, it must be dealt with caution as its downsides are emerging.

The world will experience loss of jobs, a widening gap of status in society, marginalisation of the less privileged, pollution, environmental impacts, a change in societal behaviour, health issues and inequality.

Hence, the question is, while the industrial revolution is supposed to feed the human pursuit of knowledge, does it make humankind better?

In higher education, a disruptive innovation has emerged, which changes the teaching and learning environment. This advancement of technology cannot

replace or remove the role of teachers or educators in humanity.

Technology is created by humans for humans, using their reasons ('aqiq), which will have weaknesses or may cause negative implications.

Students can learn many things on the internet, but what they cannot learn is the spiritual and emotional aspect of being human.

This must be aligned with scientific and technological progress.

We may find information using technology without the need for a teacher (self-learn), but we cannot gain true knowledge without one.

Some major issues in higher education and its relation to the new narrative include our preparation for a new wave, the way we

cope with the impact it has on students and the type of graduates they become.

Our preparation is to accept the fact that technological advancement cannot be rejected. This goes in tandem with the understanding that pedagogies must change.

Students can learn many things on the internet, but what they cannot learn is the spiritual and emotional aspect of being human.

This must be aligned with scientific and technological progress.

We also cannot deny that the magnitude and order of our life are boosted by the internet.

This can be seen in overwhelming statistics of social media and smart gadgets used by Malaysians.

To cope with these advancements, higher education institutions must ensure that technology will bring change for the better and not for the worse.

Although changes are the natural development of a human life cycle, we have to be technically

ready to turn technology into a positive life.

For lecturers, the advent of technology, coupled with access to an abundance of information, means teaching methods and pedagogies must change.

Education delivery, efficient and teaching techniques must change in tandem with these developments.

However, the traditional way of teaching and learning – the *muarabbi* approach, where the role of lecturers as knowledge providers and mentors – is now challenged.

In future, students may learn with the help of computers.

As education becomes capitalistic in nature, the process of teaching and learning becomes much more self-oriented and isolated than before.

University programmes must

be based on the concept of the unity of knowledge, a convergence of information and disciplines. Students should be provided with a system of education that allows appreciation of approaches from other disciplines and helps them enrich their understanding.

It will encourage the creation of new space of knowledge and integration of disciplines to achieve comprehensive goals.

This aligns with the advocacy for transdisciplinary education and area-based development.

DR SITI SURIANI OTTHAH,
DR NORFAIDHILAH MOHD ALI,
DR AHMED ABDUL HALIK
AND DR HENDUAH ABDUL RAHMAN SHAH,
Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Selangor

Dalam perbincangan yang sama, peranan universiti perlu difahami semula supaya masih teguh berdiri sebagai punca ilmu yang luhur dan dipercayai. Universiti tidak boleh leka menghasilkan siswazah yang berbakat, mempunyai pengetahuan dan hanya untuk ditindik ke peluang pekerjaan dan berfungsi ibarat robot di kilang, selaras dengan keperluan industri semata-mata.

Ini kerana, perkembangan teknologi hari ini menyaksikan pembelajaran itu di mana-mana. Telefon pintar dan Internet memberi akses bersifat mudah alih berbanding komputer riba yang menyediakan maklumat tanpa perlu berguru. Namun, apa yang perlu dielakkan adalah perubahan dalam kehidupan yang membawa ke arah kemunduran dan kerosakan kerana ketidakbatasan maklumat dan ketidakupayaan membezakan yang hak dan batil. Dari segi proses P&P, keadaan teknologi yang mengambil alih atau mengasingkan peranan guru, pendidik atau murabbi yang nampaknya boleh tergugat kerana seseorang penuntut boleh belajar tanpa guru seharusnya ditolak.

Maka, dalam menangani cabaran masa hadapan, umat Islam perlu ke hadapan dan tidak hanya berfungsi sebagai pengguna digital. Ummah harus bersedia dengan strategi dan pemikiran yang terkehadapan, berlandaskan agama dan

kemanusiaan sebagai nilai utama yang dikongsi. Hanya dengan kekuatan ini umat Islam akan terus terkehadapan dan berupaya membawa limpahan keberkatan kepada ummah seluruhnya.

IMPAK TERHADAP UMMAH

'Bagai aur dengan tebing', itulah perumpamaannya antara USIM dengan masyarakat. USIM memerlukan masyarakat untuk terus berkembang dan relevan. Begitu jualah masyarakat yang sentiasa mendambakan sumbangan USIM bagi memberi impak yang bermakna dan berterusan kepada pembangunan pendidikan, ekonomi dan sosial.

USIM membina hubungan yang baik dengan masyarakat sejak sekian lama. Program-program yang dianjurkan selain daripada bertujuan untuk membina pembangunan Universiti, ia turut berpaksikan hasrat menyumbang kepada masyarakat. INFAD misalnya merupakan satu pusat kecemerlangan di USIM yang banyak memberikan sumbangan dan impak kepada masyarakat. Sejak dirasmikan pada 16 Rejab 1434 H (26 Mei 2003 EM), INFAD mengorak langkah yang sangat signifikan melalui penyelidikan, perundingan fatwa dan hukum dalam membantu merungkai permasalahan dalam kalangan ummah di negara ini.



Banyak geran penyelidikan yang diperoleh dari Jabatan Mufti Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), International Shari'ah Research Academy (ISRA) dan sebagainya digunakan oleh INFAD untuk menjawab permasalahan hukum setempat, polisi dan ketetapan hukum untuk digunakan oleh pihak yang berkenaan. INFAD turut menyumbang melalui penganjuran seminar, muzakarah, dan diskusi yang menjana hasil perbincangan akademik dan praktis untuk kebaikan rakyat.

Begini juga pelantikan Sheikh Muhammad Muhammad 'Awwamah, tokoh dan ulama besar dunia sebagai penyandang Kursi Felo Utama dalam Kajian Fatwa. turut memberi impak kepada masyarakat. Ini kerana, terdapat banyak penganjuran siri-siri diskusi ilmiah yang membantu merungkai isu-isu berkaitan penetapan hukum-hakam dalam Islam.

Berpandukan kejayaan dan perkembangan INFAD dalam mendasari denyut nadi rakyat melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakannya, USIM mempergiatkan lagi usaha pemasyarakatannya melalui penubuhan IHRAM pada 1429 H (2008 EM) dan diluluskan penubahannya oleh Senat Universiti. IHRAM menyediakan perkhidmatan analisis makmal dan juga perkhidmatan latihan untuk diikuti oleh mana-mana ahli akademik atau orang awam yang berminat. Antara program yang dibuka kepada penyertaan masyarakat adalah terbahagi kepada empat tahap iaitu tahap kesedaran, tahap amalan, peringkat pengurusan dan peringkat lanjutan. Pelbagai kompetensi mengenai halal ditawarkan oleh IHRAM kepada masyarakat untuk membolehkan masyarakat lebih arif dan memahami hal-hal berkaitan halal yang sering kali menjadi polemik dan isu.

Peringkat Kesedaran	HalJob (Kesedaran) , Fiqh mengenai Industri Halal (Kesedaran), Asas Sains Halal
Peringkat Pengenalan	Haljob II (Amalan) , Fiqh mengenai Industri Halal (Pengenalan), Additive Halal dan E-code, Pengendali Makanan, Keselamatan / Kebersihan Makanan, Persijilan Halal, Penyelia Halal, <i>Good Manufacturing Practice (GMP) & Hazard Analysis and Critical Central Point (HACCP)</i> , Asas Analisis Halal
Peringkat Perantaraan	HalJob (Pengurusan) , Fiqh mengenai Industri Halal (Pertengahan), Amalan Halal Terbaik untuk Industri Makanan, <i>Basic Halal Program (BHP)</i> untuk Farmaseutikal, BHP untuk Penjagaan Peribadi, BHP untuk Hospitaliti & Pelancongan, Pengendalian Instrumen Makmal (Pentadbiran), Pemprosesan Makanan Halal
Peringkat Keterampilan	Fiqh mengenai Industri halal (Lanjutan) , <i>Certified Halal Executive (CHE)</i> , <i>Certified Halal Auditor (CHA)</i> , Audit Halal Dalaman, Sistem Jaminan Halal, Pengendalian Instrumen Makmal (Operasi), BHP: Amalan Halal Terbaik, Haljob: Penyembelihan Halal

Program-Program Pengajian yang Ditawarkan oleh IHRAM kepada Masyarakat

Selain isu fatwa, penentuan hukum-hakam Islam dalam kehidupan dan isu halal, USIM turut memberi sumbangan kepada masyarakat melalui bidang pendidikan untuk golongan minoriti atau berkeperluan khas. Berorientasikan inilah maka USIM melalui FPQS meneroka pengajian Quran *Braille* bukan sahaja dalam kalangan komuniti berkeperluan khas masalah penglihatan, bahkan juga untuk kanak-kanak autisme atau mereka yang mengalami kelainan upaya. Penerokaan dan penyelidikan lanjut terhadap rawatan dan pemulihian rohani dalam kalangan OKU sejak 1433 H (2012 EM) secara tidak langsung mengembalikan kefahaman dan aplikasi ummah terhadap mukjizat al-Quran. Sabda Rasulullah SAW:

“

Sesungguhnya bagi setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila ubat itu serasi dengan penyakit (yang dihidapi), penyakit itu akan sembuh dengan izin Allah SWT.

”

(Riwayat Muslim)

Al-Quran mempunyai variasi nada huruf serta susunan huruf yang harmoni sehingga apabila dibaca atau didengar mampu memberikan kesan (*Ijaz Ta'thīrī*) dalam pelbagai sudut antaranya kesan kesihatan dan daya penyembuhan. Terapi Qurani ini berasaskan pendekatan al-Quran dan al-Sunnah sebagai prinsip asas tanpa menafikan peranan terapi moden.

Terapi Qurani menawarkan khidmat terapi melalui tiga aspek utama iaitu mencegah (*Tibb al-Wiqā'i*), merawat (*Tibb al-Shifā'i*) dan kerohanian (*Tibb al-Rūḥī*). Melalui pendekatan Terapi Qurani, wawasan al-Quran sebagai sumber pengetahuan, panduan dan perubatan dapat direalisasikan. Firman Allah SWT:

“

Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya, dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga.

”

(Surah al-Isra': 82)

Atas rasa tanggungjawab dalam memartabatkan pendidikan Islam terutamanya dalam kalangan OKU, FPQS telah menukuhan *Institute Quran Braille (IQBraille)* pada 1433 H (2012 EM). Program-program yang dirangka dengan kerjasama NGO dan badan kerajaan terutamanya di Negeri Sembilan mengorak langkah yang sangat signifikan dalam memartabatkan nilai keilmuan bagi golongan OKU. Melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dan kerjasama misalnya bersama Yayasan FAQEH, Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) pada 4 Syaaban 1437 H (11 Mei 2016 EM) menjadikan Quran Braille sebagai satu niche atau *Special Interest Group (SIG)* di FPQS.



Melalui *IQBraille*, banyak usaha penyelidikan dan inovasi dibangunkan dari semasa ke semasa terfokus kepada memenuhi kelompongan pengajian Islam bagi OKU penglihatan bahkan pendengaran. Misalnya, kajian dan pembangunan Model al-Quran Braille Rasm Uthmani, Model Standard dan Format Penulisan Arab/Jawi Braille dan *Smart Iqra' Braille* yang terbukti mempunyai impak yang mendalam dalam kalangan masyarakat OKU apabila berjaya memperoleh Pingat Emas dalam pertandingan inovasi peringkat nasional dan antarabangsa.



Selain itu, program OKU Berdoa juga merupakan aktiviti yang mempunyai impak kepada golongan tersebut. Penganjuran dengan tema "Bicara Tanpa Hijab" memberi peluang kepada golongan OKU mempersempahkan bakat terpendam menonjolkan diri kepada masyarakat. Program ini unik kerana walaupun tidak mempunyai sifat fizikal yang sempurna, ia dapat mengetengahkan pelbagai keistimewaan OKU dan mengangkat darjah anak-anak syurga ke peringkat yang selayaknya.



Lebih 2500 penonton hadir menyaksikan persembahan dari pelbagai versi dan kategori antaranya Persatuan MyCP, Persatuan K-link Care, Persatuan Autisme Muslim Malaysia (PAMM), Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA), Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan Akademi FAQEH.

Program ini dianjurkan oleh Kelab Sahabat Faqe (SaF@USIM) dengan kerjasama Sekretariat Perhubungan Pelajar FPQS dengan harapan membuka mata masyarakat kepada insan yang kurang bernasib baik kerana mereka juga adalah hamba Allah.

Usaha murni USIM dalam membina jambatan dengan masyarakat diteruskan lagi apabila USIM terus mengorak langkah dalam menyumbang kepada kelestarian hidup masyarakat melalui perkhidmatan *KLIP Mobile*. Program yang bermula pada 1435 H (2014 EM) ini dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Utama Hj Mohamad Hj Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 6 Safar 1437 H (18 November 2015 EM). *KLIP Mobile* menjamin jangka masa temu janji untuk rujukan pakar dapat dikurangkan dan rawatan pakar seperti pembedahan katarak dapat dijalankan dengan segera untuk memulihkan penglihatan pesakit.

Kehadiran *KLIP Mobile* ke kawasan-kawasan terpilih luar bandar terutamanya di Negeri Sembilan dapat dimanfaatkan oleh semua golongan, terutamanya warga emas yang sukar mendapat rawatan di hospital. Berbeza dengan kemudahan kesihatan statik seperti Klinik Pakar Mata di hospital, kemudahan klinik pakar yang datang ke tempat berhampiran kediaman mereka adalah ibarat ‘bulan jatuh ke riba’. Pada penghujung 1438 H (2016 EM), *KLIP Mobile* berjaya memberi perkhidmatan kepakaran mata di 16 kawasan terpilih di Negeri Sembilan.

USIM tidak terkecuali dalam menyemarakkan program kemasyarakatan di selatan tanah air iaitu Johor melalui penglibatan dalam Program Duta Jauhar. Program ini bertujuan membangunkan sosioekonomi rakyat Johor melalui penglibatan Mahasiswa Johor dari UA seluruh negara ini turut dibugarkan dengan penyertaan penuntut dan pensyarah USIM secara aktif. Antara program terawal anjuran Duta Jauhar USIM adalah khidmat komuniti bersama masyarakat Orang Asli Segamat Kecil pada 19 Zulhijah 1436 H (2 Oktober 2015 EM).

Melalui projek Pembangunan Pendidikan Orang Asli (De'Asli), Duta Jauhar USIM telah menyumbang kepada pembentukan kesedaran dalam kalangan orang asli mengenai kepentingan pendidikan dan impaknya terhadap kehidupan jangka panjang. Sumbangan Duta Jauhar USIM kepada masyarakat tidak terhenti setakat itu saja. Duta



Jauhar turut melaksanakan projek *Organic for Future* iaitu baja kompos daripada sisa-sisa makanan yang diusahakan oleh kumpulan ORLA Farm yang terdiri daripada para penuntut USIM di Kempas, Johor. Begitu juga dengan projek *J-Candle* yang dihasilkan daripada serai wangi oleh kumpulan *Well-Disposer* (penuntut USIM) bagi membantu golongan masyarakat untuk ingin menjana pendapatan melalui jualan produk tersebut.

Dalam masa yang sama, USIM membawa impak kepada ummah melalui kajian-kajian yang mendasari cabaran umum. Masyarakat Malaysia sangat sinonim dengan pemahaman bahawa kehidupan di kampung adalah satu bentuk kehidupan yang aman dan damai. Kampung adalah satu manifestasi kehidupan yang sempurna dengan keindahan alam flora dan faunanya dan kelestariannya. Resam masyarakatnya yang kaya dengan sifat sopan santun, bergotong-royong, bersatu padu dan tebalnya nilai mengagungkan pegangan agama dan adat resam yang membentuk keseimbangan dalam semua aspek yang cukup harmoni, mendamaikan dan memberi inspirasi. Atas sebab inilah, maka USIM melalui Pusat Penyelidikan Mizan yang ditubuhkan pada 1438 H (2016 EM) memfokuskan penyelidikan, persidangan dan penerbitan berteraskan Mizan atau keseimbangan yang tertumpu kepada kampung dan masyarakatnya.

Masyarakat daripada pelbagai strata kehidupan mendapat manfaat daripada kajian yang berteraskan setempat tetapi bernilai antarabangsa. Hasil kajian yang diperoleh mendasari kefahaman tentang konotasi kampung dan kelestariannya. Nilai pengetahuan lokal ini yang terdiri daripada nilai murni setempat dibincangkan dan diperdebatkan ke peringkat antarabangsa bagi memastikan ia bermanfaat kepada ummah.



Natijahnya, kesemua aktiviti yang dianjurkan selari kepada bidang tujuan kajian di USIM yang memburu pelestarian kemanusiaan dan alam sekitar, pengekalan kesejahteraan dan memperkuuh masyarakat menerusi kesedaran budaya, nilai moral dan keselamatan. Program wakaf dan zakat misalnya membawa idea bahawa pengekalan kesejahteraan dalam hidup bukan hanya mencakupi kesihatan tetapi juga kekayaan. Ini selaras dengan Pelan Strategik Penyelidikan dan Inovasi 1437 H (2016 EM) yang menjadi punca ilmu dan perkembangan masa hadapan.



Maka, dapat disimpulkan bahawa USIM merintis dirinya sebagai sebuah Kampus Barakah dengan pelbagai usaha yang memajukan penuntut dan staf selari dengan falsafah integrasi ilmu naqli dan aqli serta nilai-nilai teras USIM. Manifestasi Islam oleh USIM bukan hanya sekadar pada nama tetapi menjadi tunjang perancangan dan tindakan. Ini dapat dilihat dengan ketelitian pelan strategik Universiti yang direka dengan memandang masa hadapan sebagai sesuatu yang perlu digarap pada hari ini dan dirancang dengan teliti untuk memastikan tindakan yang tersusun terus maju ke hadapan dengan acuan Islam.

“

Manifestasi Islam oleh USIM bukan hanya sekadar pada nama tetapi menjadi tunjang perancangan dan tindakan.

”

QALBU

Ia adalah suatu inisiatif Sarjana Islam banyak memperihalkan tentang pembangunan jiwa insan atau ditakrifkan sebagai qalbu. Imam al-Ghazali meletakkan asas ini dalam *Kitāb Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* sebagai sebuah rujukan terpenting dalam ilmu tasawuf. Sarjana Islam lain berpandangan bahawa qalbu adalah di mana jatuhnya pandangan Allah SWT. Seseorang mungkin mempunyai fizikal yang baik tetapi jika hatinya tidak sihat, maka seluruh jiwanya akan memberi kesan yang negatif

Pelan Strategik 1430-1446 H (2009-2025 EM)

Fokus utama diberikan kepada menambah baik kualiti P&P, termasuk memastikan program pengajian mendapat pengiktirafan dan akreditasi daripada pihak kementerian, badan profesional dan industri. Halatuju dan Rancangan Strategik USIM yang sebelumnya juga menekankan kepada pembangunan holistik penuntut melalui pelaksanaan program peringkat nasional dan antarabangsa. Kemasukan penuntut antarabangsa mula dipergiat dengan kemasukan penuntut dari negara China dan negara timur tengah seperti Mesir, Sudan dan Yaman.

PELAN STRATEGIK 1430 - 1446 H (2009-2025 EM)

Bermula 1439 H (2009 EM), Pelan Strategik dan Halatju USIM diperkuuh dengan memberi tumpuan kepada agenda-agenda kritikal yang menjadi bidang keberhasilan utama atau KRA (*Key Result Areas*). Agenda-agenda KRA meliputi enam perkara berikut:

USIM KRA



KRA1

Membentuk dan melahirkan siswazah yang holistik serta berdaya gaji yang tinggi.



KRA2

Menawarkan program pengajian yang diiktiraf tempatan dan antarabangsa.



KRA3

Membangun, memupuk dan melahirkan cendekiawan dan pendeta tersohor.



KRA4

Membentuk insan yang inovatif dan budaya kerja gemilang.



KRA5

Mencapai tahap kebebasan kewangan.



KRA6

Mengamalkan sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti.

Secara keseluruhannya, USIM melaksanakan enam KRA secara berperingkat namun mencakupi semua aspek seperti pembangunan bakat akademik, pentabir dan penuntut demi memenuhi kehendak pengguna untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang cekap dan terbaik.

1 Dalam KRA 1, USIM berhasrat untuk membentuk dan melahirkan siswazah yang holistik serta mempunyai daya gaji yang tinggi. Konsep siswazah al-Abraar, iaitu siswazah yang memenuhi penguasaan kemahiran lahiriah dan insaniah secara menyeluruh serta syumul diperkenalkan. Ini termasuk memastikan siswazah USIM mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dengan memastikan 90 peratus siswazah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan dari tarikh tamat pengajian. Siswazah USIM dipupuk agar mampu membentuk jati diri keusahawanan bagi memastikan keterlibatan ramai siswazah Muslim dalam industri perniagaan.

2 Seterusnya, dalam usaha memperkasa program pengajian di peringkat antarabangsa, USIM melalui KRA 2 memperkenalkan beberapa program agenda kritikal seperti e-pembelajaran, mobiliti pelajar seperti penuntut antarabangsa dalam program pascasiswa dan menambah bilangan program yang mendapat pengiktirafan badan profesional antarabangsa. Selain itu, USIM juga menawarkan ruang untuk para penuntutnya menyambung pengajian di universiti antarabangsa melalui program ijazah bersekutu. Selain itu, KRA2 juga menekankan penglibatan para akademik yang mempunyai kebolehan menggunakan kaedah e-pembelajaran seperti *Student Centered Learning (SCL)* untuk membuka ruang penyelidikan kepada penuntut.

3 Berikutnya, KRA3 pula lebih berorientasikan kepada pembangunan bakat akademik dalam melahirkan tokoh ilmuwan, cendekiawan dan intelektual. Justeru, sasaran USIM adalah meningkatkan kepakaran para akademik dengan menambah bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk atau penasihat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, keupayaan para akademik untuk diiktiraf sebagai tokoh ilmuwan turut dicerminkan melalui peningkatan jumlah penuntut yang bergraduasi di peringkat doktor falsafah dalam tempoh yang sepatutnya. Bilangan jumlah dana penyelidikan yang diperolehi juga menjadi faktor penting pembangunan bakat akademik di USIM termasuk penjanaan pendapatan Harta Intelek (IP), penerbitan jurnal berindeks, produk R&D dan sebagainya.

4 Pelan penggantian diperkenalkan dalam KRA 4 bertujuan melahirkan bakal pemimpin sama ada dalam kalangan akademik dan bukan akademik. USIM juga menyusun strategi dalam membudayakan suasana kerja yang kondusif melalui kehadiran dalam latihan pembangunan kendiri dan menambah jumlah enrolmen bagi program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi tujuan peningkatan kerjaya, kepuasan kerja dan penilaian prestasi staf.

5 Dalam memastikan keupayaan USIM merencanakan kesemua KRA, USIM perlu memberi perhatian serius kepada faktor kewangan. Oleh itu, untuk mencapai tahap kebebasan kewangan, USIM berusaha untuk menjana pendapatan melalui pelbagai projek utama termasuklah projek berkaitan akademik, penyelidikan, perundingan, projek zakat dan pengkomersialan produk seperti yang digariskan dalam KRA5. Akhir sekali, sistem pentadbiran yang cekap diukur melalui kewujudan dasar dan prosedur kerja, penggunaan ICT dalam sistem pentadbiran, jaringan Internet yang pantas dan sistem penyampaian perkhidmatan.

6 Bagi tujuan mencapai KRA 6, beberapa program diperkenalkan antaranya Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi, Projek Sistem Pelajar, Projek Sistem Pengurusan Akademik, Projek Sistem Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan, dan Projek Rangkaian Kampus.

Bermula 1434 H (2013 EM), Pelan Strategik USIM memfokuskan usaha bagi melonjakkan Universiti sebagai peneraju dalam integrasi ilmu naqli dan aqli dengan sasaran menjadi rujukan di peringkat nasional, serantau dan global. Untuk itu, Pelan Strategik USIM 2013-2025 atau dikenali USIM 2025 diperkenalkan yang bergerak untuk menjajar dan memantapkan enam bidang iaitu Penjenamaan, Bakat, Kurikulum, Penyelidikan dan Inovasi, Perkhidmatan dan Governan. Sebanyak 18 hasil dikenal pasti bagi mencapai tiga (3) matlamat iaitu Relevan, Dirujuk dan Disanjung (*Relevant, Referred and Respected*), Universiti Rujukan Dunia untuk Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (*Global Reference University for the Integration of Naqli and Aqli Knowledge*) dan menjadi nombor satu di hati dan minda rakyat (*being number one in the hearts and minds of the people*).

Secara keseluruhannya, terdapat empat fasa utama dalam Pelan Strategik USIM 1434 - 1446 H (2013-2025 EM) iaitu

Pelan Strategik USIM 1434 - 1446 H (2013-2025 EM)



TAHUN 1434 H (2013EM)

Menjadi rujukan setempat kepada konsep integrasi ilmu naqli dan aqli.



TAHUN 1435H (2014 EM)

Menajarkan pelan strategik ke arah pengukuhan integrasi ilmu naqli dan aqli.



TAHUN 1437 H (2016 EM)

Membangun, memupuk dan melahirkan cendekiawan dan pendeta tersohor.



TAHUN 1446 H (2025 EM)

Menjadi rujukan antarabangsa integrasi ilmu naqli dan aqli.

Pelan Strategik USIM 1434 -1446 H (2013-2025 EM) turut menjadikan sains Islam sebagai bidang tujuan utama universiti berdasarkan tiga peringkat perkembangan iaitu pertama, "penjenamaan dan pemposisian" yang memastikan USIM dikenali sebagai sebuah universiti yang mempunyai model pendidikan sains Islam yang unik melalui usaha mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli. Kedua, "penyatuan" iaitu memantapkan konsep ilmu naqli dan aqli bagi memastikan USIM dapat bergerak mencapai matlamatnya. Ketiga, "menyalurkan kecemerlangan" yang berhasrat menjadikan USIM sebagai sumber rujukan global dalam integrasi ilmu naqli dan aqli atau ilmu sains Islam dan menjadikan USIM institusi yang ulung di hati dan minda rakyat.

USIM turut menyediakan beberapa prinsip asas bagi mengintegrasikan sains Islam, sains sosial dan sains fizikal dalam model pendidikannya merangkumi tiga bidang utama berikut; pengajian Islam, al-Quran dan Sunah; sains Islam, teknologi dan kejuruteraan, kesusasteraan Islam, sains sosial dan kemanusiaan.

Mulai 1434 H (2013 EM), penjenamaan dan pemposisian USIM sebagai universiti yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli diperkuuh. Hal ini termasuk memastikan penggunaan nama USIM dalam semua penerbitan dan urusan rasmi Universiti dan mengenal pasti penggunaan logo Universiti yang betul. Laman sesawang USIM diperkemas bagi memastikan isi kandungannya mampu memperkuuh pandangan dan persepsi masyarakat serta dunia terhadap keterampilan Universiti.

Bagi mencapai sasaran USIM sebagai universiti yang sentiasa dirujuk dan dihormati dalam integrasi ilmu naqli dan aqli, hala tuju terus diperkemas pada tahun 1435 H (2014 EM) bagi memastikan matlamat utama dicapai, antaranya, melahirkan siswazah yang seimbang dan berupaya berkomunikasi dalam pelbagai bahasa; menyediakan kurikulum naqli dan aqli yang unik; menjalankan penyelidikan yang relevan kepada industri yang mampu mensejahterakan rakyat dan ummah; memberi perkhidmatan ke arah pematuhan syariah; dan memindahkan ilmu untuk membawa perubahan lestari kepada masyarakat.

Justeru, integrasi ilmu naqli dan aqli ditekankan bukan sahaja yang terangkum dalam kurikulum pengajian bahkan dalam segala aspek, dari penyelidikan kepada pembangunan sahsiah sehingga penyediaan perkhidmatan. Keunikan ini dilihat membezakan USIM berbanding institusi berteraskan Islam antara IPT di Malaysia.

1436 H (2015 EM) menyaksikan USIM merancang beberapa tindakan strategik bagi memastikan hasrat USIM sebagai universiti rujukan di peringkat serantau dapat dicapai. Pemerkasaan agenda Integrasi Naqli dan Aqli diteruskan dengan penubuhan PIINA yang mempunyai wawasan menjadi pusat rujukan utama bertaraf antarabangsa dalam pengembangan integrasi ilmu naqli dan aqli untuk pembangunan negara dan kemanusiaan sejagat. PIINA bertanggungjawab menjadi penggerak utama untuk merealisasikan hala tuju USIM menjadi universiti terkemuka dunia dalam integrasi ilmu naqli dan aqli melalui pendekatan pelan tindakan yang strategik, komprehensif dan berkesan.

Di samping itu, perkembangan e-Pembelajaran melalui sistem *Global Open Access Learning (GOAL) Centre* dimantapkan. Hasilnya, USIM mendapat permintaan untuk menawarkan program pascasiswazah secara atas talian (ODL) daripada institusi luar negara seperti *International Islamic University, Chittagong (IIUC)* dan *Daffodil International University (DIU)*, Bangladesh.

Dalam masa yang sama, program pengantarabangsaan menjadi lebih terstruktur melalui penubuhan USIM 'Alamiyyah yang bertanggungjawab merangka strategi dan pelan tindakan bagi menempatkan USIM setaraf universiti terkemuka di peringkat antarabangsa. Selain memperkasa hubungan bersama rakan strategik dalam kalangan negara ASEAN dan melangkaui Asia Selatan dan Asia Timur, USIM memperkenal program *Internationalisation@Home* bagi menggalakkan penuntut atau staf USIM menyertai program pengantarabangsaan. Antara program *Internationalisation@Home* USIM adalah *Asean Future Leaders Summit (AFLES)* dan program *Young Muslim Student Leader Summit* sempena *World Islamic Countries University Leaders Summit (WICULS)*.

Tahun 1437 H (2016 EM) menjadi tahun yang penting dalam pelan strategik Universiti apabila sasaran utama adalah untuk menjadikan USIM sebagai pusat rujukan serantau dalam pengintegrasian ilmu naqli dan aqli. Pemupukan budaya penyelidikan dilihat menampakkan hasil apabila USIM menerima pelbagai anugerah penyelidikan di peringkat antarabangsa seperti kejayaan merangkul dua pingat emas dan satu pingat perak serta dua anugerah khas *Double-Gold For International Innovation of The Year* di *British Invention Show 2015* dan lima pingat emas dan satu perak di *International Invention & Innovation Exhibition (ITEX)* anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Dalam mencapai sasaran melahirkan siswazah yang holistik, USIM turut memperkenalkan model GIINA. Model ini meliputi 21 ciri siswazah yang merangkumi elemen holistik, berkeusahawanan dan seimbang melalui integrasi ilmu naqli dan aqli yang selari dengan Lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi.

Selaras dengan usaha melahirkan siswazah yang berdaya keusahawanan, Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) USIM diamanahkan merancang dan melaksanakan program-program keusahawanan yang berdaya maju. Antara program pengukuhan yang dilaksanakan untuk pembudayaan aktiviti keusahawanan dalam kalangan penuntut adalah program *Hands on Programme of Entrepreneurship (HOPE)* yang dilaksanakan bersama organisasi luar. Kekuatan program HOPE adalah ia mempunyai komponen praktikal sebanyak 80 peratus dan komponen teori sebanyak 20 peratus dalam sistem penilaianya.

Pada 1439 H (2017 EM) pula menyaksikan USIM terus memperkemas strategi bagi kelangsungan agenda USIM 1446 H (2025 EM), dengan menjajarkan lapan Matlamat Strategik sebagai panduan:

Matlamat Strategik

 01	Membina kampus yang kondusif dan lestari dengan menyuburkan dan mengimarahkan budaya Iqra' ke arah pembentukan Kampus Barakah.
 02	Memperkuuh dan menginovasi program akademik berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli melalui pendidikan yang anjal.
 03	Meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan mengukuhkan kemahiran hidup melalui aktiviti pelajar yang berstruktur dengan memberi penekanan khas terhadap keusahawanan dan GIINA sebagai DNA bagi setiap pelajar USIM.
 04	Memperkasa penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan berdasarkan integrasi ilmu naqli dan aqli melalui kerjasama strategik dan ko-pembelajaran bersama universiti terkemuka.
 05	Memperkasa kelestarian kewangan melalui wakaf dan aktiviti penjanaan pendapatan yang lestari.
 06	Menghayati program kepemimpinan berpandukan qalbu dalam memupuk dan membimbing bakat pentadbiran dan akademik, serta keupayaan kepemimpinan yang mampu mendokong bidang keutamaan negara dan cabaran dunia
 07	Mengenal pasti, menarik dan mengekalkan bakat dan kepakaran sarjana yang mampu mempelopori, memacu dan memperkaya bidang tujuan utama P&P Universiti yang berkaitan Industri Halal, Kewangan Islam dan Keselamatan Maklumat
 08	Menerajui program perdana yang akan mempamerkan USIM sebagai sebuah universiti terkemuka berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli

Lapan matlamat strategik ini merupakan kesinambungan, penyesuaian, penambahbaikan dan pengukuhan yang dibuat bagi mencapai matlamat meletakkan USIM sebagai institusi yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli secara sistematik.

Dalam konteks pembentukan Kampus Barakah, ia menyokong lagi moto Universiti yang sinonim dengan budaya kerja USIM iaitu “Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa”. Malah limpahan barakah berkait rapat dengan kelangsungan moto Universiti.

Matlamat Strategik 1: Membina kampus yang kondusif dan lestari dengan menyuburkan dan mengimarahkan budaya Iqra’ ke arah pembentukan ‘Kampus Barakah’

Sekalipun iqra’ bermaksud membaca, konsep sebenar ialah mencari ilmu mengenai kejadian setiap makhluk dan hubungan dengan Pencipta. Dalam erti kata lain, ‘membaca’ setiap kejadian di langit dan bumi serta bagaimana asal usul setiap kejadian tersebut boleh mendatangkan ilham untuk memperkuatkan usaha berilmu, berdisiplin dan bertakwa.

Konsep ‘membaca’ inilah yang menjadi syiar untuk mendapatkan barakah dan seterusnya menzahirkan pembentukan Kampus Barakah di USIM. Ianya diadun dalam semua aktiviti penuntut dan staf bagi merealisasikan pembinaan kampus USIM yang kondusif dan membentuk jati diri secara komprehensif berasaskan akidah, akhlak dan syariah.

Justeru, pembentukan Kampus Barakah berkait rapat dalam usaha membentuk generasi yang seimbang dan sempurna serta menjadi contoh terbaik masyarakat. Hasrat USIM dalam membina keterampilan, kebolehan berbahasa dan disiplin ilmu yang tinggi, serta keimanan yang jitu sememangnya menjadi paksi budaya Universiti Seluruh warganya bersungguh memartabatkan pendidikan Islam dalam arus perdana pendidikan negara.



Semangat iqra’ yang memacu P&P di USIM memberi penekanan kepada keseimbangan intelek, jasmani, emosi dan rohani setiap penuntut. Konsep Kampus Barakah oleh itu dilihat mampu melahirkan penuntut yang juga merasai limpahan barakah dari sudut keperluan ilmu serta keseimbangan akhlak dan sahsiah. Setiap satu tujuan strategik disokong oleh pelbagai akitiviti.



Lima Pendekatan yang Diperkenalkan dalam Matlamat Strategik 1

Matlamat Strategik 2: Memberi fokus akademik untuk memperkuuh dan menginovasi program mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli melalui pendidikan yang anjal

Siswazah USIM terhasil daripada pendidikan berdasarkan integrasi ilmu naqli dan aqli yang dibentuk menjadi insan seimbang dari segi intelektual, rohani, emosi dan jasmani. Selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan, budaya ilmu yang wujud di USIM dilihat sebagai barakah ilmu iaitu ilmu yang bermanfaat dan secara langsung meningkatkan ketaatan seseorang kepada Allah SWT, sambil memperkuuhkan hubungan sesama manusia dan persekitarannya. Keseimbangan ini terhasil daripada keunikan USIM itu sendiri melalui pelbagai aktiviti berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli.



Di samping itu, satu lagi keistimewaan USIM adalah pelaksanaan kursus hafazan al-Quran kepada semua penuntut sarjana muda sehingga tahun akhir pengajian dengan memberi galakan kepada mereka yang berhasrat menjadi penghafaz al-Quran. Selain itu, USIM juga memartabatkan penggunaan pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris dan Arab dalam P&P, dan bahasa Jepun mahupun Mandarin dalam masa dan program yang sama. Begitu juga dengan kewujudan beberapa program baharu yang menampakkan keunikan USIM seperti Diploma Siswazah Pengajian Islam (DisPI) dan Program Latihan Halal Profesional (PLHP) khusus untuk masyarakat umum dan program bersifat anjal seperti Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian dan Sarjana Muda Syariah (Industri Halal) dengan Kepujian yang berkonseptan dua tahun di universiti dan dua tahun di industri (2u2i) bagi memberi pendedahan dan pengalaman bekerja dalam industri kepada penuntut.

Prasarana siber yang mantap membolehkan ilmu diakses di mana-mana sahaja bagi menyumbang kepada keunikan USIM dalam melaksanakan integrasi ilmu naqli dan aqli. Sistem GOAL berjaya menghasilkan budaya P&P bersepada dan sistem *Massive Open Online Course* (MOOC) pula memberi akses e-pembelajaran kepada orang awam secara percuma melalui program PSH. Hasil kemajuan dalam e-pembelajaran ini memberi peluang kepada para pensyarah untuk menerima pelbagai pengiktirafan hasil penglibatan secara langsung dalam membangunkan sistem tersebut.

2010 membuka lembaran baharu buat USIM dengan tertubuhnya Sekolah Pengajian Siswazah Muamalat (GS-Muamalat) yang dikendalikan oleh FEM melalui penawaran program pascasiswazah dalam pelbagai bidang berkaitan. GS-Muamalat mengiktiraf hubungan kerjasama dengan institusi dan organisasi daripada tempatan, serantau dan antarabangsa dalam memperkuuh kurikulum, penuntut dan tenaga pengajar.



Selain itu, terdapat beberapa program pengajian disediakan oleh USIM untuk masyarakat umum bertujuan membentuk individu yang berpengetahuan dan menghayati konsep integrasi ilmu naqli dan aqli dengan baik. Antara program tersebut ialah DisPI dan PLHP.

Matlamat Strategik 3: Melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan berpandukan Model GIINA sebagai DNA melalui aktiviti pelajar yang berstruktur

Sebagai seorang bakal siswazah di USIM, setiap penuntut perlulah memiliki keseimbangan dalam hal ehwal pembelajaran mahupun aktiviti lain di luar bilik kuliah. Justeru, keseimbangan yang harus ada pada seseorang penuntut itu terbahagi kepada dua dimensi yang utama iaitu, keseimbangan dalaman dan luaran. Keseimbangan dalaman diperihalkan melalui kemampuan memenuhi hak peribadi secara adil dalam aspek fizikal (kesihatan tubuh badan), emosi (perasaan yang bersih), mental (fikiran yang jernih) dan rohani (hubungan baik dengan Allah SWT). Manakala keseimbangan luaran pula adalah kemampuan memenuhi hak-hak manusia lain yang berada di sekeliling penuntut tersebut.

“

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. ”

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Bagi memenuhi tujuan tersebut, USIM menyediakan kurikulum dan kokurikulum yang terbaik berpandukan asas-asas ilmu naqli dan aqli yang kukuh dalam mengetengahkan potensi diri penuntut yang sebenar. Peluang diberikan kepada penuntut USIM untuk menonjolkan diri dalam bidang akademik, keusahawanan, inovasi, kebudayaan, kepemimpinan, pengurusan dan sukan. Peluang-peuang ini bertujuan membentuk siswazah yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Siswazah berkenaan memiliki disiplin ilmu yang relevan, akhlak dan penetapan minda yang sesuai, dan beradab untuk memajukan diri bagi membolehkan mereka memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat, negara dan komuniti dunia.

Usaha yang berterusan dilakukan untuk memastikan potensi diri terserlah bukan sekadar cemerlang semasa di universiti tetapi turut hebat ketika berada dalam kalangan masyarakat luar. Persepsi masyarakat luar yang baik dan kebolehenerimaan pemain industri terhadap penuntut USIM terhasil melalui usaha keras pelbagai pihak di USIM baik Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), PPKS, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) serta Pusat Kebudayaan dan Pusat Sukan. Kesepaduan dalam menyediakan pelbagai inisiatif dan program mencipta ruang yang luas untuk penuntut berdikari, membina keupayaan diri serta berkarya mengikut kekuatan diri masing-masing. Natijahnya, lahirlah generasi siswazah aliran agama yang bukan sekadar berkemampuan menjadi tokoh agama malah profesional yang seimbang untuk berjasa kepada bangsa dan negara serta menjadi penyelesai kepada masalah ummah.

Matlamat Strategik 4: Memperkasakan pembangunan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berdasarkan integrasi ilmu naqli dan aqli melalui kolaborasi strategik dan kolaborasi pembelajaran bersama universiti terkemuka

USIM mengorak langkah bagi memperkasa penyelidikan yang berasaskan inovasi dan pengkomersialan. Ia merangkumi perolehan dana daripada pelbagai peringkat. Sebagai contoh, dana antarabangsa yang diperoleh USIM bermula 1437 H (2013 EM) hingga 1438 H (2017 EM) seperti dana *Newton Ungku Omar, Malaysia One Health University Network (MyOHUN)* dan *Community of Learning (Canada)* adalah berjumlah RM 1,359,551. Manakala dana peringkat kebangsaan merangkumi geran daripada pelbagai kementerian dan agensi swasta berjaya diperoleh sebanyak RM 31,898,029 bermula 1433 H (2012 EM) hingga 1438 H (2017 EM).

USIM juga menyediakan geran sepadan antara penyelidik USIM, UA dan IPTS lain serta agensi luar. Ianya adalah satu langkah ketara menggalakkan kerjasama penyelidikan USIM dengan pihak luar USIM yang mula diperkenal pada 1437 H (2016 EM). Setakat ini jumlah dana terkumpul adalah sebanyak RM 140,560. Dalam tempoh 1433 H (2012 EM) hingga 1438 H (2017 EM), dana penyelidikan dalaman yang dianugerahkan kepada penyelidik USIM adalah sebanyak RM7,679,047 dengan bilangan geran sebanyak 349 projek melibatkan penyelidikan daripada pelbagai bidang.

Secara umumnya penyelidikan USIM terdiri daripada pelbagai bidang utama merangkumi integrasi ilmu naqli dan aqli selari dengan ketetapan Maqasid Syariah. Justeru, mulai 1438 H (2016 EM), USIM menetapkan tiga tema penyelidikan yang menyokong falsafah Universiti iaitu Melestarikan Kemanusiaan dan Persekutaran, Menggalakkan Kesejahteraan serta Memperkayakan Komuniti dan Masyarakat. Secara tradisi, USIM sudah lama menerajui penyelidikan dalam bidang Halalan Toyibban, Perbankan Islam, Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa serta Keselamatan dan Jaminan Maklumat.

Namun, wujud bidang-bidang baharu yang memberi impak kepada usaha ini iaitu Kluster Program Penyelidikan Ibn Ummi Maktum untuk Kelainan Upaya, Kluster Perubatan berdasarkan Quran, Hadith dan Tradisi Islam, Kluster Teknologi Imersif dan Kolaboratif, Kluster Islam dan Teknologi Membangun serta Kluster Islam dan Pembangunan Seimbang. Selain menterjemahkan hasil penyelidikan dalam bentuk penerbitan dalam jurnal-jurnal berindeks seperti *Web of Science* (WOS), SCOPUS dan *Excellence in Research for Australia* (ERA), hasil penyelidikan juga dimanfaatkan untuk kesejahteraan masyarakat melalui program-program penglibatan komuniti. Sebagai contoh, 1438 H (2017 EM) mencatat rekod tertinggi bagi penerbitan jurnal di bawah kategori ERA manakala penerbitan di dalam jurnal berindeks Scopus dan WOS mencatat rekod tertinggi pada 1437 H (2016 EM).

Dari aspek penerbitan buku seperti buku suntingan, kamus, buku elektronik, buku umum, buku popular, buku rujukan, buku teks dan buku yang diterjemah, bilangan yang telah diterbitkan dari 1433 H (2012 EM) hingga 1437 H (2016 EM) terus meningkat. Sebanyak 1849 buah buku diterbitkan dari 1433 H (2012 EM) hingga 1437 H (2016 EM), sementara sebanyak 1419 bab dalam buku diterbitkan pada tempoh yang sama.

	1433 H (2012 EM)	1434 H (2013 EM)	1435 H (2014 EM)	1436 H (2015 EM)	1437 H (2016 EM)	Jumlah
Jumlah Buku	368	365	291	426	399	1849
Bab dalam Buku	213	195	231	325	455	1419

Data Penerbitan Buku dan Bab Dalam Buku USIM 1433 -1437 H (2012-2016 EM)

(Sumber: Sistem e-akademik USIM, 1438 H (2017 EM))

Dari segi inovasi pula, USIM mula mencipta nama dalam pelbagai bidang penyelidikan untuk melahirkan rekacipta inovasi produk dan juga perkhidmatan di peringkat nasional dan antarabangsa. Staf akademik USIM berjaya meraih pingat inovasi dalam pelbagai pertandingan yang disertai antaranya *British Invention Show* (BIS), *International Invention and Innovation Exhibition* (ITEX), *International Conference and Exposition on Invention of Institutions of Higher Learning* (PECIPTA), Ekspos Inovasi Islam (I-INOVA), Pertandingan Rekacipta dan Inovasi Islam USIM (I-REKA) dan *Novel Research and Innovation Competition* (NRIC). Selain itu, USIM menghasilkan pelbagai jenis harta intelek yang merangkumi paten, inovasi utiliti, reka bentuk industri, cap dagang dan hak cipta. Sehingga 1438 H (2017 EM), USIM mengeluarkan 84 harta intelek hasil daripada penyelidikan dalam pelbagai bidang.

Matlamat Strategik 5: Memperkasa kelestarian kewangan melalui wakaf dan aktiviti penjanaan pendapatan yang lestari. Dalam usaha memastikan kelestarian kewangan, USIM menekankan pembudayaan berbelanja secara berhemah untuk mengelakkan pembaziran. Hal ini selaras dengan firman Allah SWT:

5

“

Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya.

”

(Surah al-Isra': 27)

Oleh itu, dua langkah penting dalam memperkasakan kelestarian kewangan ialah dengan menjana pendapatan dan perbelanjaan secara berhemah. Dalam meningkatkan penjanaan pendapatan, USIM memberi perhatian kepada wakaf, zakat dan sumbangan. Sebagai contoh, USIM melalui Pusat Wakaf dan Zakat memperkenalkan produk wakaf seperti wakaf tapak, wakaf tunai dan tabung pendidikan. Hasil inisiatif ini, USIM berjaya mengumpul sumbangan dari pihak luar dan dalaman USIM sebanyak RM 4,704,652 juta (sehingga Zulkaedah 1437 H (Ogos 2016 EM). Antara kejayaan dana wakaf dapat dilihat melalui tertubuhnya Klinik Pakar Kesihatan USIM pada 12 Jamadilakhir 1436 H (1 April 2015). USIM kemudiannya memperkenalkan Klinik Pakar Bergerak (*KLiP Mobile*) untuk meningkatkan capaian khidmat kesihatan pakar sambil menawarkan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada masyarakat yang memerlukan.

Selain wakaf, USIM giat menjalankan usaha penjanaan pendapatan melalui program pendidikan dan latihan, pengkomersialan idea, khidmat nasihat dan perundingan dalam bidang yang menggunakan tenaga kepakaran USIM dengan kerjasama Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (PIJIM) dan USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd. Antara inisiatif lain ialah bidang halal oleh IHRAM yang menjurus kepada melatih penuntut dan para profesional yang mahir dalam mengendalikan penyelidikan dan inovasi berkaitan Halal Istiqliq (kepenggunaan) untuk memenuhi keperluan industri. Selain itu, program penjanaan pendapatan juga dipergiat melalui Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) yang menawarkan perkhidmatan perundingan perancangan kewangan Islam bersama-sama pakar perancangan Kewangan Islam. Bidang pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah oleh Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) yang menawarkan pelbagai perkhidmatan antaranya,



modaliti rawatan dan pemulihan, pendekatan agama dalam rawatan dan pemulihan, rawatan tradisional dan pemulihan yang mana ketiga-tiga bidang utama ini mampu menjana pendapatan di Universiti.

Matlamat Strategik 6: Menghayati program kepemimpinan berpandukan qalbu dalam memupuk dan membimbing bakat pentadbiran dan akademik, serta keupayaan kepemimpinan yang mampu mendokong bidang keutamaan negara dan cabaran global

Program Kepemimpinan yang diterapkan USIM bermatlamat menghidupkan jiwa insan (*qalb*) sebagai entiti penting yang meningkatkan rوح insan. Kepemimpinan berpandukan qalbu berupaya membimbing bakat pentadbiran dan akademik secara berkumpulan dan tidak mementingkan sifat perseorangan atau individu. Ia bermatlamat meningkatkan keupayaan insan ke tahap yang lebih berkesan dan memberi manfaat dan bukan hanya disasarkan kepada individu tertentu tetapi lebih kepada mewujudkan komitmen secara kolektif. Elemen ini sangat penting dalam usaha membangunkan USIM sebagai sebuah Kampus Barakah yang saling berkasih sayang dan saling membantu satu sama lain untuk mendapat keredaan Allah SWT.

Sarjana Islam banyak memperihalkan tentang pembangunan jiwa insan atau ditakrifkan sebagai *qalb*. Imam al-Ghazali meletakkan asas ini dalam *Kitāb Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* sebagai sebuah rujukan terpenting dalam ilmu tasawuf. Sarjana Islam lain berpandangan bahawa “hati” adalah di mana jatuhnya pandangan Allah SWT. Seseorang mungkin mempunyai fizikal yang baik tetapi jika hatinya tidak “sihat”, maka seluruh jiwanya akan memberi kesan yang negatif.

Program kepemimpinan berpandukan qalbu ini dibina berdasarkan karya agung al-Ghazali (450-505 H) iaitu *Kitāb Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* tersebut. Menurut al-Ghazali, terdapat empat sifat utama manusia yang perlu digilap dan dipelihara untuk melatih penyucian diri dan penyingkiran akhlak-akhlak yang tercela. Antara empat sifat utama ini adalah kebijaksanaan, keadilan, keberanian dan kawalan

diri. Justeru, seorang pemimpin atau pendidik yang terasuh qalbunya berupaya terdahulu membimbing dirinya sebelum membimbing orang lain termasuk pelajar atau orang bawahannya dalam memupuk potensi diri dan berusaha untuk mengimbanginya.

“

Antara empat sifat utama ini adalah kebijaksanaan, keadilan, keberanian dan kawalan diri.

”

Di samping itu, strategi kepemimpinan di USIM bukan sahaja terfokus kepada mengetuai jabatan-jabatan dan badan-badan rasmi di kampus, akan tetapi turut berperanan dalam membimbing bakat-bakat pentadbiran dan akademik yang muda. Ini dilaksanakan untuk memastikan proses penggantian kepemimpinan berjalan dengan lancar dan tidak berlaku sebarang masalah prestasi dalam mendokong bidang keutamaan USIM dan negara serta menghadapi cabaran global.

Matlamat Strategik 7: Mengenal pasti, menarik dan mengekalkan bakat dan kepakaran sarjana yang mampu mempelopori, memacu dan memperkayakan bidang tujuan utama pengajaran dan penyelidikan Universiti yang berkaitan Industri Halal, Kewangan Islam dan Keselamatan Maklumat

Dalam usaha menjadi sebuah universiti yang relevan, dirujuk dan disanjung di peringkat negara dan serantau, USIM perlu melahirkan bakat kepemimpinan pendidikan dan penyelidikan yang disegani di peringkat antarabangsa. Bakat pendidikan dan penyelidikan ini mestilah mempunyai bidang fokus dan ketokohan yang berkait dengan tiga bidang fokus utama iaitu industri halal, kewangan Islam dan keselamatan

maklumat. Bidang-bidang ini adalah bidang yang mempunyai kepentingan strategik untuk negara dan ummah. Oleh itu, USIM merangka empat substrategi utama bagi melahirkan bakat akademik dan sarjana ilmuan yang hebat dalam tiga bidang utama ini:

Substrategi 1: Mengenal Pasti Bakat

Menubuhkan satu Unit Pemerksaan Bakat Staf Akademik yang diurussetiakan oleh Pejabat Pendaftar dengan melantik seorang ahli akademik yang berpangkat Profesor untuk memantau, menerajui dan mengembangkan unit ini.

Menjalankan satu kajian lapangan yang komprehensif bagi mengenal pasti bakat sedia ada dan membuat unjuran bakat dalam tiga bidang fokus utama USIM.

Membuat pelan tindakan pembangunan bakat yang tersusun dan lengkap dengan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) bagi setiap bakat yang dikenal pasti.

Substrategi 2: Menarik Bakat

Hasil daripada kajian lapangan dalaman, Unit Pemerksaan Bakat Akademik perlu mengenal pasti bidang dan subbidang yang sudah mempunyai kekuatan dan yang belum mempunyai kekuatan di USIM.

Bagi bidang dan subbidang yang belum dikuasai Universiti, USIM perlu mengenal pasti bakat luar untuk dijemput menyertai Universiti dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Menetapkan syarat kenaikan pangkat yang khusus bagi menarik bakat luar dan memberi insentif untuk bakat dalaman sedia ada.

Substrategi 3: Membina Bakat

Menyediakan satu skim pembangunan bakat dalaman seperti latihan, skim sangkutan di industri bagi pengembangan profesional, dan cuti sabatikal.

Melantik Profesor Kanan (dalaman) atau profesor luar sebagai mentor kepada staf akademik muda yang dikenal pasti untuk tiga bidang utama yang difokuskan oleh USIM.

Memberi galakan dan insentif khusus untuk bakat yang dikenal pasti menjalankan penyelidikan dan penerbitan bersama secara kerjasama, sama ada dengan institusi pendidikan atau institusi penyelidikan dalam atau luar negara.

Substrategi 4: Mengekal Bakat

Menetapkan syarat kenaikan pangkat yang lebih telus dan berkonsepkan silang fakulti dengan mengambil kira kepelbagaian fakulti, bidang fokus USIM dan keperluan negara dan ummah.

Menaik taraf kemudahan prasarana pendidikan dan penyelidikan khusus yang menumpukan kepada tiga bidang utama USIM.

Mempunyai dasar dan prosedur yang jelas dan telus bagi menggalakkan staf akademik menjana pendapatan melalui perundingan dan latihan termasuklah memberi kebenaran untuk membuka syarikat sendiri bagi bidang yang dikenal pasti mempunyai potensi besar dan berdaya maju.

Matlamat Strategik 8:

Menerajui program *flagship* yang akan menjadi *showcase* sebuah universiti terkemuka berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli (contoh:

Modul Kepemimpinan Berpandukan Qalbu, Inisiatif Kampung Mizan, Pusat Kepemimpinan Akademik, Model Universiti Wakaf, Pusat Kajian Masa Hadapan, Sekolah Antarabangsa USIM, Institut/Kursi Maqasid Syariah, Kolej Permata Insan)

Nas daripada al-Quran dalam Surah Ibrahim ayat 24-26 dengan jelas mengumpamakan kalimah yang baik itu sebagai sebatang pohon yang tegap tumbuh subur disebabkan oleh akar umbinya yang sihat dengan pucuknya menjulang ke langit, membua hasil setiap masa. Walhal sebaliknya, kalimah yang buruk itu samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna, mudah tercabut akarnya dan tidak membumi. Pada ayat yang lain pula, Allah SWT menyebut akan manfaatnya andai pohon buah ditanam di halaman rumah, hasil buahnya bakal dinikmati oleh tuannya, namun seandai tidak dimakan sendiri kerana terlalu banyak, maka ia juga dapat dirasai oleh orang-orang lain yang lalu-lalang, atau dimanfaatkan oleh haiwan-haiwan.

Perumpamaan-perumpamaan daripada sumber-sumber ilmu naqli (al-Quran dan hadis) ini cukup jelas terlihat pada bukti alam semesta (sumber ilmu aqli) melalui pohon-pohon hijau yang tegap berdiri, tanpa menghasilkan buah-buahan, pohon-pohon ini hanya elok di pandangan mata sebagai tempat berteduh semata-mata, sedangkan apa yang ditagih adalah sesuatu yang memberi lebih manfaat daripada sekadar halwa mata. Berlandaskan itu, USIM bertekad menjadi Universiti yang terkehadapan dalam memasyarakatkan ilmu hasil penyelidikan dan inovasinya yang mana manfaatnya terus dapat diraih oleh segenap lapisan masyarakat. Proses ini direalisasikan melalui Tujuan Strategik Universiti

Kelapan bagi merealisasikan program *flagship* yang disasarkan sebagai *showcase* USIM sebagai sebuah universiti terkemuka berteraskan ilmu naqli dan aqli.

USIM dalam tujuan strategiknya membangunkan nilai kepemimpinan berdasarkan qalbu, suatu model yang mendasari dalil-dalil naqli Allah dan warisan kepemimpinan Rasulullah SAW sebagai panduan kepada setiap warga USIM yang mengemudi kepemimpinan dalam Universiti. Tunjang program *flagship* utama ini adalah hadis Rasulullah SAW tentang seketul daging yang dinamakan sebagai ‘*qalb*’ dan segala amal yang bermula adalah dengan niat. Bermula dengan kepemimpinan Universiti sendiri ke arah pemakmurkan Kampus Barakah, program ini bakal melahirkan lebih ramai generasi pemimpin di USIM, yang suci murni hati nuraninya dalam mengemudi setiap institusi pendidikan, penyelidikan dan industri. Kelestarian sumber pemimpin berpandukan qalbu ini dimantapkan oleh Pusat Kepemimpinan Akademik.

Subur menghijau pohon dalam Kampus Barakah ini dijamin oleh sumber sarananya melalui janaan dana Universiti yang disalurkan oleh masyarakat. Ini dapat direalisasikan dengan pengumpulan dana wakaf daripada warga kerja Universiti sendiri kerana keinginannya melihat ranum buah yang terhasil dan mengenyangkan. Untuk itu, USIM berhasrat untuk menjadi model sebuah universiti wakaf yang sistematik, seimbang dan memberi impak bukan sahaja kepada warganya, bahkan masyarakat sekitarnya. Hal ini berkaitan dengan *flagship* Inisiatif Kampung Mizan sebagai akar umbinya.

Tanpa akar yang kuat, sebagaimana disebut dalam Surah Ibrahim ayat 24-26 tadi, maka mudahlah untuk pohon itu tumbang menyembah bumi. Manfaat terhadap ummah sangat tidak akan dirasai oleh masyarakat sekeliling andai tautan antara ilmu dan inovasi hasil penyelidikan universiti tidak diraih oleh khalayak. Maka, Inisiatif Kampung Mizan dengan perolehan dana kajian daripada Bank Rakyat adalah program *flagship* yang berkongsikan segala hasil janaan universiti terus kepada masyarakat terutamanya yang menetap di kampung, selain pengekalan budaya Melayu Islam dan sebagai warisan bagi anak-anak bangsa generasi akan datang.

Melalui *flagship STREAM*, agenda mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dilebarkan dengan menerapkan elemen keagamaan, etika dan kesenian yang tinggi melalui satu kesepadan tambahan bagi mengembalikan kegembilangan sains Islam. Proses penyaluran bakat ke Universiti dicerna dengan mantap melalui program *flagship Campuslife@USIM*. Melalui program ini, USIM membuka ruang kepada para pelajar sekolah angkat menyertai program-program yang dibangunkan, sebagai peluang untuk merasai suasana dan persekitaran Kampus Barakah ini.

Tidak cukup dengan program pendedahan berkala kepada khalayak, USIM menyahut agenda pendidikan berkeperluan khas yang sangat unik dengan mengendalikan Program Permata Insan bagi menjana cendekiawan Islam dan murabbi yang menjadi inspirasi negara dalam transformasi negara menuju 1472 H (2050 EM). Program Permata Insan pula, dilihat amat strategik bagi USIM sebagai model penjanaan cendekiawan Islam dan murabbi dengan hasrat bahawa para pelajarnya

akan menjadi bakal penuntut USIM atau institusi pengajian tinggi yang tersohor di seluruh dunia. Program yang memperlihatkan penyepaduan antara ilmu naqli dan aqli melalui pendidikan al-Quran dan al-Sunnah yang disepadukan dengan kurikulum rentas bidang pada aras lebih tinggi daripada Kurikulum Kebangsaan ini, bertujuan untuk mencabar minda anak-anak Permata Insan. USIM membantu mempersiapkan mereka selengkap mungkin ke arah menjana ilmu melalui penyelidikan yang didedahkan jauh lebih awal di peringkat sekolah berdasarkan keupayaan minda individu yang telah dikesan sejak berumur lapan tahun. Para pelajar yang rata-ratanya mempunyai tahap kecerdasan mental yang tinggi ini diyakini mampu menjadi individu yang bakal mencorakkan kegemilangan USIM dari semasa ke semasa.

Kesemua ini adalah usaha “terkehadapan” atau berorientasi masa hadapan yang sedang atau bakal berlaku di depan USIM lambat laun. Memandangkan ketidaktentuan masa hadapan umumnya, USIM menjalani satu *Future Scenario Workshop* awal tahun ini agar dapat menetapkan serta merancang dengan lebih yakin arah tujuannya dengan mengambil kira bukan sahaja Pelan Strategik yang dilakar, malah aspek sejarah dan pengalaman USIM sejak penubuhannya dipertimbangkan. Bab seterusnya akan membincarkan hal ini dengan lebih terperinci.

MURABBĪ

Perkataan *murabbī* berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud pendidik dan pembimbing. Dalam konteks akademia, perkataan *murabbī* memberi makna yang lebih luas kerana ia mencakupi peranan ahli akademik sebagai pendidik, menyampai ilmu, menjadi model kepada sahsiah mulia, serta menjadi contoh ikutan kepada para penuntut dan masyarakat umum. Konsep *murabbī* menekankan peranan pendidik yang memberikan sentuhan manusia dan kemanusiaan, yang mana peranan ini tidak boleh diambil alih oleh mana-mana teknologi dan akan kekal relevan, meskipun dalam era masa hadapan.

Cabaran Merintis Kampus Barakah

USIM perlu bersedia dan berada dalam keadaan terbaik untuk menghadapi cabaran-cabaran sepanjang menuju Kampus Barakah menjelang 1457 H (2035 EM). Kajian dan pengetahuan tentang bentuk-bentuk cabaran serta darjah kesukarannya perlu dikenal pasti, supaya persediaan dan pendekatan yang paling sesuai dibuat untuk menyelesaikan segala bentuk cabaran mendatang.

Bagi menilai bentuk dan risiko cabaran yang bakal didepani, faktor pemberat sejarah, tolakan semasa dan tarikan masa hadapan perlu dipertimbang dan dianalisis secara kritikal dan seimbang. Dalam konteks ini, tekanan tidak dapat dielak memandangkan USIM perlu membuat perubahan supaya selari dengan tuntutan semasa agar terus relevan, dirujuk, disanjung dan pada masa yang sama perlu berdepan dengan cabaran-cabaran sedia ada yang masih wujud seperti isu-isu birokrasi, autonomi dan pembangunan serta kecekapan pekerja.

CABARAN SIKAP DAN BUDAYA KERJA

Faktor kesediaan dan keterbukaan warga USIM untuk menggalas tanggungjawab dan amanah serta memainkan peranan secara ketara merupakan cabaran utama bagi merealisasikan hasrat menuju Kampus Barakah. Penghayatan melaksanakan agenda ini perlu hadir dan dirasai semua peringkat sama ada pengurusan tertinggi, para akademik, pentadbiran dan sokongan, apa lagi setiap penuntut. Kecemerlangan dan kelangsungan sesebuah organisasi bergantung kepada aras pemikiran, pegangan, tahap profesionalisme serta budaya kerja yang ditunjukkan. USIM mempunyai kelebihan dalam aspek pembangunan bakat kerana memiliki golongan muda yang ramai dalam kalangan ahli akademik dan pentadbiran. Perkhidmatan dan produktiviti bakat-bakat muda ini, jika diurus dengan baik, boleh bertahan sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 tahun akan datang. Namun, golongan ini perlu diberi bimbingan yang secukupnya supaya benar-benar memahami aspirasi Universiti, apatah lagi dalam usaha merintis sebuah Kampus Barakah. Bimbingan ini perlu diberi sama ada secara formal menerusi latihan berstruktur dan bersistem; atau secara tidak formal menerusi contoh teladan yang ditunjuk ajar oleh kepemimpinan dan golongan yang lebih berpengalaman dari apa segi sekalipun. Perkongsian seumpama ini adalah benih-benih penting untuk menggapai barakah.

Bagi membentuk budaya kerja yang berdisiplin lagi cemerlang, kaedah dalam urus tadbir perlu mengalami perubahan yang positif dan bersifat kontemporari. Ia meliputi hampir kesemua aspek sama ada sistem, prosedur, perkakasan dan keupayaan teknologi, sikap, nilai serta motivasi yang kental. Maksudnya, kejayaan budaya kerja yang cemerlang ini tetap bergantung kepada faktor manusia serta interaksinya dengan persekitaran. Perkhidmatan yang terbaik akan dihasilkan apabila wujud satu keyakinan bahawa Allah SWT mencintai sikap bersungguh-sungguh berlandaskan kejujuran, keikhlasan dan sentiasa mengawasi pekerjaan sambil melihat seseorang itu walaupun di mana jua. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“
Dan katakanlah
bekerjalah kamu,
maka Allah dan
Rasul-Nya serta
orang-orang mukmin
akan melihat
pekerjaanmu itu.
”

(Surah al-Taubah: 105)

Maka, jelas bahawa Islam amat menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan meletakkan asas yang kukuh tentang hal ini. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“

Sesungguhnya Allah menyukai apabila kamu melakukan sesuatu tugas, maka kamu melakukannya dengan tekun (*itqān*).

”

(Riwayat al-Baihaqi)

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW amat menekankan tuntutan melakukan sesuatu tugas dengan tekun. Konsep tekun ini berkait rapat dengan pembudayaan kualiti jati diri seperti istiqamah dan memberi sepenuh tumpuan dalam melaksanakan apa sahaja yang diamanahkan. Sehubungan itu, program-program bersifat kerohanian perlu mantap dan dilaksanakan secara berterusan serta berkesan. Akhlak dan adab Islam wajib dizahirkan oleh setiap warga USIM dalam menyempurnakan tanggungjawab kerja dengan luhur. Selain itu, perhubungannya sesama warga USIM sendiri atau dengan pihak luar wajar di peringkat yang terbaik lagi sopan.

Justeru, adalah amat penting bagi USIM untuk membangunkan modul latihan pembangunan insaniah yang seimbang meliputi integrasi ilmu naqli dan aqli serta sejarah pula dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti Projek Insani dan Kajian Masa Hadapan Islam. Perilaku berkaitan rasuah, pecah amanah, ponteng kerja, pembohongan dan seumpamanya tidak akan wujud sekiranya konsep dan amalan kerja disempurnakan sebagai ibadah dan amanah yang benar-benar dihayati oleh semua warga USIM sesuai dengan firman Allah SWT dan hadis yang disebut tadi. Malah Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“

...tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula).

”

(Surah al-Rahman: 60)

Allah SWT berfirman lagi yang bermaksud:

“

Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini mendapat (pembalasan) yang baik.

”

(Surah al-Nahl: 30)

Dalam konteks semasa di USIM, program-program latihan staf yang bersifat kerohanian digerakkan selepas penubuhan PIINA. Di samping itu, Jabatan Pendaftar mengambil inisiatif menubuhkan "Team Qalbu" yang diterajui sekumpulan staf pentadbiran bagi menggerakkan program latihan kerohanian dengan penekanan aspek amali dalam ibadat. PIINA dan Unit Latihan, Jabatan Pendaftar diberi tanggungjawab sebagai sekretariat utama dalam membangunkan modul latihan pembangunan insaniah USIM iaitu Kepemimpinan Berpandukan Qalbu. Modul ini mempunyai peringkat-peringkat latihan tertentu yang perlu dilalui oleh semua staf USIM dengan sasaran pelaksanaannya mulai 1439 H (2018 EM).

Selain daripada mengadakan latihan formal yang terancang dan berstruktur, program-program yang boleh merapatkan lagi ukhuwah sesama staf juga perlu diperbanyakkan seperti aktiviti riadah, ziarah, sambutan perayaan kebesaran Islam dan negara, program rentas budaya serta kepercayaan dan seumpamanya.

CABARAN MEMANTAPKAN PRASARANA

Sektor pendidikan merupakan satu sektor yang sangat dinamik. Justeru, pembangunan dan pembinaan model P&P, penyelidikan, penglibatan penuntut, penggunaan teknologi dan kemudahan prasarana juga perlu melalui proses semakan dan penambahbaikan berterusan. Namun, isu dana kadang kala membataskan Universiti untuk memenuhi keperluan tersebut, apalagi mempertingkatkannya dari semasa ke semasa.

Umumnya, UA masih bergantung kepada dana daripada Kerajaan Pusat untuk tujuan ini. Kebergantungan ini memberi tekanan yang negatif kepada Universiti dalam dua keadaan. Pertama, ia membataskan institusi terhadap beberapa perkara berikutan penguatkuasaan peraturan dan sekatan konvensional yang perlu dipatuhi, sama ada sesuai atau tidak, seperti pematuhan kepada pekeliling dan prosedur kewangan. Kedua, Universiti akan menerima tempias dan turut terjejas apabila berlaku perubahan kepada keadaan ekonomi negara ataupun dasar yang berkaitan. Sebagai contoh, ketidaktentuan ekonomi dankekangan kewangan negara mengakibatkan pemotongan belanja mengurus dan pembangunan kerajaan dalam peratusan yang agak besar. Ini menyebabkan USIM terpaksa membuat beberapa pengubahsuaian dasar dalam aspek pengurusan bakat, latihan, pembangunan fizikal serta program-program mobiliti. Pemberhentian dan penangguhan beberapa




kemudahan dan insentif yang dinikmati sebelum ini tidak dapat dielakkan dan sekaligus memburukkan lagi keadaan sedia ada. Dalam tempoh jangka panjang, senario ini lambat laun melemahkan daya saing USIM yang kompetitif dalam sektor pendidikan tinggi. Seiring dengan itu, imej Islam turut tercalar secara langsung dan menjasaskan maruah ummah di sebuah negara yang mengamalkan Islam sebagai agama rasminya.

Kebergantungan kepada sumber kerajaan perlu dikurangkan dan harus ditampung menerusi sumber kewangan yang lain. Salah satu lonjakan pendidikan tinggi negara sebagaimana dalam PPPM (PT) 1436-1447 H (2015-2025 EM) adalah mengkhusus kepada kelestarian kewangan. Persoalannya, adakah USIM bersedia dalam konteks sebenar dan berada pada landasan yang betul? Kalau bersedia, apa pula kaedah dan pendekatannya? Persoalan seumpama ini wajar digarap dengan baik jika USIM mengimpikan sebuah Kampus Barakah.

Usaha menggerakkan instrumen janaan alternatif bagi menampung perbelanjaan operasi dan pembangunan USIM mula dilaksanakan. Antara instrumen tersebut adalah menerusi aktiviti perniagaan oleh anak syarikat (USIM Tijarah Holdings Sendirian Berhad), pembiayaan melalui penabungan pendekatan wakaf serta penjanaan kewangan oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam USIM. Walau bagaimanapun, semua ini mirip dengan hampir semua universiti lain, apa lagi USIM harus mengakui bahawa aktiviti penjanaan tersebut masih belum memberi pulangan yang signifikan untuk membantu meningkatkan hasil pendapatan Universiti. Program-program pelaksanaan yang dilakukan masih belum memadai dan analisis perlu dilakukan untuk membangunkan formula serta modul penjanaan yang lebih cekap, berkesan dan lestari. Jelasnya, USIM mesti melipatgandakan usahanya dalam mencari satu formula yang lebih berkesan.

- 
- Adakah USIM bersedia dalam konteks sebenar dan berada pada landasan yang betul?
- Kalau bersedia, apa pula kaedah dan pendekatannya?



10 Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 EM (Pendidikan Tinggi)

Antara langkah yang lazim dilakukan oleh hampir semua institusi pendidikan tinggi di Malaysia dalam menggariskan inisiatif janaan kewangan untuk terus kukuh di peringkat institusi masing-masing termasuklah pemerkasaan pembiayaan (*endowment*), wakaf, pengukuhan jalinan alumni, pengkomersialan hasil kepakaran serta penyelidikan, membuka potensi aset dan mewujudkan ekosistem keusahawanan. Perkembangan ini menjadikan persaingan dalam kalangan institusi lebih sengit terutamanya untuk mengadakan hubungan strategik dengan rakan industri seperti institusi kewangan yang agak terhad bilangannya. Keupayaan untuk meneroka dan mengukuhkan kelestarian kewangan ini menuntut kecekapan pengurusan dan kemampuan ahli pelaksana yang tinggi lagi berani.

CABARAN PENDIDIKAN ERA REVOLUSI INDUSTRI KE-4

Pembelajaran abad ke-21 beralih arah kepada pendekatan digital yang menekankan penggunaan teknologi terkini dalam pergerakan dan perubahan pantas teknologi seiring perkembangan ekonomi dunia. Kini, kaedah P&P secara bersempua dalam bilik kuliah ditambah nilai dengan kaedah yang lebih canggih, berautomasi, mempunyai liputan yang lebih luas dan tanpa sempadan. Perubahan-perubahan ini menuntut USIM menilai kembali kaedah yang diamalkan untuk disesuaikan serta melihat kemampuannya dalam menyediakan infrastruktur yang menyokong proses pembelajaran gaya baharu ini. Sekurang-kurangnya mengadaptasi apa yang wajar adalah langkah awal agar tidak ketinggalan.

Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri Ke-4, kaedah dan alat penyampaian menjadi faktor utama kelancaran proses P&P. Namun, isu yang lebih kritikal dan perlu diberi penekanan ialah aspek pengisian, kandungan dan bentuk ilmu yang perlu dibekalkan kepada penuntut menerusi sistem pendidikan yang lestari dan berkesan. Teknologi terkini boleh dianggap sebagai memberi nilai tambah. Justeru, lebih utama, USIM wajar mengambil kira nilai kemanusiaan yang boleh melahirkan penuntut berilmu, beradab dan mempunyai roh bagi memenuhi “permintaan” manusawi terlebih dahulu sebelum memenuhi kehendak mana-mana industri dan tenaga kerja. Hal ini kerana ilmu tidak boleh dibiarkan terpisah daripada rohnya dan tidak berinteraksi antara satu cabang ilmu dengan cabang ilmu yang lain terutama dalam kerangka integrasi ilmu naqli dan aqli. Oleh itu, penuntut, malah warga USIM perlu diingatkan kembali bahawa sumber ilmu hanyalah satu iaitu yang diberkati Allah SWT tidak kira sama ada kita berada dalam era Revolusi Industri Ke-4 atau apa-apa gelombang lama atau baharu serta yang seterusnya. Hakikat ini menjadi paksi utama kepada USIM untuk mula berfikir dan bergerak kepada kaedah penyampaian dan penjanaan ilmu secara mutlak dan berkekalan dalam mendampingi kebenaran.

Ekoran ini, dalam usaha meneliti cabaran Revolusi Industri Ke-4, amat wajar untuk USIM membuat intervensi yang tidak lari daripada hakikat yang dibincangkan tadi. Pun begitu, menawarkan program akademik yang lebih anjal seperti program dwijazah iaitu program Sarjana Muda Kaunseling dengan Sarjana Muda Quran dan Sunnah, Sarjana Muda Sains (Bioteknologi Makanan) dengan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa serta Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) dengan Sarjana Muda Quran dan Sunnah yang bermula pada tahun akademik 1437/1438 H (2016/2017 EM) mungkin merupakan satu antara pelbagai pilihan yang ada. Di sinilah terletaknya kewibawaan USIM sebagai sebuah insititusi Islam yang mempunyai pengertiannya tersendiri. Penawaran dwi-program ini semestinya memperkuuh falsafah USIM yang mengangkat integrasi ilmu naqli dan aqli supaya dapat memenuhi tuntutan duniawi dan mengekalkan nilai-nilai kemanusiaan dan memartabatkan Islam sepetimana yang hak baginya.

Tidak dapat tidak ini berkait rapat dengan Konsep Iqra' yang diperkenalkan USIM yang menekankan rentas disiplin ilmu dalam pendidikan dan penyelidikan, juga perkhidmatan kepada masyarakat dan ummah melalui projek Kursi Murabbi, Projek Platform Kepintaran Buatan, Projek Pencarian Bakat dan Pendidikan Anjal. Ini dapat disimpulkan melalui gabungan disiplin sains, teknologi, agama, etika, sastera dan matematik yang dapat disimpulkan dalam akronim STREAM (*Science, Technology, Religion, Ethics, Arts and Mathematics*). Maksudnya, pendekatan yang diambil adalah lebih bersifat holistik dan mirip dengan kehendak dan sifat manusia itu sendiri. Berbeza dengan pendekatan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) yang menjadi perbualan hangat mutakhir ini. Melalui amalan dan pelaksanaan Konsep Iqra', pendidikan di USIM berorientasikan masa hadapan untuk melahirkan ilmuwan yang semakin tinggi tahap serta kefahaman ilmunya. Dalam masa yang sama, ilmuwan itu semakin tawaduk dan mendekati kepada Allah SWT. Sebagaimana tercatat dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

“


Barang siapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga.

”

(Riwayat Muslim)

Hadis tersebut memberi gambaran bahawa dengan ilmu lahir syurga mampu diperoleh. Melalui ilmu juga individu dapat beribadah dan mendapat keberkatan Allah SWT. Justeru, ilmu dapat mendekatkan diri seorang hamba dengan Penciptanya kerana ilmu itu dilihat sebagai jalan menuju ke syurga Allah SWT.

Selanjutnya, amalan Konsep Iqra' mampu menyumbang dalam perbincangan dan penyelesaian isu-isu berkaitan kelestarian serta kehidupan bermasyarakat yang pelbagai baik di peringkat tempatan maupun antarabangsa. Tidak ketinggalan budaya iqra' itu mendasari kelancaran integrasi ilmu naqli dan aqli di semua peringkat. Dengan kata lain, falsafah pendidikan di USIM dilihat mampu memberi warna kepada bidang pendidikan untuk era bukan saja Revolusi Industri Ke-4, malah era-era sebelumnya: revolusi ketiga (teknologi komputer), revolusi kedua (kuasa elektrik) dan revolusi pertama (kuasa wap serta air), tanpa berkompromi dengan nilai yang mencerminkan roh USIM itu sendiri. Justeru, USIM memegang amanah untuk memastikan manfaat Revolusi Industri ini dirasai seluruh ummah dan bukan terhad kepada mana-mana kelompok, misalnya mereka yang berada saja. Ini termasuklah keupayaannya menangani cabaran skeptisme dan acaman ideologi yang berkait dengan gagasan revolusi tersebut.



CABARAN SKEPTISME DAN ANCAMAN IDEOLOGI

Persepsi negatif dan skeptikal atau prasangka dan was-was kepada Islam terutamanya pasca 9/11 merupakan cabaran antarabangsa yang perlu ditangani oleh semua pihak secara menyeluruh. Walaupun secara amnya, aktiviti kumpulan radikal Islam adalah terkawal dalam negara-negara majoriti Islam di Asia Tenggara termasuk Malaysia, namun, dunia Barat dan negara bukan Islam khasnya masih prejudis terhadap masyarakat Muslim di rantau ini terutama sekali jika terdapat sesuatu isu yang bertentangan dengan pandangan mereka. Ini termasuklah isu-isu melibatkan negara-negara Islam yang lain seperti Palestin, Syria dan Iraq, malah golongan minoriti seperti di Myanmar. Selain itu, kejadian pengeboman di Bali dan Jakarta serta konflik minoriti Muslim di Selatan Thailand dan Filipina yang masih berterusan turut meningkatkan prasangka terhadap masyarakat Islam seluruhnya dalam bentuk Islamofobia. Ini membawa kepada penolakan dan sentimen anti-Islam melalui tunjuk perasaan, demonstrasi jalanan serta serangan ke atas individu Muslim. Malahan terdapat dasar dan peraturan yang dikuatkuaskan bertujuan menyekat perkembangan dan kebebasan orang Islam seperti larangan menunaikan ibadah dan amalan seperti berhijab dan sebagainya.

Sentimen ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada institusi pendidikan beridentitikan Islam kerana disalah anggap sebagai tempat untuk menyebarkan ideologi Islam songsang dan radikalisme. Ramai yang masih keliru dan tidak dapat membezakan antara institusi Islam sebenarnya dengan yang sebaliknya. Justeru, salah faham dalam kalangan bukan Islam wajar ditangani dan diatasi melalui program pengantarabangsaan USIM ke negara-negara Barat dan majoriti bukan Muslim. Cabaran utama ialah untuk merancang dan mengatur strategi supaya delegasi USIM boleh diterima dengan baik apabila memasuki zon-zon ini dan pengisiannya memberikan faedah kepada masyarakat setempat. Ini bukan

mustahil kerana USIM telah pun menembusi beberapa negara ini tetapi jaringan perhubungan harus dipertingkat serta diperluaskan lagi. Cabaran ini menjadi lebih besar dan kritikal kerana dalam jangka masa panjang diharapkan bukan sahaja USIM diterima baik, tetapi dapat menukar sikap serta persepsi negatif mereka terhadap Islam itu sendiri.

Selain isu radikalisme, kemunculan aliran dan ideologi baharu atas nama Islam seperti liberalisme Islam dan pluralisme agama juga merupakan cabaran globalisasi yang perlu ditangani menerusi pendekatan yang betul dan berkesan. Cabaran globalisasi seumpama ini kepada penuntut USIM, dalam tempoh tiga hingga lima tahun pembelajaran mereka di kampus memerlukan mereka untuk diberi latihan secara bersepada di dalam dan luar dewan kuliah. Hal ini membolehkan mereka bersedia mendepani realiti dan cabaran kehidupan sama ada dalam ruang lingkup tempatan maupun di pentas antarabangsa.

Secara terperinci, USIM sebagai sebuah institusi pendidikan Islam perlu diperkuuh bagi mencakupi semua aspek iaitu program akademik, perkhidmatan dan penyelidikan agar sesuai dengan ruang lingkup semasa serta responsif terhadap pembangunan sosioekonomi, masyarakat serta senada dengan senario antarabangsa. Kaedah penyampaian perkhidmatan perlu dipelbagai dan tidak jumud. USIM juga perlu bekerjasama dengan agensi berwibawa yang lain bagi memperbetulkan salah tanggap yang timbul terhadap Islam menerusi penonjolan Islam yang seimbang dan sederhana. Yang lebih penting, USIM bertindak seperti mana yang dikehendaki oleh Islam itu, yakni berilmu, berdisiplin dan bertakwa. Semua ini adalah usaha pengukuhan dan membawa USIM sebagai institusi pendidikan Islam ke peringkat yang lebih tinggi dan perlu dijadikan satu keperluan yang berterusan dalam merintis sebuah Kampus Barakah.

MENDEPANI MASA HADAPAN: MERINTIS KAMPUS BARAKAH

Melakar landskap masa hadapan USIM menjelang tahun 1457 H (2035 EM) mempunyai cabarannya yang tersendiri. Usaha ini memerlukan keberanian organisasi untuk mengandaikan kemungkinan, kebarangkalian dan kebolehjadian peristiwa berdasarkan pemahaman dan pemerhatian peristiwa lepas dan semasa. Untuk maju dan menghadapi cabaran masa hadapan, USIM perlu membuat persediaan penuh dengan mengambil keputusan secara sedar pada hari dan ketika ini. USIM tidak mahu menyerahkan masa hadapannya kepada kemungkinan semata-mata, tetapi ‘menciptanya’ sendiri. Pada suatu masa nanti, jika ditoleh ke belakang ia merupakan sebuah sejarah yang dilakar dengan penuh teliti oleh warganya. Justeru, USIM mengambil langkah proaktif mengadakan Bengkel Kajian Masa Hadapan bertemakan USIM: Relevan, Direkaipptakan Semula atau Tidak Diperlukan pada 28 hingga 29 Zulhijah 1438 H (18 hingga 19 Julai 2017 EM) yang mengumpulkan pimpinan rentas sektor USIM untuk menilai amalan semasa USIM, perubahan masa hadapan, lantas mencabar anggapan-anggapan teras dan seterusnya mengandaikan pelbagai ganggu-gugat yang boleh menjelaskan kewujudan USIM sebagai sebuah institusi akademik. USIM juga telah melakar masa hadapan impiannya bertunjangkan kekuatan tersendiri bagi menerajui pendidikan berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli. Proses ini dibimbing oleh Prof Sohail Inayatullah, pakar futurologi dan kajian masa hadapan, yang juga penyandang Kursi UNESCO dalam Kajian Masa Hadapan di USIM.



MASA HADAPAN USIM 1457 H (2035 EM)

Dalam melakar masa hadapan USIM 1457 H (2035 EM), kehidupan ketika itu dibayangkan dengan ledakan kemajuan sains dan teknologi dalam era Revolusi Industri Ke-4. Kemunculannya dijangka akan membawa hasil dan laba yang sangat besar kepada industri dan dalam masa yang sama mengurangkan kebergantungan kepada tenaga serta buruh manusia. Kebarangkalian lenyap atau lopusnya beberapa jenis pekerjaan diramalkan adalah amat tinggi seperti yang dicatatkan dalam sejarah revolusi industri sebelum ini yang mana dialami oleh syarikat-syarikat besar dunia. Oleh itu, penguasaan dalam bidang teknologi, kreatif dan inovatif serta literasi digital akan menjadi pakej yang dituntut oleh pasaran kerja. Persoalannya, adakah ini merupakan fokus yang mahu dicapai atau menjadi satu-satunya kriteria generasi yang akan dilahirkan USIM pada masa hadapan? Sudah pasti tidak. Kemajuan industri perlu seiring dengan sifat manusia dan kemanusiaan. Perkembangan teknologi termasuk



penggunaan kecerdasan buatan berbentuk siber-fizikal dan kesepaduan Internet Pelbagai Benda yang merangkumi pelbagai peranti, perisian, peralatan dan sebagainya perlulah diinsankan untuk memastikan ekosistem yang adil dan saksama berpaksikan kesejahteraan manusia sejagat dapat diwujudkan.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan sains Islam, USIM memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan masa hadapan kelestarian ilmu dan peradaban sarjana Muslim tidak ketinggalan dengan ledakan kemajuan sains dan teknologi tersebut. Justeru, matlamat pendidikannya perlu disusun semula secara sistematis dan terancang mencakupi semua aspek penjenamaan, bakat, kurikulum, penyelidikan, inovasi, perkhidmatan, pengurusan dan tadbir urus. Ini untuk memastikan pelan strategik USIM yang menjurus kepada matlamat menjadi pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat serantau dan antarabangsa serta menjadi "nombor satu di hati dan minda masyarakat" masih lagi relevan. Allah SWT berfirman:

“

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berjuang untuk membela agamanya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang kukuh.

”

(Surah al-Saf: 4)

Pengukuhan organisasi dan konsep berjemaah ini sangat ditekankan Rasulullah SAW semasa baginda berdakwah di Madinah demi menyebarkan dan memperkuuh kedudukan agama Islam sebagai agama yang benar. Peranan setiap individu dengan pelbagai kepakaran dalam sesebuah organisasi adalah sama penting untuk memperkuuh solidariti dan sinergi organisasi demi mencapai matlamat dan wawasan yang dirancang. Dalam konteks kehidupan berorganisasi, ayat ini menunjukkan peri pentingnya perancangan yang strategik dan teratur, struktur organisasi yang cekap, semangat kerja berpasukan dan kepemimpinan yang berpaksikan ajaran dan tuntutan agama demi memastikan seluruh warga USIM dapat sama-sama menempuh segala cabaran dan rintangan dengan jiwa yang kental agar terus mara ke hadapan menggapai impian. Ini dapat diibaratkan seperti sebuah bangunan yang utuh dan teguh, walau dilanda ribut dan taufan, tetapi akan tetap berdiri mantap.

Pemposision USIM sekarang yang dikenali masyarakat sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli dalam memartabatkan sains dan keilmuan Islam, adalah satu pencapaian hasil daripada perancangan masa lalu. Namun perjalanan untuk menjadi sebuah institusi yang relevan, dirujuk dan disanjung, ini tidak boleh terhenti di sini. Maka, penjenamaan dan pemposision yang selari dengan kemajuan tamadun manusia dan teknologi kontemporari perlu disemak semula dan dipastikan keselariannya dengan matlamat, misi dan wawasan USIM. Ini adalah penting, terutamanya dalam menghadapi arus cabaran Revolusi Industri Ke-4 agar USIM terus teguh 'berdiri' menangani ganggu-gugat teknologi.



- Adakah USIM masih relevan untuk dunia masa hadapan?
- Apakah jenis universiti Islam yang relevan pada masa itu?
- Apakah jenis siswazah yang ingin dihasilkan?
- Siapakah yang akan merujuk USIM pada masa hadapan?

Mencapai dan merealisasikan masa hadapan mengikut acuan yang dipilih dan dibentuk hari ini memerlukan persediaan yang rapi, terperinci, sistematik dan strategik. Menurut Reed Hasting, Ketua Pegawai Eksekutif Netflix iaitu sebuah syarikat hiburan di AS, ‘jarang sekali ditemui sesuatu industri mati kerana bergerak terlalu cepat, namun sebaliknya yang seringkali ditemui adalah industri mati kerana bergerak terlalu lambat.’ Hal ini mungkin berlaku juga kepada organisasi lain. Dengan itu, USIM perlu mempunyai kemampuan berdaya saing dan bergerak pantas dalam menggapai wawasan dan impian yang dicitakan.

Antara cabaran yang dihadapi USIM sebagai sebuah institusi penyedia pendidikan tinggi yang berpaksikan keilmuan Islam adalah menangkis sikap, perilaku, tindakan atau fahaman lapuk yang dianggap sebagai ‘masa hadapan terpakai’ dalam melakar masa hadapan. Contoh ‘masa hadapan terpakai’ ini adalah kepelbagaiannya fahaman konsep integrasi naqli dan aqli, pengajaran dan pembelajaran secara konvensional, budaya bekerja merakam waktu keluar masuk, sistem peperiksaan yang ketat, mengejar penarafan universiti dan hierarki organisasi yang keterlaluan. Acuan masa hadapan berlandaskan ‘masa hadapan terpakai’ ini hanya akan meneruskan kelangsungan masa lalu dengan sekadar membuat pemberaan faktor-faktor kecil. Walaupun ‘masa hadapan terpakai’ ini masih boleh diadaptasi dalam pembentukan pelan masa hadapan, ia juga hanya memberi impak yang kecil sekiranya tiada perancangan strategik pada masa hadapan. Ini kerana penyedia pendidikan tinggi bertanggungjawab memainkan peranannya mencipta peluang-peluang yang berupaya membantu masyarakat menghadapi cabaran ganggu-gugat era teknologi dengan memacu perubahan ke arah yang lebih baik.

Lakaran idea masa hadapan USIM dibuat demi membentuk generasi cemerlang, berbudi pekerti luhur serta mulia dan masyarakat berilmu dengan integrasi ilmu naqli dan aqli yang seiring dengan falsafah USIM. Begitu juga dengan misi untuk menjadi sebuah institusi ilmu terkehadapan yang berteraskan pengajian Islam dan menjadi peneraju ilmu baharu menggunakan teknologi terkini bagi menghasilkan inovasi yang mampu mentransformasi negara, ummah dan manusia sejagat. Dalam membentuk masa hadapan USIM yang gemilang, antara persoalan yang wajar diambil kira adalah pertama, “Adakah USIM masih relevan untuk dunia masa hadapan?”, kedua, “Apakah jenis universiti Islam yang relevan pada masa itu?”, ketiga “Apakah

jenis siswazah yang ingin dihasilkan?" dan keempat "Siapakah yang akan merujuk USIM pada masa hadapan?".

Persoalan-persoalan seumpama ini membawa kepada empat garapan idea 'masa hadapan yang dipilih' oleh USIM hasil daripada perbincangan empat kumpulan yang mengimarahkan bengkel ini. Tanggapan masa hadapan dengan menyorot masa lampau membantu USIM merancang masa hadapan yang berstrategi. Antara idea 'masa hadapan yang dipilih' USIM ini termasuklah metafora Oasis Barakah, Universiti Berasaskan Nilai, Keanjalan dalam Pembelajaran (*al-Murūnah fī al-Ta'līm*) dan Universiti *Societal-Tech*. Dapat dirumuskan, keempat-empat lakaran idea masa hadapan yang dibuat ini mempunyai titik persamaan yang erat di mana wujudnya keseimbangan elemen penting sebagai pemangkin perubahan dunia sejagat iaitu teknologi, manusia dan kemanusiaan.

OASIS BARAKAH

Menjadikan USIM sebagai kampus yang diberkati (Oasis Barakah) adalah impian yang sangat luhur, walaupun diinsafi bahawa keberkatan dalam kehidupan tidak dapat diterjemahkan dengan kata-kata atau pengakuan kendiri. Barakah atau berkat yang bermaksud tumbuh dan bertambah adalah satu anugerah Ilahi yang membawa limpahan kebaikan dalam diri seseorang, organisasi atau sesuatu tempat. Metafora Oasis Barakah boleh dianggap sebagai suatu tempat yang mengundang keberkatan dan dapat menjamin kelestarian kehidupan.

Dalam konteks USIM, impian menjadikan kampusnya sebagai Oasis Barakah bermula dengan Model GIINA yang berhasrat melahirkan siswazah yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan. Siswazah model GIINA mempunyai sifat-sifat yang menyeluruh termasuk sifat intelek, rohani, emosi dan fizikal yang membantu perkembangan peribadi penuntut; mempunyai keseimbangan dari segi akhlak dan ilmu



pengetahuan serta dapat menyumbang kepada masyarakat, negara dan antarabangsa. Penuntut pupukan Model GIINA ini juga mempunyai minda keusahawanan, berinovasi, terbuka kepada perubahan dan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dalam menangani tuntutan masa kini dan masa hadapan.

Model GIINA ini akan dikembangkan kepada SIANA berinspirasikan model keilmuan dan akhlak al-Ghazali yang bertujuan memantapkan nilai integrasi ilmu naqli dan aqli dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran pada 1439 H (2018 EM). Ini merangkumi penyatuan keilmuan, menggalakkan rasa saling menghormati yang mendalam sesama sendiri, penajaran semula teknologi dan nilai Islam dalam penyelidikan, perkhidmatan dan pengajaran, pengembangan pedagogi baharu dan penilaian semula budaya bekerja di USIM. Pada 1442 H (2020 EM), keberkesanan model GIINA ini akan dinilai semula dalam kalangan alumni untuk menilai hasil model ini. Dijangkakan bilangan siswazah USIM pada 1447 H (2025 EM) bakal meningkat dan USIM akan terus membangun sebagai pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli, serta mulai dikenali sebagai Oasis Barakah menjelang 1452 H (2030 EM).

UNIVERSITI BERASASKAN NILAI

USIM menjadi sebuah institusi yang berasaskan nilai menjelang 1452 H (2030 EM) bermula dengan penganjuran program-program yang dapat menyuntik nilai kepemimpinan berpandukan qalbu dalam kalangan warga USIM. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

“

Bahawa dalam diri setiap manusia terdapat segumpal daging, apabila ia baik maka baik pula seluruh amalnya, dan apabila ia itu rosak maka rosak pula seluruh perbuatannya.
Gumpalan daging itu adalah qalbu.

”

(Riwayat al-Bukhari)

Pemantapan qalbu amat penting dalam memastikan anggota lain juga memamerkan kebaikan yang dipandu qalbu. Jika kepemimpinan qalbu ini dilaksanakan dengan penuh ketelusan dan berintegriti, USIM akan mampu menghadapi setiap cabaran termasuk Revolusi Industri Ke-4.

Manifestasi USIM sebagai universiti berasaskan nilai dapat dilihat dalam pelbagai program USIM seperti integrasi ilmu naqli dan aqli, pengambilan dan pemetaan bakat akademik, Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (i-CGPA), GIINA dan SIANA. USIM menggalakkan staf dan penuntut untuk bekerja menggunakan sepenuhnya bakat dan potensi masing-masing dengan penuh tanggungjawab dan amanah. Universiti Berasaskan Nilai terus diperkujuh dengan penubuhan Kursi Pendidikan Kemanusiaan yang turut mengangkat STREAM sebagai wacana keilmuan, berbanding STEM sahaja. Lebih menarik lagi dijangkakan pada 1444 H (2022 EM), universiti tidak perlu lagi mengejar kedudukan kerana perkara ini tidak lagi diperlukan, memandangkan universiti mempunyai peranan tersendiri dalam mencorak masyarakat sekelilingnya mengikut budaya setempat.


Pada masa yang sama, peruntukan kewangan tahunan kepada universiti terus berkurangan. Namun begitu pada 1445 H (2023 EM), USIM akan menjadi universiti yang mempunyai keunggulan tersendiri dalam memastikan kelestarian kewangan selari dengan pembangunan akademik dan tadbir urus. Menjelang 1452 H (2030 EM), USIM akan melancarkan Sarjana Alami Mithali sebagai satu cerminan kejayaan USIM menelusuri perjalanan ke arah mewujudkan Universiti Berasaskan Nilai.

ANJALAN PEMBELAJARAN (AL-MURŪNAH FĪ AL-TA'C'LĪM)

Tahun 1442 H (2020 EM) dijangkakan ramai siswazah kehilangan peluang pekerjaan kerana jumlah pasaran pekerjaan yang terhad. Ditambah pula dengan siswazah yang tidak mempunyai nilai kebolehpasaran kerana kurang kepakaran dalam teknologi terkini dan kemahiran-kemahiran tertentu yang diperlukan dalam era Revolusi Industri Ke-4. Ekoran itu, generasi muda mula mencari alternatif untuk memastikan mereka mampu berdaya tahan dalam merebut peluang di industri serta masyarakat amnya. Sebagai universiti penyedia pendidikan tinggi yang berautonomi, USIM bertanggungjawab memastikan ekosistem keadilan ekonomi dan sosial terus dinikmati rakyat serta meningkatkan akses dan kualiti pendidikan tinggi dengan memperkasakan generasi baharu supaya bukan hanya menunggu peluang pekerjaan bahkan mampu menghasilkan peluang pekerjaan. Antara langkah yang diambil adalah dengan menganjurkan Sidang Kemuncak Dunia Pendidikan Terbuka Islam 1444 H (*World Summit on Islamic Open Education 2022 EM*). Justeru, pada 1445 H (2023 EM), USIM dijangka mendapat mandat menjadi peneraju ilmu pengetahuan yang mempromosi dan menawarkan keanjalan dalam sistem pendidikan tinggi yang terus unggul dan dikenali dunia.

UNIVERSITI SOCIETAL-TECH

Pengenalan USIM sebagai Universiti *Societal-Tech* pada 1452 H (2030 EM) bermaksud USIM berupaya melengkapkan masyarakat dengan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang mampu memacu kepesatan teknologi dan bukan hanya menjadi hamba kepada teknologi. Namun, menggapai impian menjadi Universiti *Societal-Tech* bukanlah suatu perkara yang mudah. Tiga kriteria penting yang dapat mendukung kejayaan USIM sebagai Universiti *Societal-Tech* ini adalah pertama, USIM menyediakan ruang terbuka kepada masyarakat untuk menyertai universiti dengan memanfaatkan sistem wakaf untuk kelestarian kewangan. Kedua, USIM mempunyai persekitaran yang menekankan tarbiah dan akhlak. Ketiga, USIM menawarkan kurikulum yang sesuai untuk setiap individu. Untuk itu, USIM menjalankan dua projek besar iaitu Kursi Pendidikan Murabbi 1441 H (2019 EM) dan juga memperkenalkan perpustakaan yang dibuka 24 jam pada 1445 H (2023 EM). Keberhasilan kurikulum yang seimbang dan siswazah USIM yang holistik serta berkualiti antara tahun 1440-1447 H (2018-2025 EM) adalah impak daripada sistem tarbiah Islam dan persekitaran murabbi yang menekankan hasil integrasi ilmu pengetahuan dalam pelbagai cabang ilmu.



Tiga Kriteria yang Mendukung Kejayaan USIM Menuju Universiti *Societal-Tech*

FAKTOR PENDORONG USIM SEBAGAI KAMPUS BARAKAH DAN CABARANNYA

Berdasarkan kaedah kajian masa hadapan, merancang masa hadapan memerlukan dimensi segi tiga. Ia melibatkan kajian terhadap daya penolak semasa (*pushes of the present*) yang menjadi pemangkin ke arah perubahan, tarikan masa hadapan (*pulls of the future*) dan bebanan lampau (*weights of the past*) yang menjelaskan tarikan ke arah masa hadapan yang diimpikan.

Berpaksikan tarikan masa hadapan USIM sebagai Oasis Barakah, Universiti Berasaskan Nilai, Anjalan Pembelajaran dan Universiti *Societal-Tech*, terdapat beberapa daya pendorong semasa dan akan datang yang boleh dimanfaatkan oleh USIM untuk maju ke arah matlamatnya. Daya pendorong tersebut termasuklah perubahan masyarakat ke arah teknologi, kemahiran staf dan penuntut, permintaan terhadap kurikulum yang pendek, anjal, dan yang paling utama keperluan terhadap pengajian berasaskan nilai Islam, kemanusiaan, kemasyarakatan dan ketimuran.

Di saat kebanyakan institusi pendidikan dalam arus perdana bertumpu kepada ilmu material untuk memenuhi keperluan ledakan teknologi dan industri, pendekatan USIM dalam melahirkan insan yang berupaya menggembungkan integrasi ilmu naqli dan aqli menjadi satu kelainan yang dirai. Arus pemodenan yang tidak seimbang akan menyebabkan perubahan kepada manusia, kemanusiaan dan masyarakat serta interaksinya dengan alam. Ketidakseimbangan dalam perhubungan sesama manusia akan menjelaskan kelestarian nilai-nilai dalam pembentukan masyarakat dan kehidupan sejagat. Kemodenan yang tidak terpanku juga menyebabkan sekularisme yang memisahkan antara sains, manusia dan Tuhan. Dalam aspek ini, USIM perlu mencontohi zaman kegemilangan Islam terdahulu yang menyaksikan ulama dan ahli falsafah Islam adalah juga ilmuwan dan para saintis yang dapat berkecimpung sebagai satu pasukan tanpa apa-apa batasan.



Empat Faktor Pendorong USIM Merintis Kampus Barakah

Ulama dalam pengertian asalnya adalah seorang yang berilmu dan tidak hanya terbatas kepada ilmu agama sahaja. Ini senada dengan konsep Islam sebagai satu cara hidup yang meliputi semua aspek kehidupan. Sejarah perkembangan intelektual Muslim, tamadun dan peradaban Islam, terutamanya semasa empayar Abbasiyah di Baghdad (133-684 H, 750-1301 EM) dan empayar Umayyah di Sepanyol (92-897 H, 710-1515 EM) telah melahirkan ramai cendekiawan, saintis, ulama besar dan ilmuwan hebat seperti al-Kindi (kurun ke-2 H), al-Khawarizmi (kurun ke-2 H), al-Farabi (kurun ke-4 H), Ibnu Sina (kurun ke-4 H), al-Biruni (kurun ke-4 H) dan Ibnu Rushd (kurun ke-6 H).

Dengan andaian yang lain, penemuan-penemuan baharu dalam sains dan teknologi juga boleh membawa manusia lebih hampir kepada Tuhan. Ilmu fizik kuantum yang baharu, contohnya, mendedahkan pelbagai penemuan yang tidak diduga berkaitan atom berskala kecil dan pada tahap tenaga rendah. Ini menunjukkan keserasian kajian saintifik terhadap ‘cahaya di atas cahaya’ dengan takrifan cahaya seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Nur: 35, dan ‘kegelapan’ dalam surah yang sama, ayat 40. Penemuan seperti ini dan penemuan-penemuan lain misalnya, memberikan pemahaman kepada manusia mengenai kejadian alam, masa, ruang dan lebih penting lagi, kewujudan yang Maha Kuasa dan Maha Agung.

Justeru, untuk memenuhi fitrah manusia yang memerlukan Pencipta sebagai Tuhan, manusia akan mula mencari keseimbangan dan jawapan berbentuk kerohanian serta kejiwaan kepada penemuan dan permasalahan yang ditimbulkan oleh teknologi. Ini bertepatan dengan ayat al-Quran yang memperihalkan keperluan manusia terhadap panduan Ilahi.

“

Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran
menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi
hidayah petunjuk.

”

(Surah al-Nahl: 89)


“

(laitu) orang-orang yang
beriman dan tenang
tenteram hati mereka
dengan “zikrullah”.
Ketahuilah dengan “zikrullah”
itu, tenang tenteramlah hati
(qalbu) manusia.

”

Renungan ketuhanan juga diperihalkan dalam al-Quran sebagai sesuatu yang boleh menenangkan jiwa manusia.

(Surah al-Ra’d: 28)



Gabungan Ilmu Tradisional dan Moden Melalui Pendidikan Murabbi yang Menekankan Aspek Hukum, Akhlak, Adab dan Tauhid dalam Menganalisis dan menaakul sesuatu ilmu

Kekuatan USIM yang mengangkat martabat integrasi ilmu naqli dan aqli adalah pendukung serta penggabung ilmu tradisional dan moden. Ini adalah teras kepada pendidikan murabbi yang menekankan aspek hukum, akhlak, adab dan tauhid dalam menganalisis dan menaakul sesuatu ilmu. Perkataan ‘murabbi’ memberi makna yang lebih luas kerana ia mencakupi peranan ahli akademik sebagai pendidik, penyampai ilmu, model kepada sahsiah mulia serta menjadi contoh ikutan. Seorang murabbi berinteraksi dengan sifat rahmat sesuai dengan maksud perkataan ini dalam al-Quran yang menggambarkan kasih sayang ibu bapa terhadap anaknya sebagai mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“

Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: Wahai Tuahku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil.

”

(Surah al-Isra: 24)

Penekanan terhadap peranan pendidik yang memberikan sentuhan manusia dan kemanusiaan tidak boleh diambil alih oleh teknologi dan akan kekal relevan, meskipun dalam era masa hadapan.

USIM peka terhadap keperluan generasi masa hadapan yang memerlukan masyarakat lebih kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran kerjaya. Penggunaan automasi dan teknologi digital yang berterusan akan menyebabkan kehilangan sejumlah besar peluang pekerjaan. Menurut *World Economic Forum 2016*, kehilangan peluang pekerjaan boleh mencapai sehingga 47 peratus dalam era ledakan revolusi teknologi. Akhirnya, generasi masa hadapan perlu dibimbing bagaimana untuk menghadapi masa hadapan dan bukannya bagaimana untuk mendapatkan pekerjaan daripada pasaran tersedia. Justeru, pendidikan yang dipelopori oleh USIM mengambil kira keperluan berada selangkah di hadapan teknologi dengan menghasilkan siswazah yang berupaya memanfaatkan teknologi dalam penciptaan pekerjaan. Pendidikan USIM juga memberi fokus kepada kemahiran berfikir dan penaakulan (*hikmah*) dengan bertunjangkan kepada konsep ketuhanan iaitu suatu peranan yang tidak boleh diambil alih oleh kecerdasan buatan yang jelas tanpa roh dan qalbu.

Senario semasa masyarakat berteknologi dan andaian perubahan masyarakat ke arah revolusi digital pada masa hadapan adalah pemangkin kepada tujuan USIM sebagai institusi akademik yang memperkenalkan pendidikan anjal. Para penuntut USIM menjelang 1457 H (2035 EM) terdiri daripada generasi alpha yang juga dikenali sebagai anak kelahiran digital kerana pendedahan dan literasi mereka dalam teknologi seawal kelahiran mereka. Berdasarkan kepada demografi generasi alpha pada 1457 H (2035 EM), USIM perlu bergerak ke arah memenuhi permintaan ilmu di hujung jari, kurikulum yang pendek dan anjal serta bilik darjah global bersesuaian dengan kecenderungan mereka terhadap jaringan sosial.

Prof Sohail Inayatullah, juga menggambarkan masa hadapan universiti-universiti tradisional di dunia akan menjadi ibarat binatang purba yang pupus jika tidak mengalami perubahan. Dalam satu pernyataan masyhur oleh Mahatma Gandhi mengenai perubahan, beliau berkata: "Kita hendaklah menjadi perubahan yang kita inginkan berlaku di dunia". Oleh itu, USIM tidak mempunyai pilihan melainkan untuk bergerak selari dengan perubahan teknologi dan dalam masa yang sama berpegang teguh kepada citra dan keunikannya dalam pengembangan integrasi ilmu naqli dan aqli serta keinsanan menurut kefahaman USIM. Kebolehan untuk mengadaptasi dan menentukan landskap ekologi yang baharu, serta mencipta semula fungsi baharu universiti adalah nadi kepada kesinambungan kewujudannya pada masa hadapan. USIM telahpun mengenal pasti beban yang boleh melambatkan atau membantutkan usahanya ke arah masa hadapan yang diimpikan. Cabaran-cabaran tersebut termasuklah perubahan dan pembuatan dasar di peringkat kementerian, badan seliaan kualiti dan badan profesional, penstrukturkan latihan, kebergantungan terhadap teknologi, persaingan baharu dan peruntukan


kewangan yang terhad. Namun begitu, mungkin akan ada faktor-faktor lain yang akan wujud dari semasa ke semasa antaranya faktor-faktor bersifat luaran yang boleh dijangkakan berlaku, tetapi mungkin berada di luar kawalan institusi.

Apa pun, cabaran yang paling utama dalam menentukan kebolehan institusi untuk mengadaptasi cabaran-cabaran luaran yang disebutkan adalah cabaran dalaman terutamanya perubahan pada budaya kerja, set minda, kesediaan untuk perubahan, pembinaan kemahiran dan keterampilan, peningkatan profesionalisme dan perancangan strategik dalam latihan staf. Perubahan ini adalah berbentuk transformasi yang melibatkan perubahan secara holistik, mempunyai anjakan paradigma, menuntut komitmen dan kesungguhan sehingga menusuk ke dalam hati semua peringkat organisasi. Perubahan dalam ini adalah sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“
Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan suatu kaum sampai mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri.
”

(Surah al-Ra'd: 11)

Justeru, USIM mengambil pendekatan untuk melakar masa hadapan dengan nilai-nilai manusia dan kemanusiaan yang membantu warganya melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah dan mendukung nilai Islam yang menjadi rahmat kepada seluruh alam.



Gabungan Ilmu Tradisional dan Moden Melalui Pendidikan Murabbi
yang Menekankan Aspek Hukum, Akhlak, Adab dan Tauhid dalam
Menganalisis dan menaakul sesuatu ilmu

KESIMPULAN

Usaha menjadikan USIM perintis Kampus Barakah menjelang tahun 1457 H (2035 EM) bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi tidak pula mustahil. Maksudnya, ia boleh berlaku jika perancangan dan pelaksanaan serta pemantauan dilakukan dengan teliti serta penuh disiplin. Apatah lagi dalam mendepani tahun-tahun mendatang, tiada siapa yang dapat menjangka bentuk cabaran sebenar. Walau bagaimanapun, persediaan perlu dilakukan dengan membuat analisis ke atas potensi, ancaman dan risiko. Dalam hal ini, cabaran yang dihadapi boleh dibahagikan kepada dua; cabaran dari dalam dan luar. Faktor dalaman seperti kesediaan dan sikap warga USIM untuk menghayati dan memainkan peranan dengan berkesan merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi. Di samping itu, memberi perkhidmatan dengan cemerlang dan memenuhi tuntutan agama perlu dibudayakan. Selain faktor manusia, keterbatasan sumber terutamanya kewangan juga perlu diberi perhatian bagi membolehkan

USIM berkembang, modal kewangan yang besar amat diperlukan untuk menggerakkan kesemua program yang telah dirancang.

Soal cabaran yang datang dari luar USIM adalah dalam pelbagai bentuk dan sukar dijangka. Persaingan sengit berlaku dalam semua aspek termasuklah ekonomi dan pendidikan. Bagi kekal relevan, USIM perlu bergerak seiring dengan realiti semasa. Oleh itu, USIM hendaklah mempunyai keinginan dan keupayaan untuk beradaptasi dengan perubahan semasa. Penambahbaikan perlu segera dilakukan secara berterusan meliputi aspek kurikulum, pedagogi, penyelidikan, pengantarabangsaan, penyampaian perkhidmatan, penarafan kemudahan fizikal, ICT dan seumpamanya. Islam adalah agama yang relevan sepanjang zaman maka USIM perlu membuktikan hakikat ini dengan mengorak langkah serentak dengan falsafah Islam dan wajar berupaya mendepani setiap cabaran kontemporari bagi memartabatkan Islam dan ummahnya. *Wallahu'alam.*

MIZAN

Ia adalah manifestasi keseimbangan yang menjadi objektif dalam ajaran Islam termasuklah dari segi menjalani kehidupan ukhrawi atau duniaawi, mengusahakan nikmat *māddī* (material) atau *rūḥī* (roh), mendaulatkan sumber-sumber ilmu turāth (tradisi) atau ḥadīthah (moden), memupuk peningkatan pengetahuan (*‘ilmī*) dan kecerdasan emosi (*‘Ātīfī*), dan banyak lagi. Islam adalah agama yang mengajak kepada kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Kejayaan hidup dapat dicapai dengan melestarikan keseimbangan atau Mizan dalam pelbagai sudut kehidupan manusia.

Epilog

Konsep Barakah semestinya diterima oleh manusia sebagai limpahan rahmat utama kurniaaNya meskipun makhluk ciptaan Allah SWT yang lain tidak terkecuali. Namun, benda-benda buatan manusia yang umumnya tidak bernyawa tidak terangkum dalam pengertian konsep ini. Kefahaman tentang "azimat" dan yang sepertinya terkeluar daripada kefahaman barakah, malah ada yang mengatakan bahawa ia bertentangan dengan konsep tersebut. Apatah lagi benda-benda ciptaan manusia seperti peralatan, perkakasan atau mesin secanggih mana sekalipun; dan digelar apa sekali pun – baik robot, *cyborg*, *humanoid*, *drone*, pascamanusia atau *transhuman* dan lain-lain lagi.

Hal ini penting ditimbulkan sekarang kerana fenomena Revolusi Industri Ke-4 sedang bertiup kencang dalam kalangan bijak pandai di negara ini. Tidak kurang juga ramai yang tertawan kerana merasakan bahawa ianya satu lagi kemuncak ciptaan manusia melalui sains dan teknologi, khususnya STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik). Sementara itu, ramai pula yang terkeliru dan mengambil jalan mudah dengan memilih untuk mengikut saja gelombang yang dijana oleh revolusi berkenaan. Apa lagi atas desakan-desakan tertentu yang menjanjikan seribu satu "kemakmuran" yang dijadikan sasaran hidup tanpa apa-apa pertimbangan lain.

Tambahan pula kita jarang-jarang sekali memikirkan akan kesan sesuatu revolusi industri secara mendalam. Bahkan sebenarnya tidak ada pendedahan sedemikian rupa, terutamanya tentang kesan negatif dan memusykilkhan. Sering ia sengaja "disorokkan" atas agenda tertentu ataupun, sememangnya masih belum diketahui lagi sehingga ia mula menghantui bukan sahaja manusia, malah kemanusiaan sejagat.

Ambil sahaja contoh kesan pemanasan global dan perubahan iklim yang kini menggugat segala macam makhluk ciptaan Allah SWT. Bermula dengan pencemaran alam yang beransur-ansur menyebabkan pelbagai rupa pencemaran meluas termasuk kemusnahan sumber-sumber alam semulajadi kurniaan Allah SWT yang diamanahkan kepada manusia sebagai khalifahNya. Maknanya, kesemua ini boleh dianggap sebagai satu kegagalan besar dalam menjaga bumi ini demi menyempurnakan amanah yang telah manusia sanggupi.

Namun begitu, umumnya ramai tidak merasakan sedemikian kerana masih tidak perasan akan kesan-kesan tersebut yang sedang "mengganas". Apatah lagi kaitannya dengan revolusi-revolusi industri yang terdahulu sejak ratusan tahun yang

lampaui. Kecuaian ini bermula di Eropah Barat pada abad ke-18 lagi dan dibiarkan berterusan menular sehingga abad ke-21 dan abad-abad mendatang dengan cukup teruk sekali. Pendek kata, dalam keasyikan menikmati kemodenan hidup, manusia seolah-olah tidak menyedari bahawa kehidupan juga turut tergugat sedikit demi sedikit. Nilai kemanusiaan turut terhakis, hari demi hari, oleh sifat tidak bertanggungjawab manusia itu sendiri baik secara sengaja atau tidak. Sudah pastilah ini sesuatu yang songsang dengan bayangan limpahan rahmat serta barakah dalam bentuk apa sekalipun. Malahan, ia lebih menggambarkan sebaliknya akibat keangkuhan manusia yang terus lalai tanpa mendalami erti sebenarnya revolusi industri. Ini mengakibatkan manusia tenggelam punca dalam keseimbangan membolot kebendaan melampaui batas lantas mengundang pelbagai gejala kemusnahan seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“

Hai manusia, sesungguhnya janji Allah adalah benar, maka janganlah sekali-kali kehidupan dunia memperdayakan kalian dan janganlah sekali-kali syaitan memperdayakan kalian tentang Allah.

”

(Surah al-Fatir: 5)

Bahkan Allah SWT sering bertanya dalam al-Quran, tidakkah manusia, termasuk yang beriman, berfikir serta merenungi kejadian alam semesta ini?

Lanjutan daripada ini, para cendekiawan keseluruhannya bersetuju bahawa kemelut yang dihadapi kini tertumpu sepenuhnya kepada manusia itu sendiri. Yang hendak dipersalahkan bukan mesin, jentera, maupun teknologi kerana akhirnya tanggungjawab itu terletak di bahu kelompok manusia yang kini sedang terkial-kial mencari penyelesaian kepada angkara dan keterlanjuran ekoran kedangkalan mereka.

Setelah diciptakan Allah SWT dengan penuh kesempurnaan zahir dan batin, ternyata manusia tidak bijak dalam mencari penyelesaian apabila batasan yang sewajarnya telah dilewati. Rata-rata hampir semua aspek hidup iaitu ekonomi, ekologi dan sosiobudaya tidak lagi seimbang dan sejahtera sebagaimana yang difitrahkan.

Dalam keadaan keluh kesah ini, manusia sekali lagi diimbau oleh satu lagi revolusi iaitu Revolusi Industri Ke-4, yang hangat diuarkan-pihak tertentu. Pada mereka yang tidak peka dan buta sejarah, terutamanya segelintir manusia yang berpaksikan kebendaan sebagai pegangannya, akan terus mendakap revolusi terbaru ini tanpa ragu-ragu. Namun bagi mereka yang faham sejarah dan melihat Revolusi Industri Ke-4 ini sebagai satu bentuk kesinambungan zahir daripada benak generasi manusia yang sama, akan lebih berwaspada memperhatikan kebertanggungjawaban yang pasti menuntut penyelesaian. Apakah lagi, kali ini benda yang tercipta belum pernah berhasil sama sekali sepanjang ketamadunan manusia. Seperti pengalaman daripada revolusi terdahulu, pemikiran manusia semata-mata tidak akan terjangkau untuk menelaah dengan tepat. Bahkan pada kali ini berkemungkinan besar ciptaan manusia itu boleh menandingi keupayaan manusia bukan seperti ciptaan-ciptaan yang terdahulu. Kali ini persaingannya hebat sekali kerana manusia menggunakan dirinya sebagai contoh dalam mencipta benda tersebut yang umumnya dikenali sebagai "robot" yang dipoparkan pada tahun 1920-an melalui sebuah filem.

Sejenis mesin yang kian lama menyerupai manusia (yang digelar sebagai "*humanoid*" umumnya) mendapat ilham daripada sains komputer melalui algoritma berkomputer yang hari demi hari semakin canggih dalam perlakuan yang mirip penciptanya. Pada suatu masa nanti, kesemua ini kesudahannya dijangka akan membawa kepada



pertembungan antara manusia dengan robot pada suatu titik yang dipanggil "*singularity*". Manusia mula terkesan oleh teknologi-teknologi robot atau dengan kata lain semakin sukar untuk membezakan antara manusia dengan robot termaju. Impak pertembungan ini tidak diketahui sepenuhnya, selain daripada tidak semuanya baik-baik belaka sehingga cerdik pandai dalam bidang tersebut mengandaikan bahawa kewujudan manusia itu sendiri akan digugat oleh ciptaan.

Jika dahulu kewujudan manusia terancam kerana keruntuhan alam sekitarnya. Kali ini manusia sendiri boleh terancam secara langsung, terpulang kepada sama ada kebijaksanaan atau keangkuhan yang mendahului. Walaupun kita tidak wajar menafikan segala-gala yang dibawa oleh revolusi kali ini, tetapi apa pula jaminan yang mengatakan sebaliknya, masih menjadi tanda tanya. Setakat ini belum ada lagi sebarang jaminan memandangkan manusia terus rakus dan hanya mementingkan kehidupan semasa lebih daripada yang terkehadapan. STEM tidak lagi berupaya mendatangkan penyelesaian mutlak jika kita berpandukan kepada apa yang pernah dan sedang berlaku. Oleh itu ada kewajaran untuk mengembalikan manusia itu kepada fitrahnya agar tidak menjadi penyebab utama kemudaratannya selanjutnya seperti yang pernah dialami. Ini mengundang STREAM (yang turut meliputi agama, etika dan sastera) sebagai kerangka baharu untuk mencari penyelesaian lestari untuk mengelakkan

masalah baharu yang bakal merumitkan lagi keadaan. Malah akronim STEM itu perlu diungkap dengan kefahaman *spiritual, truth, ethics* dan *morality* (kerohanian, kebenaran, nilai etika dan moral) dalam usaha untuk mengimbanginya.

Namun, ini akan hanya berjaya jika manusia tidak diasingkan daripada sifat kemanusiaannya, bagaikan robot yang sesemangnya tidak ada nilai kemanusiaan sama sekali. Pendek kata, manusia boleh meniru atau menurut secara membuat perihal robot dalam pengertian lebih luas. Jika tidak, sebagaimana robot tidak dipayungi rahmat dan barakah, begitu jugalah manusia ala-robot. Sejarah akan berulang semula selagi manusia gagal mengambil berat tentang amanah yang sedang dipikul. Apatah lagi jika kita tidak bersedia ke arah tersebut sedangkan nilai kemanusiaan sejagat mengalami kekusutan yang amat sangat.

Lantas di sinilah bermulanya langkah merintis sebuah Kampus Barakah. Satu tumpuan yang memulangkan semula fitrah manusia dengan memantapkan serta mengimbangi ilmunya antara yang naqli dan aqli melalui pembudayaan iqra' sebagai asas seperti mana yang difirmankan kepada seorang Rasul yang ummi. Kiasan ini dalam dunia era ilmu pengetahuan begitu jelas sekali. Iqra' bukan sekadar bermedia sosial atau mencari maklumat di hujung jari ataupun berkomunikasi tanpa isi tetapi sebaliknya. Ia menuntut pencerahan dalam segala sesuatu, berani menyangkal apabila tersasar dan menyanggah apabila melampaui batas ke arah ketidakseimbangan. Lingkungannya bukan sekadar sekeliling pinggang sahaja tetapi jauh ke persada antarabangsa dan berinteraksi merentas pelbagai sektor dan pelbagai peringkat. Pokoknya, insan diupayakan sedemikian rupa kerana "pengisian" suci disuburi ilmu yang satu pada hakikatnya, diakari pula budaya iqra' yang kental lagi cekal. Dengan cara ini barulah sebuah universiti itu mampu menggerakkan manusia ke arah kesempurnaan fitrahnya, apabila qalbunya turut tersentuh serta terasuh secara berterusan sepanjang hayat. Sekali gus membuka jendela barakah tatkala qalbu dilunakkan dengan kesucian serta keikhlasan bersandarkan takwa sepenuh jiwa raga.

Dengan kata lain, kesempurnaan manusia tidak lagi boleh dikompromikan sama sekali dalam mengejar laba Revolusi Industri Ke-4 yang mana di penghujungnya terpendam satu kesan yang amat membimbangkan. Atas keinsafan inilah buku ini dinukilkan, mengambil kira sebanyak mungkin pengalaman USIM dari awal sejarahnya sehingga yang terkini, di samping memahami selok-belok penubuhannya baik dari segi falsafah, wawasan dan misi merangkumi pelan-pelan strategik yang ada. Himpunan semua ini menjadi latar setuntas mungkin untuk melakar satu sorotan serba baru berbantuan perancangan senario melalui sebuah bengkel yang diadakan khas untuk tujuan ini.

Kesimpulannya, buku ini memuatkan pelbagai aspirasi dari segenap lapisan masyarakat USIM, pihak KPT, negara, masyarakat awam serta ilmiah, dan akhirnya mencorakkan semula pengertian sebuah universiti dan meletakkan acuan baharu dalam menangani pelbagai revolusi industri yang baharu dan lama, bahkan yang akan datang, dengan terlebih dahulu menempatkan Islam sebagai kerangka utamanya. Dengan izin Allah SWT jua kita nanti mampu menggerakkan Revolusi Manusia Ke-5 mendepani Revolusi Industri Ke-4 dan seterusnya. Inilah langkah permulaan merintis sebuah Kampus Barakah - suatu bentuk hijrah - mengambil aspirasi sempena Maal Hijrah 1439 H demi membela keutuhan dan maruah kemanusiaan sejagat serta umat Islam.

Dzulkifli Abdul Razak
Pengerusi,
Lembaga Pengarah USIM
1 Muharam 1439 H
22 September 2017 EM

The 5th human revolution?



MYVIEW

10 | SPEAK UP
Wednesday 20 SEPTEMBER 2017 | SEPTEMBER 20, 2017

* Merintis Kampus Barakah. Written by Dzulkifli Abdul Razak. Published by The Sun. © 2017 Sun Media Corporation Ltd. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without written permission from the publisher.

LIke many others I am awaiting the 4th Industrial Revolution (4IR) with no doubt it will bring about a better future for all. However, I am also worried about the way it was promoted as the next “big” thing, without which one would be left behind, if not now, then in the future. This is because the theme of the 4IR is more pronounced because the theme being left behind, or more redundant, is “disruption”.

This, however, is not exactly revolutionary, given its solid industrial revolution period, the term “disruption” has been used since the world continues to “Innovate”, and some would even claim that it is new because that what we have now, thanks to the “Innovation”.

The “Innovation” is somewhat reminiscent of the “disruption” that was introduced by the Y-2K bug. It was perceived as another technology “threat” from external corporate players, but it was not until the 4IR that it arguably is a part of the 5th Industrial Revolution since although no one issued it as a threat, it is still there.

Still many are left feeling vulnerable not knowing exactly what to do. Fortunately, when it comes to the “disruption” that is to be beaten as result, an anti-climax of sorts. So, let’s see today starting at the 4IR and later on the 5th Industrial Revolution, how we can consider the circumstances please to embrace it. At they say, if you can’t beat them, join them. After all, the 4IR is here to stay, and the benefits involved. This is vital to know because the desire of the human race is one

possible to quote someone like Stephen Hawking who said 4IR: “The development of computers and artificial intelligence could spell the end of the human race.”

The said many developing countries like Malaysia and Indonesia are still stuck up “frontiers” based on pre-set standards as he complained with us to be accepted. Falling in line with the 4IR, the 5th Industrial Revolution were featured hardly by an international professor based in America on 4IR. He claimed wanted to have enough literature he concluded as being “humanity” to be accepted, and “it is the end all and be all”.

Fortunately, the relevant universities and research institutions around the world would “standby” agree and present with the one and only “disruption” that is “disruption” – not unlike the cultural trend.

So, the “disruption” make up our mind as a nation and people, given our own attributes and advantages, and the world around us. Wee Asia (2012), audience recently Transformasi Nasional (TN) was held in Kuala Lumpur, the 4IR is highly focused, although it isn’t be final one come of the same challenge requires us to be more creative in our technology. As for the latter it remains to be seen as similar is the call for the depending on the circumstances. For example, next week a Khasanah Megayana Pemerkasa di “Cenderawasih Algoritma” will be held in Universiti Teknologi PETRONAS (UTP). It is a platform for the two interact depending as explained by “Human X Machine” then one to tempted to interpret it as interaction between “Peman-

“mineral intelligence” and “Artificial (synthetic) intelligence” is the broadest definition of AI. In this regard, depending on how we treat technology, my bias is in: how we treat “humans”, instead?

After all, the 4IR and 5th Industrial Revolution are different parts of being human, beyond just the cerebral. Certainly, way beyond the brain, and the body, and the soul, and the energies (like the IFR) and function of those who are “spiritually” developed. The 4IR is the capability of possessing into self-discovery. Leading to transcendental self-discovery, and the 5th Industrial Revolution (recalculating thinking can never be undertaken, for alone reach. It is caused by the “disruption” that is the “mistakes” of overconcentrating on the “antivirus” and really understanding the “virus”. The “virus” of personal willfulness, particularly of transnational capitalistic and commercialism (greed and consciousness) that this biology has. Antagonistic relationship.

On the other hand, the 5th Industrial Revolution is the naturally endowed primal intelligence to duly recognize the “virus” of personal willfulness that machines are not privy to.

Logically speaking, it must necessarily remain to be the 5th Industrial Revolution at the “5th Human Revolution” (5HR). Machines, for all their algorithmic or synthetic (super) intelligence, are still bound by the “primal instinct” (called it “Instinct” or “Larva”) approach the “development” should be “revolution” instead. This is because it enable to it create an very “disruption” towards among human fetus that is more aggressive (link of thousand movements globally).

This is of prime importance, as almost all

human beings’ love compassion, ethics and morality to be applied on the human state. Otherwise, the 5th Industrial Revolution indicates of performance enhancement. KPIs that have come to transforms us to be more efficient, and more effective, may must be deeply rooted (if not even not before) the 4IR can rightly claim to serve the needs of the human race. In this case, we may that machines can be made “conscious” through the use of “intuit” technology related to the “consciousness” of the machine, through the use of “intuit” technology related to the “consciousness” it all about.

Ultimately, it has to go past the “consciousness” of the machine, the “intuit” (the algorithm), into a realized the human “self” – the use of spirituality and conscience. Otherwise, the 5th Industrial Revolution will be properly understood and overseen. In order yet another vista that is more challenging, more difficult, more complex, elegant as well as humanity, that “we” can truly lead, overseeing the mechanical transformation of the human race.

Otherwise we are back on the achievement set path that one size fits all. The 4IR and 5th Industrial Revolution, we known for their “efficiency” in taking over pattern-based functions which are to be replaced by the “intuit” technology. This must be unconditionally “human” enough to assert our humanity over a piece of machine, and to be able to transform the human race as predicted. The Greek philosophers would put it as “first know thyself”.

So we stand for the next “disruption” of being human.

With some four decades of experience in education, the writer believes that “education is possible”. Comments letter@lifestyle.com

Keratan Akhbar *The Sun* pada Rabu, 7 Muharam 1439 H (27 September 2017 EM)

Indeks

A

Anjal 103, 126
Aqli 6, 8, 9, 28, 45, 46, 47, 52, 54, 81, 83, 126

B

Barakah 1, 5, 6, 16, 18, 19, 28, 35, 41, 42, 43, 44, 66, 77, 84, 85, 92, 94, 95, 97, 98, 101, 105, 109, 112, 117, 119, 122, 123, 126

Berkeusahawanan 46, 52, 53, 83, 87, 88, 109, 126

E

E-pembelajaran 126

F

Falsafah Pendidikan Kebangsaan 88, 99, 126

G

GIINA 8, 46, 52, 53, 83, 84, 87, 109, 110, 126
GOAL 8, 83, 87, 126

H

Hibrid 14, 15, 126
Holistik 46, 48, 52, 55, 60, 79, 80, 83, 87, 88, 103, 109, 111, 115, 126

I

i-CGPA 8, 110, 126
ICT 8, 38, 39, 81, 117, 126
INAQ 8, 20, 45, 47, 126
Insani 25, 92, 99, 126
IPB 8, 17, 126
Iqra' 10, 16, 35, 37, 45, 48, 49, 74, 84, 85, 103, 104, 122, 126

J

Jurnal berindeks 81, 89, 126

K

Kampung Mizan 66, 94, 95, 126
Kampus Barakah 1, 5, 6, 16, 18, 19, 28, 35, 41, 43, 44, 66, 77, 84, 85, 92, 94, 95, 97, 98, 101, 105, 112, 117, 122, 123, 126

Kepemimpinan 45, 54, 55, 65, 92, 94, 100, 126

Kiblat 34, 35, 126
Kokurikulum 28, 41, 88, 126
KRA 80, 81, 126
Kurikulum 81, 95, 126

M

Maqasid Syariah 66, 69, 89, 94, 127
Mobiliti 17, 80, 100, 126
MOOC 8, 39, 87, 126
Murabbi 103, 111, 114, 116, 126

N

Naqli 6, 8, 9, 28, 45, 46, 47, 52, 54, 81, 83, 126

O

Oasis 109, 112, 126

P

Pelan Strategik 9, 76, 79, 80, 81, 82, 95, 126
Pendidikan Islam 40, 126
Pengantarabangsaan 17, 45, 60, 126
Penyelidikan 8, 9, 18, 38, 46, 48, 62, 63, 65, 66, 76, 81, 91, 126
Permata Insan 94, 95, 126
PIINA 8, 28, 47, 83, 100, 126
P&P 9, 30, 32, 37, 38, 39, 47, 70, 79, 84, 85, 87, 100, 102, 126
PSH 9, 81, 87, 126

Q

Qalbu 45, 54, 55, 94, 100, 126

R

Revolusi Industri Ke-4 17, 45, 66, 67, 68, 69, 102, 103, 104, 106, 107, 110, 111, 120, 121, 122, 123, 126

S

Sains dan Teknologi 8, 29, 127

Sains Islam 2, 5, 6, 8, 9, 14, 21, 46, 48, 49,
127

Seimbang 53, 89, 127

Sejahtera 6, 121, 127

SIANA 9, 54, 109, 110, 127

Societal-Tech 109, 111, 112, 127

STEM 9, 103, 110, 120, 121, 122, 127

STREAM 9, 95, 103, 110, 121, 127

T

Turath 25, 28, 127

U

Universiti Islam 8, 9, 21, 58, 63, 127

W

Wakaf 18, 49, 76, 84, 90, 91, 94, 101, 102,
111, 127

Z

Zakat 62, 76, 81, 91, 127



Pemandangan Dini Hari Kolej Kediaman 1, USIM
Foto: Syahirah Salleh, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan



MERINTIS
**KAMPUS
BARAKAH**

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Negeri Sembilan

Tel: 06-798 8000 | Faks: 06-798 8032
www.usim.edu.my

